3. Merekodkan fail dan membuka fail harta baru dan fail pentadbiran.
4. Menghantar Penyata Pemunya dan Borang I kepada pemilik harta.
5. Bertanggungjawab memasukkan data harta baru dan harta pindaan dalam sistem komputer Majlis.
6. Mengeluarkan Laporan Pindaan Nilai Tahunan dan lain-lain laporan yang berkaitan.
7. Menyimpan statistik harta dan menguruskan semua surat-menyurat am jabatan.
8. Bertanggungjawab memastikan semua fail hartanah cukai taksiran disimpan dan direkod dengan selamat dan tepat.
9. Menguruskan penyediaan Belanjawan Jabatan dan mengkordinasikan penyediaan Sasaran Kerja Tahunan Jabatan.
10. Notis pindaan Seksyen 144 dan 141 dan mengurus rekod hartanah berkadar.
11. Urusan fail pentadbiran dan fail pegangan berkadar.
12. Urusan rekod kedatangan, cuti dan disiplin.
13. Pengurusan bilik fail / pelan / bilik mesyuarat dan urusetia mesyuarat peringkat Jabatan.
14. Urusetia Jawatankuasa Bantahan Nilai Harta.
15. Laporan Pindaan Senarai Nilaian.
16. Urusan carian resmi / kaunter dan merekod senarai pemilik data pindaan dan penilaian semula.
17. Urusetia Jawatankuasa Bantahan Nilai Harta dan Pindaan / pembatalan harta / akaun harta.
18. Urusan belanjawan dan baucar bayaran dan Unit penyimpanan data / rekod harta.
19. Penerimaan dan memproses Bantahan dan Keputusan Bantahan.
20. Urusan tukar nama pemilik / Borang I / Penyata Pemunya.
21. MS ISO 9000-2008 Penentuan Nilai Tahunan-Pemantauan.
22. Urusan tukar alamat pos.
23. Untuk membudayakan Kualiti, Inovasi dan Kreativiti, Program-program kualiti dikemaskinikan dan dikuatkuasakan :
    a) Memastikan ISO 9000-2008 yang berkuatkuasa bagi perkhidmatan teras utama – proses dan penentuan nilai tahunan dilaksanakan dan mengambil tindakan pembetulan (jika perlu).
    b) Tindakan mengemaskini 'Key Performance Indicator' (KPI) Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.
    c) Mengemaskini Penanda Arasan (PKPA Bil 1/1999).
    d) Bertanggungjawab mengemaskini 'Manual Prosedur Kerja' (MPK) dan Fail Meja (PKPA Bil 8/1991).
    e) Mengkordinasikan Kumpulan Meningkat Mutu Kerja (KMK) (PKPA) Bil 7/1991) / KIK dan melaksanakan program EKSA dan lain-lain perkara berkaitan persekitaran Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.
    f) Mengemaskini sudut kualiti Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.
    g) Mengemaskini laporan 'Star Rating' dan laporan Anugerah-anugerah lain (bila perlu).
    h) Menyediakan laporan tahunan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.
    i) Mengemaskini dan menyediakan SKT Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.
    j) Menguruskan aduan-aduan berkaitan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.
24. Menguruskan semua baucar bayaran.

Borang Penyata Pemunya.

Borang I.

Notis Kenyataan Pindaan Senarai Nilaian

JABATAN KAWAL BANGU

AN NAN

JABATAN **KAWALAN BANGUNAN**

Jabatan Kawalan Bangunan

Struktur organisasi Jabatan Kawalan Bangunan terbahagi kepada 5 bahagian dengan fungsi-fungsi yang ditetapkan iaitu:-

1. **Bahagian Kawalan Pembangunan Dan Kelulusan**
   - 1.1 Memproses dan meluluskan permohonan kelulusan pelan bangunan baru dan ubahsuai bangunan berpandukan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
   - 1.2 Memantau keperluan kemudahaksesan OKU dan keperluan GBI pada pelan-pelan bangunan baru.
   - 1.3 Memantau dan menyelenggara Sistem Pengurusan Fail Bangunan dan EDMS.
   - 1.4 Mengemaskini data-data GIS berkaitan Jabatan serta Laman Web Jabatan.
   - 1.5 Mengurus program tahunan dan program khas yang dianjurkan oleh Jabatan.

2. **Bahagian Kawalan Pembinaan Dan Penguatkuasaan**
   - 2.1 Membuat pemantauan ke atas tapak-tapak pembinaan berpandukan Sistem CCC.
   - 2.2 Memproses permohonan pengeluarkan SKM / CFO dan SP.
   - 2.3 Membuat siasatan ke atas aduan-aduan yang diterima.
   - 2.4 Mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas binaan tanpa kebenaran dan binaan melencong daripada pelan yang diluluskan di bawah peruntukan Seksyen 70, Akta Jalan, Parit Dan Bangunan (Akta 133).
   - 2.5 Memantau projek-projek terbengkalai.

3. **Bahagian Kawalan Struktur Dan Keselamatan Bangunan**
   - 3.1 Memproses dan meluluskan permohonan kelulusan pelan bangunan / struktur sementara seperti permohonan mendirikan menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi, struktur paparan iklan, pejabat jualan sementara, bajet hotel, binaan tapak bina dan rumah contoh.
   - 3.2 Membuat siasatan ke atas aduan yang berkaitan dan seterusnya mengambil tindakan penguatkuasaan.
   - 3.3 Memproses permohonan merobohkan bangunan.
   - 3.4 Memeriksa keselamatan struktur bangunan lebih 5 tingkat yang melebihi 10 tahun SKM dikeluarkan di bawah peruntukan Seksyen 85A, Akta Jalan, Parit Dan Bangunan (Akta 133).

4. **Bahagian Rekabentuk Dan Pengurusan Program**
   - 4.1 Menyediakan data dan kajian rekabentuk untuk bangunan Majlis agar setiap pembangunan Majlis yang dilaksanakan oleh Majlis sendiri telah mengambil kira semua aspek berkaitan dengan penetapan garis panduan yang diguna pakai oleh Majlis untuk pembangunan luar.
   - 4.2 Melaksanakan Anugerah Bangunan Ceria.
   - 4.3 Mengenal pasti lorong-lorong belakang yang boleh dinaik taraf untuk memberi imej kepada bandar dari aspek komersil dan nilai seni serta mewujudkan identiti kepada sesuatu kawasan.
   - 4.4 Merancang seminar / bengkel dan lawatan sambil belajar.
   - 4.5 Membuat lawatan berkala ke tapak supaya binaan tidak melencong dari garis panduan yang ditetapkan.

5. Bahagian Pengurusan Dasar dan Strategik

5.1 Menyediakan dasar, garis panduan dan strategik Jabatan yang terlibat dengan rekabentuk bandar Petaling Jaya.

5.2 Menambah baik dan menyediakan ISO dan SOP Jabatan.

5.3 Memantau serta menambah baik dasar dan garis panduan sedia ada seperti penyediaan manual jabatan dan sebagainya.

5.4 Mengumpul data dan menganalisis statistik bangunan yang melibatkan SPAH, OKU dan lain yang berkaitan dengan bangunan.

5.5 Mengkoordinasi serta memantau projek-projek yang melibatkan universal design / rekabentuk sejajar, pengurusan tenaga dan lain-lain yang berkaitan dengan bangunan.

Aktiviti Utama Jabatan

1.0 Bahagian Kawalan Pembangunan Dan Kelulusan

Penerimaan Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan bagi tahun 2018 adalah sebanyak 759 permohonan. Kategori permohonan kelulusan pelan bangunan diterima bagi tahun 2018 adalah seperti jadual di bawah:

Bil.	Kategori Bangunan	Jumlah Permohonan	Peratus
1.	Bangunan Baru	50	6.60%
2.	Tambahan / Pindaan Bangunan	709	93.40%
	Jumlah	**759**	**100%**

Jumlah kutipan hasil tahun 2018 adalah bayaran proses pelan berjumlah RM 3,145,671.24 dan bayaran denda berjumlah RM 1,506,820.20

Pecahan Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan Baru



Pecahan Permohonan Kelulusan Pelan Tambahan/ Pindaan Bangunan



1.1 Program Pembangunan Endbase National BIM E-Submission Bersama CIDB

Bermula pada tahun 2017, pihak Jabatan Kawalan Bangunan, mbpj telah dipilih antara 3 pbt seluruh Malaysia untuk projek perintis di bawah cidb bagi membangunakan satu sistem bim Checker sebagai pemudah cara proses semakan pelan bangunan.

Di bawah Rancangan Malaysia ke-10 sejajar dengan penglibatan dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi, pihak cidb telah melantik mbpj sebagai rakan strategik bagi membangunakan satu sistem automasi proses semakan pelan bangunan di peringkat pihak berkuasa temapatan secara digital dengan menggunakan kaedah 3D Building Information Modelling (BIM).

Satu *blue print* telah diwujudkan untuk tahun 2017-2020 bagi proses membangunakan sistem, latihan penggunaan *software*, pembangunan *protocol guidebook* bagi tujuan merekabentuk 3D Modelling dan kajian penyediaan laporan penilaian projek sejajar dengan pembangunan IOT tempatan serta selaras dengan agenda *PJ Smart City*.

2. Bahagian Kawalan Tapak Bina Dan Pengurusan Program

2.1 Penerimaan CCC



2.2 Anugerah Bangunan Ceria 2018

2.3 Pertandingan KIK

2.4 Majlis Perhimpunan Bulanan MBPJ

3.0 Bahagian Kawalan Pembinaan Dan Penguatkuasaan

3.1 Tindakan Penguatkuasaan

Tindakan penguatkuasaan keatas binaan tanpa kebenaran, binaan melencong dari pelan yang diluluskan dan kesalahan di tapak binaan di kawasan Majlis dijalankan di bawah peruntukan Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133).

Tindakan penguatkuasaan diambil berpandukan aduan yang diterima, rondaan dan pemantauan tapak binaan oleh Pemeriksa Bangunan. Jabatan Kawalan Bangunan mencatatkan penerimaan aduan sebanyak 363 aduan pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 sebanyak 445 aduan yang diterima. Peningkatan sebanyak 9 (2%).

Pecahan Status Aduan



Tindakan penguatkuasaan ke atas aduan-aduan diambil dengan mengeluarkan notis-notis seperti pecahan carta dibawah:

Pecahan Notis-Notis Tindakan Penguatkuasaan Yang Dikeluarkan



Sebanyak 71 operasi meroboh binaan tanpa kebenaran dan struktur iklan haram telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018. Kerja-kerja perobohan dijalankan oleh Majlis atau kontraktor yang dilantik dengan kerjasama jabatan-jabatan lain yang berkaitan seperti Jabatan Penguatkuasa, Jabatan Kejuruteraan, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia dan Tenaga Nasional.

Perobohan binaan tanpa kebenaran

3.2 Pemeriksaan Bangunan Secara Berkala

Pemeriksaan keatas bangunan-bangunan yang melebihi 5 tingkat selepas 10 tahun Sijil Kelayakan Menduduki dikeluarkan dijalankan di bawah peruntukan Seksyen 85A, Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (AKTA 133).

Pada tahun 2018 sebanyak 13 notis telah dikeluarkan ke atas bangunan-bangunan yang melebihi 5 tingkat yang telah cukup tempoh.

Lawatan pemeriksaan bangunan secara berkala

3.3 Program Taklimat Pemantapan Kecekapan Bagi Proses Pemeriksaan Dan Pengemukaan Laporan Keadaan Bangunan Seksyen 85a, Akta 133

Bengkel yang telah diadakan pada 10 hingga 12 Julai 2018 tercapai dengan penghasilan garis panduan pemeriksaan dan pengukuran keadaan bangunan sedia ada (BCS – MBPJ)

4.0 Bahagian Kawalan Kualiti Dan Penggubalan Dasar

4.1 Seminar Pengenalan Pengurusan Tenaga MS1525 Bersama SEDA

4.2 Bengkel Persediaan Perancangan Pengurusan Tenaga Lestari

5. Bahagian Kawalan Struktur Dan Keselamatan Bangunan

5.1 Kerja-kerja Pengindahan Kawasan Sungai Serta Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Di Sg. Penchala Di Bawah Program Projek Pengindahan Sg. Penchala. Program pengindahan Sungai Penchala merupakan usahasama di antara Majlis bersama pihak Jabatan Pengairan Selangor. Tapak cadangan adalah merupakan rezab sungai milik Jabatan Pengairan Selangor. Program ini dilaksanakan secara berperingkat dengan beberapa Fasa mulai tahun 2015 dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2018. Pada tahun 2018, Sebutharga Fasa ke Empat telah dikeluarkan pada September 2018 dan siap sepenuhnya pada November 2018.



JABATAN
PEMBANG
KEMASYA

GUNAN
RAKATAN

JABATAN
PEMBANGUNAN
KEMASYARAKATAN

Bahagian Khidmat Komuniti & Pembangunan Modal Insan

Fungsi Utama

Memacu pembangunan modal insan bagi mempertingkatkan potensi diri masyarakat Petaling Jaya dengan merancang, melaksana dan menyelaras program dan aktiviti kemasyarakatan sebagai tanggungjawab sosial Majlis mengikut program yang ditetapkan:

a) Rakan Muda

Menerapkan nilai-nilai murni dan jati diri bagi membentuk remaja cergas, proaktif dan cemerlang.

b) Hal Ehwal Wanita (HEWA)

Mempertingkatkan kualiti hidup bekeluarga dengan menggalakkan penyertaan dan peranan aktif wanita, ahli keluarga dan masyarakat dalam program Majlis.

c) Warga Emas

Membantu warga emas mencapai taraf hidup lebih baik dan mewujudkan budaya penyayang dalam masyarakat.

d) Mesra Rakyat

Memupuk semangat kerjasama antara komuniti, memelihara keutuhan institusi kekeluargaan, mewujudkan suasana harmoni di kalangan masyarakat serta suasana komunikasi yang baik antara penduduk setempat dengan pihak Majlis.

e) Mesra Industri

Mewujudkan rangkaian perhubungan mesra melalui aktiviti sihat antara pihak berkepentingan dalam Industri dengan pihak Majlis.

f) Belia (PeBT)

Membentuk belia yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan yang aktif bagi menyumbang terhadap pembangunan sahsiah masyarakat dengan pelaksanaan program belia.

g) Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB)

Mempergiatkan usaha pembasmian kemiskinan bandar di Petaling Jaya bagi meningkatkan pendapatan isi rumah peserta berdaftar yang kurang berkemampuan.

h) Askar Wataniah

Menjalankan aktiviti berunsur ketenteraan bagi ketahanan fizikal dan mental dalam kalangan kakitangan yang menyertai.

i) Majlis Perwakilan Penduduk (MPP)

Menguruskan pelaksanaan pengurusan MPP induk dan menyelaras MPP di peringkat zon

j) Perkhidmatan Van Transit OKU

Mengurus perkhidmatan Van OKU untuk golongan OKU mendapatkan rawatan di pusat perubatan/hospital dan memberi stiker OKU kepada mereka yang layak

Jadual Pelaksanaan Program Komuniti Dan Pembangunan Modal Insan Bagi Tahun 2018

Bil	Tarikh Program	Kategori	Nama Program / Aktiviti	Lokasi	Tindakan	Catatan
JANUARI 2018						
1	13 - 14 Januari 2018	Komuniti	Bancian PPKB	Kawasan PJS	PPKB	20 Rumah Banci
2	20 - 21 Januari 2018	Modal Insan	Program Belia Cinta Alam Bersama Sukarelawan Komuniti PJ	Sekitar Shah Alam	Belia	30 Belia 20 Sukarelawan
3	23 – 25 Januari 2018	Komuniti	Bengkel Kursus Jahitan Siri 1/18	Pusat Khidmat Komuniti Lembah Subang	PPKB	30 Peserta
4	27 Januari 2018	Modal Insan	Bengkel PBSM Dan Kursus Asas Kayak Siri 1/18	Tasik Kelana Jaya	Remaja	100 Peserta
FEBRUARI 2018						
5	2 - 4 Februari 2018	Komuniti	Retreat HEWA	Terengganu	HEWA	40 Peserta
6	10 - 11 Februari 2018	Komuniti	Retreat Dan Bengkel Kepimpinan MPP	Melaka	MPP	22 Perwakilan
7	17 Februari 2018	Komuniti	Kursus Kepimpinan Gender Dan Keserataan Wanita	Shah Village Hotel , PJ	HEWA	30 Peserta
8	25 Februari 2018	Modal Insan	Kaunseling Berkelompok Remaja ABJZ (Anda Bijak Jauhi Zina)	Masjid Jumhuriah Taman Dato Harun PJ	Remaja	100 Peserta
9	28 Feb 2018	Modal Insan	Kelas Asas Sukarelawan Dan Street Dakwah	Masjid Jumhuriah Taman Dato Harun PJ	Belia	50 Orang
10	28 Feb 2018	Komuniti	Sumbangan Tahun Baru Cina	Menara MBPJ	PPKB	20 Penerima

Bil	Tarikh Program	Kategori	Nama Program / Aktiviti	Lokasi	Tindakan	Catatan
MAC 2018						
11	10 Mac 2018	Komuniti	De Coupage Tudung Salji	Kota Damansara	HEWA	30 Peserta
12	11 Mac 2018	Komuniti	Car Free Day Siri 1	Taman Bandaran Kelana Jaya	Bahagian	5000 Orang
13	11 Mac 2018	Komuniti	Sambutan Hari Wanita	Taman Bandaran Kelana Jaya	HEWA	
14	17 Mac 2018	Komuniti	Program Tautan Kasih Golongan Terlantar	Sekitar Daerah Petaling Jaya	PPKB	20 Penerima
15	19 - 22 Mac 2018	Modal Insan	Kem Jati Diri Siri (1)	Kem Teluk Bahang, Pulau Pinang	Remaja	100 Orang
16	24 - 25 Mac 2018	Komuniti	Motivasi Remaja	Slim River, Perak	HEWA	30 Orang
17	31 Mac 2018	Modal Insan	Program Pendidikan Belia (Seminar Penjelasan Ajaran Sesat / Meragukan)	Dewan Ilmu Perpustakaan MBPJ	Belia	250 Peserta Kolej
18	31 Mac – 1 Apr 2018	Komuniti	Retreat Kepimpinan MPP Siri 2/18	Melaka	MPP	18 Perwakilan
APRIL 2018						
19	7 April 2018	Komuniti	Kursus Pengucapan Awam	Shah Village	HEWA	30 Peserta
20	8 April 2018	Komuniti	Mesra Komuniti	Taman Medan	Mesra Komuniti	500 Orang

Bil	Tarikh Program	Kategori	Nama Program / Aktiviti	Lokasi	Tindakan	Catatan
21	14 April 2018	Modal Insan	Belia Prihatin Terhadap Warga Emas	Pusat Jagaan Warga Emas Suria, PJ	Belia	30 Peserta Kolej
22	14 - 15 April 2018	Modal Insan	"Kaunseling Kelompok Remaja" Skor A SPM Dan PT3	Dewan Ilmu Perpustakaan MBPJ	Remaja	PT3 : 250 peserta SPM : 250 Peserta
23	21 - 22 April 2018	Komuniti	Kursus Membuat Frozen Food	Pusat Komuniti Lembah Subang	PPKB	20 Peserta
24	21 - 22 April 2018	Komuniti	Kembara Ilmu	Negeri Sembilan	HEWA	30 Orang
25	25 April 2018	Modal Insan	"Osman Affan" Kaunseling SPM Memaju Kerjaya	Dewan Ilmu Perpustakaan MBPJ	Remaja	250 Peserta
26	28 Apr 2018	Modal Insan	Kecergasan Belia (Pertandingan Futsal)	Pusat Generasi Muda, Arena PJ	Belia	150 Orang
MEI 2018						
27	11 Mei 2018	Komuniti	Anugerah Kecemerlangan SPM	PPD Petaling Jaya	PPKB	40 Penerima
28	12 Mei 2018	Komuniti	Sambutan Hari Pekerja	Pusat Generasi Muda , Arena PJ	Mesra Industri	1000 Penyertaan
29	14 Mei 2018	Komuniti	Sumbangan Aidilfitri Tautan Kasih (Warga Emas Dan OKU)	Dewan Banquet	PPKB Belia	50 - Wargaemas 30 - OKU
30	26 Mei 2018	Modal Insan	Remaja Raikan Ramadhan (3R)	Masjid Kelana Jaya	Remaja	Terlaksana 100 Peserta
31	27 Mei 2018	Komuniti	Iftar Ramadhan	Masjid Jamek Abdul Aziz Seksyen 3	HEWA	Terlaksana 100 Peserta

Bil	Tarikh Program	Kategori	Nama Program / Aktiviti	Lokasi	Tindakan	Catatan
32	27 Mei 2018	Komuniti	Solat Dhuha Dan Tasbih	Masjid Jumhuriah Dato' Harun	HEWA	100 Peserta
JUN 2018						
33	1 Jun 2018	Modal Insan	Program Belia Meraikan Anak Yatim Dan Asnaf	Armada Hotel PJ	Belia	50 Peserta
34	3 Jun 2018	Modal Insan	Program Belia : Iftar Ramadhan Bersama Anak-Anak Pesakit Aids / HIV	Publika	Belia	50 Peserta
35	3 Jun 2018	Komuniti	Menangani Stress Terapi Penyucian Jiwa	Masjid Assalam PJS 1	HEWA	100 Peserta
36	26 Jun 2018	Komuniti	Jamuan Raya HEWA	D'Palma Hotel , Shah Alam	HEWA	100 Peserta
37	29 Jun 2018	Modal Insan	Sambutan Hari Raya Meraikan Anak Yatim Dan Asnaf	Pusat Generasi Muda, Arena PJ	Remaja	100 Peserta
JULAI 2018						
38	4 Julai 2018	Modal Insan	Belia Raikan Warga Emas (Sambutan Hari Raya)	Kompleks Penyayang Bakti, Bandar Sri Damansara	Belia	Belia - 50 Warga Emas - 50
39	14 Julai 2018	Modal Insan	Kursus Kayak Dan Penyelamat Nyawa Siri 2	Taman Tasik Bandaran Kelana Jaya	Remaja	100 Peserta
40	14 Julai 2018	Modal Insan	Santai Belia "World Cup 2018"	Mentari Business Park, PJ	Belia	250 Orang
41	21 Julai 2018	Komuniti	Program Mesra Rakyat DUN Seri Setia	Kampung Lindungan	Mesra Rakyat	500 Orang

Bil	Tarikh Program	Kategori	Nama Program / Aktiviti	Lokasi	Tindakan	Catatan
42	21 - 22 Julai 2018	Komuniti	Kursus Membaiki Telefon	Pusat Generasi Muda, Arena PJ	PPKB	50 Peserta
43	27 - 29 Julai 2018	Modal Insan	Program Wataniah Kembara Duga	Tasik Kenyir, Terengganu	Wataniah	80 Kakitangan 20 Askar Wataniah
OGOS 2018						
44	3 - 5 Ogos 2018	Komuniti	Lawatan Ilmiah	Kelantan	HEWA	100 Peserta
45	12 Ogos 2018	Komuniti	Car Free Day Kali 2/2018	Taman Tasik Bandaran Kelana Jaya	Bahagian	5000 Penyertaan
46	16 - 21 Ogos 2018	Modal Insan	Pertandingan Keceriaan Merdeka	Sekitar Daerah Petaling Jaya	Belia	12 Persatuan Komuniti
47	25 Ogos 2018	Komuniti	Bengkel Alas Kaki	Pusat Generasi Muda, Arena PJ	PPKB	50 Peserta
48	25 Ogos 2018	Modal Insan	Bengkel Cetakan T-Shirt & Heat Press		Remaja	100 Peserta
49	26 Ogos 2018	Modal Insan	Semarak Komuniti Merdeka	Desa Mentari	Belia	12 Persatuan Komuniti
SEPTEMBER 2018						
50	9 September 2018	Komuniti	Wanita Sihat Tulang Keluarga Harmoni	Surau Al Falah	HEWA	50 Orang
51	15-16 September 2018	Komuniti	Kembara Ilmu	Kuala Kangsar	HEWA	40 Orang

Bil	Tarikh Program	Kategori	Nama Program / Aktiviti	Lokasi	Tindakan	Catatan
52	23 September 2018	Modal Insan	Bengkel Cut And Cook Dan Explorace Remaja	Pusat Generasi Muda, Arena PJ	Remaja Belia	Remaja = 150 Belia = 250
53	23 September 2018	Modal Insan	Pertandingan Mural Dan Video Pendek (Sempena Hari Malaysia)	Pusat Generasi Muda, Arena PJ	Remaja Belia	Remaja = 150 Belia = 250
54	23 September 2018	Modal Insan	Program Belia Kecergasan "Pertandingan Dodge Ball Dan Sukan Extreme"	Pusat Generasi Muda, Arena PJ	Remaja Belia	Remaja = 150 Belia = 250
55	29 September 2018	Komuniti	Bengkel Soft Clay OKU	Pusat Generasi Muda, Arena PJ	PPKB	10 Orang OKU
56	30 September 2018	Komuniti	Program Mesra Komuniti	PPR Lembah Subang 2	Mesra Komuniti	1000 Orang
OKTOBER 2018						
57	6 – 7 Oktober 2018	Komuniti	Sambutan Hari Warga Emas	Taman Jaya	Warga Emas	500 Peserta
58	13 Oktober 2018	Modal Insan	Pertandingan Inovasi Gen PJ 2018	Dewan Ilmu Perpustakaan MBPJ	Belia	Sekolah : 5 Penyertaan Kolej : 12 Penyertaan
59	14 Oktober 2018	Komuniti	PJ Car Free Day Siri 3/18	Taman Bandaran Kelana Jaya	Bahagian	3000 Peserta
60	20 Oktober 2018	Komuniti	Karnival Kerjaya	Dewan Ilmu Perpustakaan MBPJ	PPKB	300 Penyertaan
61	27 Oktober 2018	Komuniti	Mesra Rakyat DUN Kota Damansara	Padang Seksyen 7, Kota Damansara	Mesra Rakyat	500 Orang
62	27-28 Oktober 2018	Modal Insan	Kem Keindahan Bersamamu (KBM)	Masjid Tunku Petra Kelana Jaya	Remaja	100 Peserta

Bil	Tarikh Program	Kategori	Nama Program / Aktiviti	Lokasi	Tindakan	Catatan
NOVEMBER 2018						
63	4 November 2018	Komuniti	Majlis Watikah Pelantikan MPP MBPJ	Dewan Banquet	MPP	24 Zon MPP
64	10 November 2018	Komuniti	Car Free Day Siri 4 (PJ Fun Colour Run)	Dataran PJ	Bahagian	3000 Penyertaan
65	17 November 2018	Modal Insan	Dakian Amal Belia Bersama Anak Yatim	Bukit Broga, Semenyih	Belia	30 Anak yatim 40 Belia 30 Sukarelawan
66	26 - 29 November 2018	Modal Insan	Kem Jati Diri Siri (2)	Kem Ulu Kenas, Perak	Remaja	100 Penyertaan
DISEMBER 2018						
67	4 Disember 2018	Komuniti	Jom Shopping Back To School	Mydin Subang Jaya	PPKB	60 Orang Penerima
68	7 Disember 2018	Komuniti	Sumbangan Deepavali	Dewan Sivik, MBPJ	PPKB	50 Orang Penerima
69	9 Disember 2018	Komuniti	PJ Car Free Day Siri 5	Tasik Bandaran Kelana Jaya	Bahagian	3000 Penyertaan
70	19 Disember 2018	Komuniti	Jom Gunting Rambut Kembali Ke Sekolah	Pusat Generasi Muda, Arena PJ	PPKB	100 Penyertaan
71	19 Disember 2018	Modal Insan	Karnival Kecergasan Komuniti	Pusat Generasi Muda, Arena PJ	Belia / Remaja	500 Penyertaan
72	23 Disember 2018	Modal Insan Komuniti	Sambutan Maulidur Rasul	Masjid Nurul Ehsan Taman Medan	Remaja HEWA	500 Penyertaan

Bahagian Kebudayaan, Kesenian,Sosial dan Pelancongan

Bahagian Kebudayaan, Kesenian, Sosial dan Pelancongan menjalankankan program–program teras mengikut jadual kalendar tahunan yang telah ditetapkan sebagai pengisian aktiviti–aktiviti bagi menonjolkan imej Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

FESTARI PJ/SELANGOR 2018

1. Program Kebudayaan

Bil.	Aktiviti	Tarikh/Masa/Tempat	Catatan
1	Festari PJ 2018 (Saringan 1)	**Tarikh**: 06 Julai 2018 **Tempat:** Auditorium MBPJ	Kategori Sekolah Rendah Daerah Petaling Jaya (12 Penyertaan)
2	Festari PJ 2018 (Saringan 2)	**Tarikh:** 06 Julai 2018 **Tempat:** Auditorium MBPJ	Kategori Sekolah Menengah Daerah Petaling Jaya (13 Penyertaan) Makluman: 10 Kategori Sekolah Rendah dipilih ke peringkat Akhir Festari PJ 2018 10 Kategori Sekolah Menengah dipilh ke peringkat Akhir Festari PJ 2018
3	Peringkat Akhir 1 Festari PJ 2018	**Tarikh:** 29 Julai 2018 (Ahad) **Tempat:** Auditorium MBPJ	Kategori Sekolah Rendah Daerah Petaling Jaya (10 penyertaan) Juara SK Taman Medan (RM 4000/Hadiah Iringan/Sijil/Piala) Naib Juara SK Kampung Tuanku (RM 3000/Hadiah Iringan/Sijil/Piala) Ke-3 SK Bukit Jelutong| (RM 2000/Hadiah Iringan/Sijil/Piala) Kostum Terbaik SK Taman Medan (RM 1000/Hadiah Iringan/Sijil/Piala) Kumpulan Harapan SK Taman Sungai Besi (RM 1000/Hadiah Iringan/Sijil/Piala)
4	Peringkat Akhir 2 Festari PJ 2018	**Tarikh:** 29 Julai 2018 (Ahad) **Tempat:** Auditorium MBPJ	Kategori Sekolah Menengah Daerah Petaling Jaya (10 penyertaan) Juara SMK Sri Aman (P) (RM 4000/Hadiah Iringan/Sijil/Piala) Naib Juara SMK Sultan Abd Samad (RM 3000/Hadiah Iringan/Sijil/Piala) Ke-3 SMK Assunta (RM 2000/Hadiah Iringan/Sijil/Piala) Kostum Terbaik SMK Sultan Abd. Samad (RM 1000/Hadiah Iringan/Sijil/Piala)

			Kumpulan Harapan SMK Batu Unjur, Kelang (RM 1000/Hadiah Iringan/Sijil/Piala) Jumlah penonton sepanjang berlangsung dari peringkat Saringan hingga peringkat Akhir: 2500 org
5	Festival Nasyid PJ Terbuka 2018 (Saringan) (NAFEST PJ)	**Tarikh:** 11 Ogos 2018 (Sabtu) **Tempat:** Auditorium MBPJ	Festival Nasyid Terbuka PJ 2018 adalah pertama kali dianjurkan oleh Bahagian Kebudayaan dan dibuka penyertaan di Selangor dan seluruh Malaysia. Sebanyak 23 kumpulan nasyid yang menyertai dan 10 kumpulan yang berjaya dipilih ke peringkat akhir NAFEST PJ terbuka 2018
6	Festival Nasyid PJ Terbuka 2018 (Akhir) (NAFEST PJ)	**Tarikh:** 11 Ogos 2018 (Sabtu) **Tempat:** Auditorium MBPJ	Legacy (Juara) (RM 3000/Sijil/Piala) D'Menc (Naib Juara) (RM 2000/Sijil/Piala) Fawwaz (Ke-3) (RM 1000/Sijil/Piala) Kostum Terbaik (Legacy) (RM 500/Sijil/Piala Vokal Individu Terbaik Zakarian B. Mahadi (D' Menc (RM 500/Piala/Sijil Jumlah penonton sepanjang berlangsung dari peringkat Saringan hingga Peringkat Akhir NAFEST PJ Terbuka 2018 – (1100 org)
7	Teater Bangsawan Kanak – Kanak "Opu Chendera Burong Raja Siti"	**Tarikh:** 23 - 25 November 2018 (Jumaat - Ahad) **Tempat:** Auditorium MBPJ	Program dianjurkan kali ke-2 oleh Bahagian Kebudayaan Teater Bangsawan Kanak–kanak yang melibatkan 60 kanak–kanak berumur dari 5 tahun hingga 17 tahun dari Asrama Anak Yatim dan Asnaf Sungai Buloh, Selangor Muzik diiringi oleh Mini Orkestra Tradisional MBPJ secara "LIVE"dan Teater Bangsawan Kanak–kanak "Opu Chendera Burong Raja Siti ini berlangsung di Auditorium MBPJ selama 3 hari. Mendapat sambutan yang menggalakkan, jumlah keseluruhan penonton adalah 1200 orang Tetamu Terhomat yang hadir pada Malam Penutupan : YB Exco Kebudayaan Datuk Bandar MBPJ Timbalan Datuk Bandar Ahli Majlis dan Ketua Jabatan MBPJ

FESTIVAL GELANGGANG TEATER KOTA SENI PJ 2018

PROGRAM KOTA SENI PJ 2018 RUMAH SENI SELANGOR (RuSSel)

Kota Seni

Program Kota Seni adalah untuk menjadikan Petaling Jaya sebagai destinasi bandar raya Kota Seni yang berdaya saing di peringkat Majlis dan Negeri Selangor.

2. Aktiviti Program Kota Seni

Bil.	Aktiviti	Tarikh/Masa/Tempat	Catatan
1	Sidang Media Festival Gelanggang Teater Kota Seni PJ 2018	**Tarikh**: 7 September 2018 (Rabu) **Tempat:** Bilik Gerakan Ibu Pejabat MBPJ	Majlis dihadiri oleh Datuk Bandar, Timbalan Datuk Bandar, Ahli Majlis MBPJ, Pengarah Pembangunan Kemasyarakatan Majlis Teater Selangor Pengarah – Pengarah Kumpulan Teater Penggiat Teater Juri–Juri Profesional Juru Gambar akhbar.
2	Festival Gelanggang Teater Kota Seni PJ 2018	**Tarikh**: 25– 29 September 2018 (Jumaat - Ahad) **Tempat:** Bilik Gerakan Ibu Pejabat MBPJ	Festival bercorak pertandingan dengan penyertaan 10 kumpulan dibawah naungan Majlis Teater Selangor diadakan 5 malam di Auditorium MBPJ bagi merebut Piala Dato Menteri Besar Selangor 2018. Juara - Kumpulan Titis (Pak Hang vs Mak Hang) (RM 4000/Sijil/Piala) Naib Juara Kumpulan Suara Alam (Dendam Berdarah) (RM 3000/Sijil/Piala) Ke-3 Kumpulan Hidayah (1311) (RM 2000/Sijil/Piala) Saguhati (7 kumpulan) RM 500/Sijil/Piala Pelakon Terbaik Lelaki & Wanita RM 300 – Samsuddin Mat dan Che Azim

3	Program Mingguan Zumba dan Busking 2018	**Tarikh**: (Setiap Minggu) **Tempat 1:** Dataran Timur MBPJ **Tempat 2:** Taman Tasik Bandaran, Kelana Jaya.	Program Kota Seni PJ melibatkan komuniti di sekitar Petaling Jaya diadakan setiap bulan iaitu setiap Sabtu dan Ahad.
4	Program Aktiviti–aktiviti Rumah Seni Selangor 2018	**Tarikh**: (Setiap Minggu) **Tempat 1:** Dataran Timur MBPJ **Tempat 2:** Taman Tasik Bandaran, Kelana Jaya.	Program Kota Seni PJ melalui peruntukan Kerajaan Negeri Selangor (RuSSel) yang berpusat di No.18 Jalan 16/4 Seksyen 16, Petaling Jaya. Aktiviti–aktiviti seni seperti hasil kraftangan, galeri lukisan, bengkel seni, puisi dan sebagainya beroperasi setiap hari sepanjang tahun.

Pelancongan

Menjalankan program Pelancongan untuk membangunkan Petaling jaya sebagai destinasi bandaraya terkenal di peringkat negeri dan antarabangsa

3 . Aktiviti Program Pelancongan

Bil.	Aktiviti	Tarikh/Masa/Tempat	Catatan
1	PJ Joran 2018	**Tarikh**: 11 Mac 2018 **Tempat:** Tasik Bandaran Kelana Jaya	Acara yang menjadi kegemaran kaki pancing yang menawar wang RM 20,500.00 Sempena program PJ Car Freeday 2018 bulan Mac. Penyertaan amat menggalakkan seramai 700 kaki pancing telah mendaftar sebagai peserta PJ Joran 2018. Tempat pertama: En. Arzafri bin Zakaria RM 5,000.00 3.38 kilogram Kedua: Azmil bin Hanafi RM 2,500.00 3.30 kilogram Ketiga: Mohd Ridzuan bin Bilal RM 1,500.00 Penyampaian hadiah oleh YBhg Mohd Dato' Azizi bin Mohd Zin Datuk Bandar MBPJ.
2	Petaling Jaya International RC Powerboat Championship 2018 (PJRC)	**Tarikh**: 11 Mac 2018 **Tempat:** Tasik Bandaran Kelana Jaya	PJRC 2018 anjuran kali ke-3 ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan di dalam negeri dan luar negara. Negara–negara luar yang menyertai seperti: Brunei, Thailand, Vietnam, Indonesia dan UAE. Dipertandingkan dalam 9 kelas dan satu race Best of The Best Team 2018 bagi merebut Piala Datuk Bandar. Hadiah Wang Tunai: Tempat Pertama RM 2,000.00 X 9 Kelas Tempat ke-2 RM 1,500.00 X 9 Kelas Tempat ke-3 RM 1,000.00 X 9 Kelas Best Of The best 2018 RM 500.00 X 1 pemenang. Jumlah Keseluruhan Hadiah Wang Tunai RM 41,000.00

Bahagian Sumber Ilmu

Laporan Aktiviti Januari – Disember 2018

Bil.	Perkara	Jumlah
1.1	Jumlah pengunjung :-	
	Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya	81,602 Orang
	Cawangan Kota Damansara	5,291 Orang
	Cawangan Taman Medan	7,227 Orang
	Muzium Petaling Jaya	15,249 Orang
1.2	Jumlah hasil :-	
	Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya	RM 96,734.75
	Cawangan Kota Damansara	RM 3,094.90
	Cawangan Taman Medan	RM 817.20
	Taska MBPJ (PPMK)	RM 271, 265.00
	Muzium Petaling Jaya	RM -
	Jumlah	**RM 371,911.85**
1.3	Keahlian bulan semasa (Jan - Dis)	1,264 Orang
	Keseluruhan ahli perpustakaan	62,398 Orang
1.4	Koleksi buku Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya	278,242 Buah
	Koleksi buku Perpustakaan Cawangan Kota Damansara	23,777 Buah
	Koleksi buku Perpustakaan Cawangan Taman Medan	14,699 Buah
	Koleksi buku Perpustakaan Cawangan Bandar Utama	4,207 Buah
	Jumlah	**320,925 Buah**

1.5	Keseluruhan koleksi CD/VCD/DVD	77,959 Keping
1.6	Pinjaman buku/bahan perpustakaan i) Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya ii) Perpustakaan Cawangan Kota Damansara iii) Perpustakaan Cawangan Taman Medan	 112,275 Buah 2,733 Buah 1,413 Buah
	Jumlah	**116,421 Buah**
1.7	Jumlah buku yang tidak dipulangkan (Jan – Dis)	3,644 Buah
1.8	Jumlah buku yang hilang – Perpustakaan (Jan – Dis)	78 Buah
1.9	Jumlah surat peringatan yang dikeluarkan (buku)	804 Keping
1.10	Jumlah panggilan (reminder)	610
1.11	Jumlah pengguna perkhidmatan internet :- i) Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya ii) Perpustakaan Cawangan Kota Damansara iii) Perpustakaan Cawangan Taman Medan	 678 Orang 8 Orang 38 Orang
	Jumlah	**724 Orang**

1. Aktiviti Perpustakaan Yang Telah Dilaksanakan

Tarikh	Aktiviti
20/02/2018	Pameran Ookbee Buffet di Perhimpunan Kualiti MBPJ
11/03/2018	Pertandingan Mewarna Sempena "PJ Car Free Day"
20/03/2018	Bengkel "EZ Math"
22/03/2018	Klinik Jawi
11/04/2018	Bengkel Keselamatan ICT
24/04/2018	Kempen "Jom Membaca 10 Minit"
30/04/2018	Pertandingan Pidato Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris Sekolah Menengah 2018
12/05/2018	Pertandingan Bercerita Bahasa Melayu & Bahasa Ingeris Sekolah Rendah 2018
07/06/2018	Program "World Quran Hour"
20/06/2018	Promosi Keahlian Percuma Sempena Ulang Tahun Bandar Raya MBPJ
30/06/2018	Pertandingan Mewarna Sempena Pameran Setem
12/08/2018	Pertandingan Mewarna Sempena "PJ Car Free Day"
25 – 26/08/2018	Program Klinik UPSR-Pecutan Akhir UPSR 2018
14/10/2018	Pertandingan Mewarna Sempena "PJ Car Free Day"
27/10/2018	Kejohan Catur Piala Datuk Bandar 2018

2. Aktiviti Unit Muzium Yang Telah Dilaksanakan

Tarikh	Aktiviti
19/02/2018	Pameran Topeng di Galeri C, Muzium Petaling Jaya.
03 dan 10/03/2018	Menerima Pelawat Daripada Penuntut Universiti Malaya
26/04/2018	Bengkel Seni Mereplika Artifak Topeng 2018
02/07/2018	Membuat Kajian dan Pameran Seni Rupa Wayang Kulit di Galeri C, Muzium Petaling Jaya
02/08/2018	Menerima Lawatan Daripada Muzium Polis Di Raja Malaysia (PDRM Bukit Aman)
28/08/2018	Mengadakan Program "Santai @ Muzium"
13/10/2018	Membuat Pameran Seni Rupa Wayang Kulit di Aras 2, Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya
18/10/2018	Membuat Pameran Mangkuk Tingkat di Galeri C, Muzium Petaling Jaya.
14/11/2018	Lawatan Sambil Belajar ke" WonderFood Museum, Pulau Pinang"
16/11/2018	Lawatan Sambil Belajar ke "Khatichon Wittaya Museum, Songkla Thailand"

3. Aktiviti Unit Taska Yang Telah Dilaksanakan

Tarikh	Aktiviti
26/01/2018	Sambutan Maulidur Rasul Kanak-kanak PPMk
16/02/2018	Program "Summer Camp" Kanak-kanak PPMK
22/02/2018	Ceramah Keibubapaan "Mendidik Generasi Y"
21/04/2018	Kejohanan Sukaneka PPMK Kali ke-21
08/06/2018	Program Ihya' Ramadhan
12/06/2018	Hari Terbuka PPMK
21/07/2018	Kursus Asas Bakeri
25/07/2018	Lawatan ke Petrosains
31/07/2018	Lawatan ke Kg. Sg. Haji Dorani, Sg. Besar
30/08/2018	Sambutan Hari Kemerdekaan Kanak-kanak PPMK
03/11/2018	Majlis Konvokesyen PPMK kali ke- 21
13-16/11/2018	Lawatan Pembelajaran Bagi Kanak-kanak 3-6 Tahun ke Lokasi Sekitar Lembah Klang
23/11/2018	Program Bintang Kecil dan Majlis Perpisahan Kanak-kanak 6 Tahun
03/12/2018	Lawatan ke "Farm In The City"
04/12/2018	Lawatan Ke "Aquaria, KLCC"
05/12/2018	Lawatan ke "Pusat Sains Negara"
06/12/2018	Lawatan ke "Zoo Negara"
12/12/2018	Aktiviti "Water Confident"
20/12/2018	Lawatan Rasmi ke Taska MPSJ

4. Gambar aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan.

4.1 Perpustakaan

A) Pameran Ookbee Buffet di Perhimpunan Kualiti MBPJ pada 20/02/2018.

Ookbee Buffet adalah merupakan aplikasi bacaan digital Buffet PERTAMA Malaysia yang mengandungi bahan bacaan seperti Majalah, Buku, Novel, dan Surat Khabar . Semua ahli Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya boleh membaca bahan tersebut secara PERCUMA dengan memuat turun aplikasi Ookbee Buffet yang terdapat di Play Store.

B) Bengkel EZ Math pada 20/03/2018

C) Klinik Jawi pada 22/03/2018

D) Bengkel Keselamatan ICT bersama Kaspersky pada 11 April 2018

E) Pertandingan Pidato Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris pada 30 April 2018

F) Pertandingan Bercerita Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris pada 12 Mei 2018

G) Pertandingan Mewarna dan Bubble Balloon Sempena "PJ Car Free Day" pada 12/08/2018.

H) Klinik UPSR – Pecutan Akhir Peperiksaan UPSR 2018 pada 25 – 26/08/2018.

I) Kejohanan Catur Piala Datuk Bandar pada 27/10/2018

4.2 Muzium

A) Pameran Topeng di Galeri C, Muzium PJ pada 19 Februari 2018 – 03 Mei 2018.

B) Menerima Lawatan daripada Pegawai dan Kakitangan Muzium Polis Diraja Malaysia (PDRM Bukit Aman) pada 02/08/2018.

4.3 Taska

A) Sambutan Maulidur Rasul Kanak-Kanak PPMK pada 26/01/2018

B) Program "Summer Camp" di Pusat Perkembangan Minda Kanak-Kanak (PPMK) MBPJ pada 16/02/2018.

C) Ceramah Keibubapaan "Mendidik Generasi Y" pada 22/02/2018 di Dewan Ilmu, Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya.

D) Kejohanan Sukaneka Kanak-kanak PPMK pada 21/04/2018

E) Lawatan ke Kg. Sg. Haji Dorani, Sg. Besar pada 31/07/2018.

F) Majlis Konvokesyen Kanak-Kanak PPMK pada 03/11/2018

G) Lawatan Kanak-Kanak PPMK ke Pusat Sains Negara pada 05/12/2018.

H) Lawatan Kanak-Kanak PPMK ke Zoo Negara pada 06/12/2018.

I) Aktiviti Water Confident di Kolam Renang MBPJ pada 12/12/2018

JABATAN
PENGUAT

KUASAAN

JABATAN
PENGUATKUASAAN

1. Statistik Pengeluaran Kompaun

a) Graf dan jadual berikut adalah ringkasan tindakan penguatkuasaan mengikut jenis kesalahan tidak termasuk kesalahan lalulintas bermula dari 01 Januari sehingga Disember 2018.



Bulan	AJPB 1974 (AKTA 133) -Halangan	UKPKDPK (MBPJ) 2007-P. Kecantikan	UKP (MBPJ) 2007-Penjaja	UKPTPP (MBPJ) 2007-Tred	UKI (MBPJ) 2007-Iklan
Jan-18	468	13	344	202	247
Feb-18	383	31	228	179	220
Mac-18	411	14	256	189	161
Apr-18	440	7	212	199	163
Mei-18	236	10	198	82	78
Jun-18	259	8	106	75	82
Jul-18	479	14	255	145	112
Ogos-18	532	6	313	124	106
Sep-18	364	12	237	78	85
Okt-18	413	13	354	81	53
Nov-18	352	14	238	61	64
Dis-18	387	13	230	50	60
Jumlah	**4,724**	**151**	**2,971**	**1,465**	**1,431**

b) Graf dan jadual berikut adalah ringkasan tindakan penguatkuasaan bagi semua jenis kesalahan lalulintas di bawah Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) MBPJ 2007 bermula dari 01 Januari sehingga Disember 2018.



Bulan	PPJ (PTLK) MBPJ 2007 – Dalam Petak	PPJ (PTLK) MBPJ (PINDAAN) 2007 – Tunda	PPJ (PTLK) MBPJ 2012 – Kapit Roda	PPJ (PTLK) MBPJ 2007 - Lalulintas
Jan-18	10,772	427	292	18,169
Feb-18	13,490	504	322	19,011
Mac-18	16,049	527	349	23,280
Apr-18	15,936	472	298	22,844
Mei-18	15,831	182	151	18,606
Jun-18	9,944	272	225	13,441
Jul-18	15,754	767	757	29,408
Ogos-18	15,433	760	806	33,007
Sep-18	15,907	526	713	30,243
Okt-18	24,423	695	967	48,956
Nov-18	20,670	471	629	38,849
Dis-18	15,447	492	661	24,842
Jumlah	**189,656**	**6,095**	**6,170**	**320,656**

2. Operasi Tindakan Penguatkuasaan – Pusat Hiburan

Pihak Jabatan giat menjalankan operasi tindakan penguatkuasaan ke atas pusat hiburan yang tidak berlesen dan melanggar syarat lesen. Sepanjang tahun bermula dari bulan Januari sehingga Disember 2018 sebanyak 103 operasi serta serbuan telah dilakukan serta 62 kompaun dengan pelbagai kesalahan telah dikeluarkan ke atas pemilik / pengusaha premis. Manakala, 84 premis berjaya ditutup, 51 sitaan telah dilakukan dan seramai 38 orang telah ditahan sepanjang operasi dengan kerjasama daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (ADDK), Jabatan Imigresen (JIM) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) untuk siasatan lanjut.



Bulan	Operasi	Kompaun	Sitaan
Jan-18	12	5	13
Feb-18	13	8	1
Mac-18	11	4	10
Apr-18	12	2	7
Mei-18	7	4	4
Jun-18	6	6	-
Jul-18	10	3	3
Ogos-18	3	5	6
Sep-18	6	9	-
Okt-18	6	9	-
Nov-18	11	3	6
Dis-18	6	4	1
Jumlah	**103**	**62**	**51**

3. Operasi Tindakan Penguatkuasaan – Pusat Siber Kafe

Pihak Jabatan sentiasa memantau dan menjalankan operasi serbuan ke atas pemilik Pusat Siber Kafe. Sebanyak 89 operasi serta serbuan telah dilakukan dan 96 kompaun pelbagai kesalahan telah dikeluarkan, 20 premis berjaya ditutup, 17 sitaan terhadap pemilik / pengusaha premis Pusat Siber Kafe.



Bulan	Operasi	Kompaun	Sitaan
Jan-18	17	27	3
Feb-18	6	8	0
Mac-18	12	24	4
Apr-18	19	5	6
Mei-18	10	8	2
Jun-18	0	3	0
Jul-18	5	5	0
Ogos-18	2	2	0
Sep-18	2	1	1
Okt-18	2	1	1
Nov-18	5	5	0
Dis-18	9	7	0
Jumlah	**89**	**96**	**17**

4. Operasi Tindakan Rumah Urut (Pusat Kesihatan)

Sebanyak 131 operasi dan serbuan telah dilakukan dan 155 kompaun dengan pelbagai kesalahan telah dikeluarkan, 99 premis berjaya ditutup dan 19 sitaan melibatkan pemilik / pengusaha premis. Seramai 14 orang telah berjaya ditahan oleh pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Jabatan Imigresen (JIM) untuk siasatan.



Bulan	Operasi	Kompaun	Sitaan
Jan-18	10	13	0
Feb-18	23	31	2
Mac-18	10	14	2
Apr-18	20	7	9
Mei-18	12	10	2
Jun-18	8	8	1
Jul-18	14	14	0
Ogos-18	5	6	3
Sep-18	8	13	0
Okt-18	8	13	0
Nov-18	7	13	0
Dis-18	6	13	0
Jumlah	**131**	**155**	**19**

5. Pemantauan Ke Atas Taman-Taman Majlis (Operasi Taman)

Pihak Jabatan juga membuat pemantauan di taman-taman Majlis bagi memastikan pengunjung taman mematuhi Undang-undang Kecil Taman (MBPJ) 2007 semasa berada di taman-taman Majlis. Berikut merupakan statistik tindakan penguatkuasaan di taman-taman Majlis:

Bil.	Jenis tindakan		Jumlah
1	Kompaun	UKT (MBPJ) 2007	1,002
		UUK PPSS	455
		Jumlah Keseluruhan	1,457

Selain daripada itu, pihak Majlis menyediakan perkhidmatan penyewaan basikal bagi kemudahan pengunjung taman untuk beriadah. Sepanjang tahun 2018, pihak Majlis berjaya membuat kutipan sebanyak RM3,680.00 iaitu 459 sewaan basikal.

6. Operasi Tred, Halangan Dan Penjaja Tanpa Lesen

Berikut merupakan statistik bagi tahun 2018 sehingga bulan Disember untuk tindakan ke atas halangan di tempat awam dan juga penjaja tanpa lesen.



7. Operasi Terhadap Pembuangan Sampah

Pihak Majlis telah melaksanakan operasi bagi mencegah pembuangan sampah haram terutamanya di kawasan yang telah dizonkan sebagai kawasan bersih.

Berikut adalah jumlah kompaun dari bulan Januari sehingga Disember 2018.

Bil.	Bulan	Jumlah Kompaun
1	Jan-18	34
2	Feb-18	25
3	Mac-18	46
4	Apr-18	25
5	Mei-18	17
6	Jun-18	21
7	Jul-18	22
8	Ogos-18	81
9	Sep-18	52
10	Okt-18	46
11	Nov-18	22
12	Dis-18	64
	Jumlah	455



8. Kereta Buruk

Bulan	Sitaan	Tuntutan
Jan-18	132	1
Feb-18	167	3
Mac-18	148	1
Apr-18	48	1
Mei-18	89	0
Jun-18	51	1
Jul-18	108	3
Ogoa-18	57	2
Sep-18	88	0
Okt-18	124	2
Nov-18	159	0
Dis-18	101	4
Jumlah	**1,272**	**18**

Berikut merupakan jadual operasi dan statistik tindakan penguatkuasaan yang dijalankan bagi menangani permasalahan ini:

Tahun	Jumlah Notis Dikeluarkan	Kenderaan Dipindah Alih
2014	421	296
2015	782	370
2016	2,148	910
2017	1,891	417
2018	822	1,175
Jumlah	**6,064**	**3,168**



9. Unit PANTAS

Pasukan Tindakan Segera (PANTAS) Majlis Bandaraya Petaling Jaya dianggotai seramai 19 orang melibatkan 17 anggota penguatkuasa dan 2 orang kakitangan jabatan lain.

Objektif penubuhan Pasukan Tindakan Segera (PANTAS) adalah untuk memberi bantuan awal terhadap aduan kecemasan dan bencana mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

Skop penugasan PANTAS adalah merangkumi kejadian bencana banjir, banjir kilat, ribut, pokok tumbang dan kebakaran.

Aliran Perlaksanaan

a) Dibahagikan kepada 4 kumpulan, setiap minggu seramai 4 orang anggota 'standby' secara 'on call'.
b) Rondaan dan tinjauan sekiranya berlaku hujan berpanjangan atau selepas kejadian ribut.
c) Pemantauan dijalankan di lokasi-lokasi berisiko terutama yang melibatkan cerun / tebing sungai yang berisiko tanah runtuh.
d) Bergerak ke lokasi aduan mengikut tempoh masa (response time) yang ditetapkan iaitu 45 minit selepas menerima aduan.

Berikut merupakan statistik kejadian bencana alam di sekitar Petaling Jaya:

Bulan	Kejadian Bencana Alam				Jumlah Keseluruhan
	Banjir	Ribut/Pokok Tumbang	Tanah Runtuh	Lain-Lain	
Jan-18	6	4	-	-	10
Feb-18	4	24	-	1	29
Mac-18	1	84	-	38	123
Apr-18	-	16	-	1	17
Mei-18	1	28	1	-	30
Jun-18	-	34	1	1	36
Jul-18	-	7	-	-	7
Ogos-18	-	3	-	1	4
Sep-18	-	34	1	1	36
Okt-18	1	12	-	-	13
Nov-18	2	15	3	-	20
Dis-18	1	12	-	2	15
Jumlah Keseluruhan	**16**	**273**	**6**	**45**	**340**



10. Program Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ)

a) Program Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) telah dilancarkan pada 28 Julai 2011. Ini bertujuan untuk menggalakkan penubuhan dan mengaktifkan sukarelawan "Community Policing" keselamatan kejiranan kawasan setempat di samping meningkatkan "Corporate Social Responsibility" dan kerjasama serta hubungan baik di antara penduduk dan Majlis.

b) Pada tahun 2016, pihak Majlis telah melancarkan Pelan Induk Keselamatan Petaling Jaya sebagai kesinambungan kepada program "PJ Safety For All". Bagi memperkasakan program PKKPJ, pihak Majlis telah menambah peruntukan bantuan dana sebanyak RM1,000.00 menjadikan jumlah keseluruhan RM6,000.00 bagi setiap RA, RT dan JMB yang memenuhi syarat kelayakan.

c) Pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan pada peringkat RA, RT dan JMB dengan sokongan dan penglibatan Ahli Majlis Kawasan, pihak Polis DiRaja Malaysia PDRM) dan lain–lain agensi penguatkuasaan.

STATISTIK PERMOHONAN PKKPJ



	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018
RA	43	48	60	37	37	64	88	102
RT	22	24	25	22	22	33	34	43
JMB	0	0	0	6	6	14	18	25
TOLAK	1	0	0	0	3	1	0	1

JABATAN LANDS

KAP

JABATAN
LANDSKAP

Jabatan Landskap

Pecahan Peruntukan

	Mengurus Sedia Ada	Mengurus Dasar Baru	Pembangunan	Jumlah
PERUNTUKAN 2018	32,377,100	20,000.00	11,640,000	44,037,100
BELANJA	30,871,150	19,960	11,270,017	42,161,127

Pecahan Hasil



Permohonan Kelulusan

Permohonan	Jumlah
Kelulusan Pelan Landskap	51
Penyerahan Tapak	2
Sokongan CCC	22
Permohonan Tebang Pokok	11
Tebang Pokok Tanpa Kebenaran	-

Pecahan Penanaman Pokok

Jenis	PBT	Pemaju	NGO	Jumlah
Pokok Utama	1,618	4,195	0	5,813
Pokok Bunga Raya	3,330	3,372		6,742
Pokok Lain (Nos)	8,496	195,116	0	204,492

Aktiviti LA 21

JAN	FEB	APR	JUN	JUL	OGOS	OKT	NOV	DIS
27/1/2018 (Sabtu) Lawatan Kerja Tapak Taman Linear Kg.Selamat PJU 5	22/2/2018 (Jumaat) Program Lawatan bersama Persatuan Penduduk PJS 5/25 & Ahli Majlis Zon 24.	14/4/2018 (Sabtu) Program Eksplorasi Pokok Petaling, Hutan Simpan Kota Damansara PPP Kota Damansara	29/6/2018 (Jumaat) Program & Aktiviti MOU di Taman Bandaran Kelana Jaya Kerjasama AgroBox MISA & Di rasmikan oleh DB MBPJ	14/7/2018 (sabtu) Festival Eco-Community kerjasama MNS bertempat di Taman Rimba Riang Sek.9 Kota Damansara dirasmikan oleh TDB MBPJ.	25/8/18 -2/9/18 Penyertaan Festival Floria Malaysia 2018	06/10/2018 (Sabtu) Bengkel Kebun Kita bersama Komuniti Tabung Haji, Persatuan Penduduk SS7, Pelajar UTAR	30 / 11/ - 2/12/18 Pameran Kebun Kita@PJ di MPM Johor penglibatan Agensi Kerajaan Negeri Johor	01/12/2018 (Sabtu) CSR : Toshiba Biodiversiti, Kempen Tanam Pokok Petaling. Hutan Komuniti Kota Damansara
28/1/2018 (Ahad) Gotong Royong & Penyerahan Kawasan Lapang Angkat Sek.7/1C & Sek.7/1D		21/4/4 2018 (Ahad) Anugerah Landskap Arkitek Malaysia Kategori Kerajaan-Inisiatif Hijau	2/7/2018 (Isnin) Kempen Tanam pokok buahan Nadir Bertempat di Taman Komuniti Sek. 7 bersama PJIYLC di rasmikan oleh TDB MBPJ			10/11/2018 Sabtu Kempen Tanam Pokok Buahan bersempena PJ Fair 2018 Di 9 buah sekolah Peringkat Sekolah Rendah & Menengah PJ		

Galeri Gambar Aktiviti Local Agenda 21

Pengurusan Aduan

Bahagian	Jumlah Aduan Diterima	Diselesaikan	Dalam Tindakan
Penghijauan Bandar	2049	1884	108
Kemudahan Awam	156	99	57

Pecahan Projek

	Sebut Harga	Tender	MARRIS	Kerja Segera
Mengurus	26	31	4	263
Pembangunan	40	3	-	24

Projek Manaik Taraf Taman, Padang Dan Kawasan Lapang

Bil	Projek
1	Jalan SS 5/62
2	Jalan 21/20
3	Jalan Nuri 7/15 Kota Damansara
4	Jalan PJS 2C/11H
5	Pengindahan Kubur Islan Taman Medan PJS 4
6	Naiktaraf Padang Jalan SS 5D/2
7	Naiktaraf Padang Jalan PJS10/11
8	Naiktaraf Kawasan Lapang SS 4A/3
9	Naiktaraf Padang Cergas Jalan Emas 1 Taman Megah
10	Naiktaraf Kawasan Lapang SS 4D/6
11	Naiktaraf Kawasan Lapang Jalan PJS 6/3B
12	Naiktaraf Padang Cergas Jalan BU 6/5
13	Naiktaraf Kawasan Lapang Jalan SS 22/37
14	Membekal Dan Memasang Tong Sampah Di Seluruh PJ
15	Membekal Dan Memasang Papan Tanda Akta Di Seluruh PJ
16	Membekal Dan Memasang Picnic Table Di Kawasan Lapang Seluruh PJ
17	Naiktaraf Padang Cergas Jalan SS 1/21
18	Naiktaraf Kawasan Lapang Jalan SS 24/6

Fungsi Bahagian

Prestasi Bajet 2017



Pencapaian Bajet 2017

RM37,240,825 JUTA

Ringkasan jumlah peruntukan yang telah dibelanja oleh Jabatan Landskap sehingga **Disember 2017**.



Pecahan Bajet 2017

Kategori	Bajet	Belanja	Tercapai
Pendapatan			
Hasil	204,000	564,294	277%
Perbelanjaan			
Mengurus Sedia ada	24,959,520	24,301,365	97%
Mengurus Dasar Baru	4,731,000	3,295,241	70%
Pembangunan	10,560,020	9,875,603	94%
Keseluruhan (RM)	40,250,540	37,472,209	93%

Perbelanjaan Mengurus

Peruntukan Perbelanjaan Jabatan Landskap pada sebanyak **RM2 9,690,520** juta.

Peruntukan vs. Perbelanjaan

Jabatan Landskap telah membelanjakan sebanyak **RM 37,472,209 juta (93%)** daripada peruntukan RM40,250,540 juta pada tahun 2017.

Perbandingan Bajet 2016-2018

Peruntukan Jabatan Landskap



Peruntukan Jabatan Landskap

Jumlah peruntukan yang diberikan kepada Jabatan Landskap pada tahun 2018 menunjukkan peningkatan sebanyak 3.63% daripada RM40,250,540.00 juta pada tahun 2017 kepada RM41,709,592.00 juta.

Mengurus Sedia ada

RM30,655,592.00

Mengurus Dasar Baru

RM30,709,592

Pembangunan

RM11,000,000.00

Pembangunan dan Penyelenggaraan Landskap 2018

Bil.	Program-Program Jabatan	2017		2018		Peruntukan (RM)
		Rancang	Siap	Sambung	Baru	
A)	PENYELENGGARAAN LANDSKAP (BAJET MENGURUS)					
1	Penyelenggaraan Aeration	1		1	-	200,000.00
2	Penyelenggaraan Hardscape	13	13	13		3,200,000.00
3	Penyelenggaraan Landskap	42	42	42		18,000,000.00
	Jumlah Penyelenggaraan	56	55	56	-	21,400,000.00
B)	PEMBANGUNAN LANDSKAP (BAJET PEMBANGUNAN)					
1	Taman Rekreasi Kelana Jaya (S)	1		1	-	500,000.00
2	Menaik Taraf Kawasan Lapang	34	32	3	44	4,000,000.00
3	Landskap dan Pengindahan	2	2	-	3	1,000,000.00
4	Menaik Taraf Padang-Padang Sukan	3	3	-	3	1,000,000.00
5	Menaik Taraf Laman MBPJ			-	1	4,000,000.00
6	Program Pembangunan Koridor Hijau	2	2		-	-
7	Konsultan dan Kajian Pengurusan	1	1		1	100,000.00
8	Program Penghijauan	1	1		1	200,000.00
9	Pembudayaan Landskap	14	14		14	200,000.00
	Jumlah Pembangunan	60	52	4	67	11,000,000.00
	Jumlah Keseluruhan	**116**	**107**	**60**	**67**	**32,400,000.00**

Pecahan Peruntukan Bajet Tahun 2018

Bajet : Pembangunan
Sektor : Rekreasi Dan Kemudahan Awam

BIL	PERKARA		BAJET 2017	INDIKATOR	BAJET 2018	INDIKATOR	TERAS STRATEGIK
			PERUNTUKAN (RM)	KUANTITI	PERUNTUKAN (RM)	KUANTITI	PROGRAM KEUTAMAAN
1.	**Menaiktaraf Kawasan Lapang, Taman Awam dan Padang**		**8,710,020.00**		**10,500,000.00**		**Teras 2 : Masyarakat** MBPJ Melestari Metropolis Selamat Berprasarana Hebat dan Berdayasaing **Sasaran No. 8B :** Pelan Tebus Guna Tanah dan Prasarana Sosial
	i	Menaiktaraf Kawasan Lapang	3,720,000.00	32	4,000,000.00	47	
	ii	Menaiktaraf Padang	1,000,000.00	3	1,000,000.00	3	
	iii	Landskap dan Pengindahan / Koridor Hijau	500,000.00	2	1,000,000.00	3	
	iv	Menaiktaraf Taman Awam	800,000.00	1	4,500,000.00	2	
2.	**Pembudayaan Landskap**		**350,000.00**		**200,000.00**		
	i	Program Kawasan Lapang Angkat	100,000.00	8	90,000.00	9	
	ii	Program Kebun Kita	100,000.00	5	80,000.00	5	
3.	**Program Penghijauan**		**500,000.00**	1	**200,000.00**	1	
4.	**Konsultant & Kajian Pengurusan**		**200,000.00**	1	**100,000.00**	1	
	JUMLAH (RM)		**9,760,020.00**	**54**	**11,000,000.00**	**71**	**RM1,239,980.00 (12.7%)**

Pembangunan dan Penyelenggaraan Landskap 2018



Penyelenggaraan Landskap

Sasaran Kerja Tahun 2016 - 2018



Peruntukan Penyelenggaraan Landskap

Peruntukan perbelanjaan 2018 adalah kekal sebanyak **RM18juta s**eperti tahun 2017 kerana faktor tempoh kontrak selama **2 tahun**. Ia meliputi **42 Zon** di seluruh Petaling Jaya.

Skop Kerja & Bidang

Penyelenggaraan Pokok Teduhan

- Membuang dahan <3M atau tunas air (Water Shoot) yang tumbuh di pangkal dan batang pokok.
- Mencantas pokok teduhan 1 kali setahun.

Penyelenggaraan Landskap Rutin

- Merumpai & menggembur 1 bulan sekali ikut pusingan zon.
- Membaja & menyungkup 3 bulan sekali.
- Menyiram sekurang-kurangnya 1 kali sehari.

Perbersihan Sampah Kebun/ Pukal Dalam Taman

- Membersihkan sampah kebun/ sampah pukal di dalam taman.
- Melupus sampah kebun/ sampah pukal.

Pengurusan Kawasan Lapangan Bagi Pencapaian 2016-2018



Kebun Kita

EKONOMI

Menangani kenaikan harga barangan keperluan dengan menggalakan penghasilan pelbagai jenis tanaman untuk kegunaan harian

SOSIAL

Memastikan kawasan terbiar dimanfaatkan sepenuhnya, sekaligus mewujudkan persekitaran yang selamat dan hubungan baik di kalangan komuniti.

PENDIDIKAN

Menjadi tempat pembelajaran di luar bilik darjah kepada kanak-kanak untuk mengenali jenis-jenis sayuran atau tumbuhan makanan dan mengetahui bagaimana ia dihasilkan

Pelan Strategik MBPJ 2016 - 2026 ke arah mencapai sasaran-sasaran berikut:

- **Sasaran No.7:** Membangun masyarakat progresif, berbudaya, sihat dan sejahtera
- **Sasaran No.9:** Meneraju Agenda Kehijauan Metropolis



Pembudayaan Landskap

Bajet : Program Agrobox
Lokasi : Cadangan 5 lokasi
- Pelancaran program Agrobox dan penyediaan bahan pameran

Kempen Tanam Pokok MBPJ 2016-2018

- **Titah D.Y.M.M Sultan Selangor** bertarikh 27 Januari 2016, semua Pihak Berkuasa Tempatan dititahkan untuk **menanam pokok-pokok di tempat yang lapang** dan bersesuaian di dalam kawasan pentadbiran masing-masing.
- **Ucapan Menteri Besar** pada Belanjawan Negeri Selangor 2018 pada 3 November 2017 menggariskan Strategi Kedua : Meningkatkan kesejahteraan, menjamin keselamatan melalui pendekatan Alam Sekitar dengan **menanam pokok untuk mengimbangi pelepasan karbon.**

Kempen Tanam Pokok

Program dan Aktiviti



PENCAPAIAN KEMPEN TANAM POKOK 2016 - 2018

Jumlah bilangan pokok ditanam melebihi Sasaran Kerajaan Negeri Selangor pada setiap tahun.

Category	2016	2017	2018	Jumlah
Majlis	27,590	10,230	5,000	42,820
Pemaju	207,249	178,051	15,000	400,300
Jumlah Terkumpul	234,839	188,281	20,000	443,120
Sasaran SUK	80,000	80,000	80,000	240,000

Majlis Vs. Pemaju

- Hampir **400,300 nos. pokok** ditanam oleh Pemaju berbanding **42,820 nos. pokok** ditanam oleh Majlis.

Sasaran Dari SUK

- Pencapaian kempen menanam pokok oleh Jabatan Landskap setiap tahun **melebihi sasaran 80,000 nos. pokok** yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

LAPORAN PROGRAM

INVENTORI POKOK

TREE MANAGEMENT SYSTEM (TMS)

2004 – Tetuan Geoplanner Counsulting S/B dilantik – Sistem Inventori Pokok.

2009 – Sistem Inventori dinaiktaraf kerana kelemahan teknikal & gagal berfungsi.

2011 – Tetuan Ennoble S/B dilantik – Sistem Inventori dan Pengurusan Pokok (SIPP).

2015, sebanyak 60,000 pokok telah direkodkan ke dalam SIPP.

2016 - Kerja inventori diberhentikan bagi menyemak semula perincian data spatial dan modul.

2017 – Perbincangan bersama Vendor & IT untuk memperkasakan sistem sediada.

2017 – Penambahbaikan modul TMS dan menaiktaraf infrastruktur.

Mobile-apps

Sistem **pengurusan pokok** yang sistematik, cekap dan berkesan bagi mengumpul, merekod dan memetakan maklumat lengkap inventori pokok melalui **3 Fasa Perlaksanaan** bermula **2018 - 2020.**

Inventori Pokok

Program Pengumpulan Data

Tree Management System (TMS)



Tiga Fasa Pelaksanaan

Inventori Kawasan Lapang



JABATAN PELESE

NAN

JABATAN
PELESENAN

Jabatan Pelesenan

Bagi memastikan perlaksanaan fungsi dengan teratur dan efisien, jabatan Pelesenan disusun kepada 4 bahagian iaitu :

1. Bahagian Pelesenen Tred & Iklan
2. Bahagian Pelesenan Penjaja
3. Bahagian Pentadbiran & Kewangan
4. Bahagian Inspektorat

Objektif Jabatan

1. Memastikan semua premis perniagaan mempunyai lesen yang sah daripada Majlis.
2. Memastikan semua premis perniagaan mematuhi syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan.
3. Memastikan jabatan mengutip hasil bukan cukai.

Fungsi Jabatan

1. Menguruskan pengeluaran dan pembaharuan pelbagai lesen dan permit berdasarkan punca kuasa yang ada.
2. Menguruskan pengeluaran dan pembaharuan lesen-lesen gerai, pasar dan pasar malam yang meliputi proses-proses bancian dan temuduga.
3. Memantau dan mengutip tunggakan sewa gerai-gerai dan pasar awam milik Majlis.
4. Mengambil tindakan ke atas kesemua keputusan mesyuarat sama ada melulus, menolak, menangguh dan membatalkan lesen-lesen.
5. Melaksanakan dasar-dasar, pekeliling Kerajaan Negeri atau Persekutuan bagi permohonan baru lesen.

Piagam Pelanggan

1. Memastikan lesen tred perniagaan tidak kritikal yang telah lengkap dikeluarkan dalam masa 1 hari selepas bayaran dijelaskan.
2. Memastikan lesen perniagaan yang kritikal/berisiko dikeluarkan selepas kelulusan mesyuarat.
3. Memastikan proses temuduga penjaja dijalankan sebulan setelah kekosongan kekosongan unit gerai/petak/pasar
4. Memastikan aktiviti hiburan dan pusat penjagaan kesihatan dikeluarkan lesen dalam tempoh 3 bulan.
5. Memastikan semua permohonan yang diterima dan diperiksa dalam tempoh 3 bulan untuk pengesahan.
6. Mengeluarkan notis bil pembaharuan lesen tahunan pada september tahun sebelumnya.

Bahagian Pelesenan Tred & Iklan

Bahagian Tred diketuai oleh 1 Pegawai Tadbir dan 22 pegawai kumpulan sokongan. Bahagian ini menyelaras, mentadbir dan memproses permohonan dan pembaharuan lesen-lesen tred dan iklan. Selain itu, Bahagian ini juga menyelaras notis peringatan atau tunjuk sebab kepada pemegang lesen yang telah melakukan pelanggaran syarat-syarat lesen.

Bahagian Tred terdiri daripada 4 unit iaitu:

1. Unit Lesen Serta-Merta & Permit Sementara
2. Unit Lesen Kritikal
3. Unit Lesen Berisiko
4. Unit Iklan

Unit Lesen Serta-Merta & Permit Sementara

Unit Ini diketuai oleh 1 orang Penolong Pegawai Tadbir dan 4 orang Pembantu Tadbir.

Fungsi-fungsi unit ini ialah:

1. Menerima dan memproses semua 2,314 permohonan baru lesen serta-merta, iklan serta pembaharuan lesen pejabat pengurusan, butik pakaian, cermin mata dan lain-lain.
2. Menerima dan memproses 1608 fail permohonan permit sementara.
3. Menerima dan memproses 129 permohonan permit kerusi meja.
4. Menerima dan memproses 5,280 lesen anjing.
5. Membuat pemeriksaan 2,314 premis bagi memastikan kepatuhan syarat lesen yang ditetapkan.
6. Menyediakan notis peringatan atau notis tunjuk sebab kepada pemegang lesen yang melakukan pelanggaran syarat-syarat lesen.
7. Menyediakan laporan/kertas kerja permohonan baru lesen tred serta-merta bagi kelulusan Pihak Berkuasa Melesen.
8. Menyediakan surat-menyurat berhubung dengan lesen tred serta-merta.
9. Mengemas kini maklumat yang diterima daripada Bahagian Inspektorat setelah pemeriksaan premis di tapak dibuat.
10. Memproses permohonan tambahan iklan, tambahan aktiviti perniagaan dan pindaan butir-butiran pada lesen.
11. Memproses penolakan cagaran apabila berlakunya pelanggaran syarat iklan.

Unit Lesen Kritikal

Unit Ini diketuai oleh 1 orang Penolong Pegawai Tadbir dan 3 orang Pembantu Tadbir.

Fungsi Unit Lesen Kritikal meliputi:

1. Menerima dan memproses semua 472 permohonan baru lesen kritikal iklan serta pembaharuan lesen seperti tadika, bengkel, pusat pameran dan lain-lain.
2. Menyediakan 638 laporan siasatan/ulasan permohonan baru lesen perniagaan yang menyentuh aspek kesesuaian lokasi premis agar mematuhi syarat-syarat lesen dan mematuhi panduan yang dibenarkan.
3. Menyediakan notis tunjuk sebab kepada pemegang lesen yang melanggar syarat-syarat lesen . Jumlah lebih kurang 34 notis setahun.
4. Menyediakan laporan dan kronologi bagi premis kritikal yang menerima aduan dan melakukan pelanggaran syarat.
5. Memproses permohonan lesen minuman keras.
6 Bertanggungjawab memproses permohonan lesen sementara, dan iklan sementara yang meliputi aktiviti menyemak dokumen, membuka fail, mendaftar maklumat ke dalam sistem pelesenan, penyediaan bil bayaran dan mencetak lesen.
7. Lesen yang dikategorikan sebagai kritikal ialah lesen-lesen yang memerlukan ulasan teknikal dalaman mahupun luaran sebelum lesen boleh dikeluarkan. Aktiviti lesen pada kategori ini ialah aktiviti yang mungkin memberikan impak kepada masyarakat sekeliling. Antara contoh lesen ialah seperti aktiviti taska, pusat tuisyen, pusat jagaan, kolej, pengilangan, bengkel kereta, cuci kereta dan lain-lain.
8 Menyediakan surat-menyurat berkaitan Unit Lesen Kritikal.
9 Mengumpul ulasan-ulasan teknikal.

Punca kuasa utama yang digunakan oleh unit ini ialah Undang-Undang Kecil Tred Perniagaan & Perindustrian MBPJ (2007), Undang-Undang Kecil Hotel MBPJ (2007). Undang-Undang Kecil Tempat Letak Kereta Persendirian MBPJ (2007).

Unit Lesen Berisiko

Unit Ini diketuai oleh 1 orang Penolong Pegawai Tadbir Kanan dan 5 orang Pembantu Tadbir.

Fungsi-fungsi:

1. Menerima dan memproses semua permohonan dan pembaharuan lesen berisiko iaitu sebanyak 242 bagi aktiviti pusat hiburan, 34 bagi aktiviti pusat siber, 417 pusat penjagaan kesihatan dan 249 aktiviti establisymen makanan.
2. Unit Lesen Berisiko bertanggungjawab memproses permohonan lesen sementara, kad akuan serta iklan yang meliputi aktiviti menyemak dokumen, membuka fail, mendaftar maklumat ke dalam sistem, penyediaan bil bayaran, mencetak lesen serta lain-lain. Lesen yang dikategorikan sebagai berisiko ialah Lesen Establisymen Makanan, Lesen Hiburan, Lesen Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan, Lesen Pusat Siber.
3. Menjalankan pemeriksaan premis secara bersepadu dengan agensi luar seperti PDRM dan Bomba.
4. Menyediakan akujanji kepada semua pemegang lesen berisiko
5. Mengeluarkan notis tunjuk sebab kepada pemegang lesen yang melakukan pelanggaran syarat dan surat penolakan cagaran selepas 14 hari dari notis tunjuk sebab dikeluarkan.
6. Menyediakan laporan dan kronologi bagi premis berisiko yang menerima aduan pelanggaran syarat.
7 Melaksanakan dasar, pekeliling Kerajaan Negeri atau Persekutuan bagi permohonan baru lesen iklan.
8. Menyediakan surat-menyurat berhubung lesen-lesen kritikal.
9. Mengemas kini maklumat-maklumat yang diterima daripada Bahagaian Inspektorat dan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran.
10. Memproses permohonan tambahan iklan, tambahan dan pengurangan aktiviti perniagaan dan pindaan butiran pada lesen.
11. Memproses penolakan cagaran apabila berlakunya pelanggaran syarat bagi aktiviti lesen berisiko dan establisymen makanan

Sumber kuasa utama yang digunakan oleh unit ini ialah : UUK Establisymen Makanan (MBPJ) 2007, UUK Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (MBPJ) 2007, UUK Pusat Siber dan Kafe Siber (MBPJ) 2007, Enakmen Hiburan dan Tempat Hiburan Negeri Selangor 1995.

Unit Iklan

Unit Ini diketuai oleh 2 orang Penolong Jurutera dan 2 orang pembantu tadbir.

1. Unit iklan bertanggungjawab memproses permohonan lesen iklan, iklan tambahan, permit sepanduk dan kain rentang serta iklan luaran seperti tanda langit, iklan setiang, dua tiang, *pylon, wall wrap* dan lain lain lagi.
2. Melaksanakan dasar, pekeliling kerajaan Negeri atau Persekutuan bagi permohonan baru lesen iklan.
3. Menyediakan laporan, kertas kerja, fail permohonan-permohonan lesen atau permit bagi ulasan Jabatan Teknikal menerusi Unit Pusat Setempat Mini di Jabatan Pelesenan.
4 Menyediakan inventori lesen-lesen iklan luaran.
5 Memproses permohonan permit-permit iklan sementara.
6 Memproses penolakan cagaran apabila berlakunya pelanggaran syarat iklan.

Punca kuasa utama yang digunakan oleh unit ini ialah Undang-Undang Kecil Iklan (2007).

Bahagian Penjaja

Bahagian Penjaja diketuai oleh seorang Penolong Pengarah, 2 orang Penolong Pegawai Tadbir, 2 orang Pembantu Tadbir Kanan dan 10 orang Pembantu Tadbir. Bahagian Penjaja memainkan peranan sebagai urus setia dalam pengurusan penjaja di kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Tugas utama Bahagian ini ialah memproses permohonan baru, pembaharuan lesen penjaja. Selain itu, bahagian ini juga mengeluarkan permit penjaja dan mengeluarkan notis tunggakan sewa.

Bahagian ini juga melaksanakan pemantauan terhadap rayuan pemegang lesen yang tidak berniaga sendiri dan secara langsung. Bahagian ini terbahagi kepada 2 unit iaitu :

1. Unit Sektor Informal, Permit, Smart Trak
2. Unit Pasar & Gerai

Antara lesen dan permit penjaja yang diuruskan ialah:

1. Gerai Kompleks
2. Gerai Tepi Jalan
3. Pasar Awam
4. Pasar Pagi
5. Pasar Malam
6. Pasar Tani/ Minggu
7. Penjaja Bergerak
8. Permit Penjaja Sementara Bermasa
9. Permit Perayaan
10. Permit Penjaja Sementara Bermusim
11. Permit Smart Trak

a) Bilangan lesen aktiviti penjaja bagi tahun 2018

Jenis Penjaja	Bilangan Premis	Bilangan Penjaja	Bilangan kosong
Gerai Majlis	1,406	1,346	60
Pasar Awam	1,325	1,054	271
Pasar Pagi	727	390	337
Pasar Tani	139	139	-
Pasar Malam	6,588	4,310	2,278
Penjaja Bergerak	32	32	-
Permit Penjaja Sementara Bermasa	54	54	-
Permit Perayaan	1,710	1,710	-
Permit Penjaja Sementara Bermusim	7	7	-
Permit Smart Trak	74	74	-
Jumlah	**12,062**	**9,116**	**2,946**

Rajah 1 : Bilangan Pemegang Lesen Penjaja bagi Tahun 2018

b) Pencapaian Tahunan Bahagian Gerai/Pasar, Unit Penjaja Pada Tahun 2018

Perkara	Bilangan
Sesi temuduga yang telah dijalankan	9
Surat tawaran yang telah dikeluarkan	186
Sesi cabutan undi yang telah dijalankan	9

Rajah 2 : Bilangan Pencapaian Bahagian Penjaja bagi Tahun 2018

c) Aktiviti Bazar PJKita

Aktiviti Bazar PJKita dibuka setiap hari Jumaat jam 11.00 pagi – 3.00 petang di Dataran Boulevard, Sek 52, Petaling Jaya. Kadar permit RM 65.00 untuk 3 bulan. Aktiviti ini bertujuan menggalakkan menyemarakan ekonomi operator **Smart Trak** dan **Usahawan Mikro** .

Majlis telah memanggil 10 peniaga Smart Trak yang menjual aneka makanan dan minuman manakala 15 peniaga usahawan mikro yang menjalankan perniagaan menjual tudung, pakaian, aksesori , alat solek dan kerepek.

BAZAR PJKITA

Gambar 1 : Peniaga dan Pengunjung Bazar PJKita

Gambar 2 : Program Jalinan Kasih Bazar Ramadan

d) Program Bebas Plastik Bazar Ramadan

Salah satu kempen bebas plastik yang dilaksanakan oleh pihak Majlis adalah mengedarkan mangkuk tingkat dan beg kitar semula kepada pengunjung-pengunjung bazar Ramadan dan penyerahan juadah berbuka bagi program jalinan kasih dengan menggunakan bakul bagi menggantikan beg plastik selain daripada beg kitar semula.

Majlis juga akan mengedar straw *biodegradable* kepada peniaga sebagai faktor penggalak menolak penggunaan plastik.

Gambar 3 : Program Jalinan Kasih Bazar Ramadan

Majlis juga melaksanakan misi mencari *'hero hijau'* dimana kakitangan Majlis akan mengunjungi bazar ramadan dan memberi hadiah kepada pengunjung yang membawa beg atau bekas makanan dari rumah ketika membeli juadah berbuka puasa. Hadiah yang akan diberikan kepada ***Hero Hijau*** ialah ***botol air, gula pasir dan mangkuk tingkat***

Bahagian Inspektorat

Bahagian Ini terdiri daripada 7 orang Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran yang bertanggungjawab memeriksa permohonan-permohonan lesen di tapak. Pemeriksaan dipecahkan kepada 3 kategori utama iaitu:

1. Lesen Kritikal
2. Lesen Berisiko,
3. Lesen Serta-Merta

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

Fungsi Bahagian Pentadbiran dan Kewangan ialah menguruskan hal-hal pentadbiran dan kewangan Jabatan seperti:

1. Pengurusan Mesyuarat

   Sebanyak 11 kali mesyuarat jabatan telah diadakan pada tahun 2018. Agenda mesyuarat membincangkan hal ehwal kakitangan, membentangkan "Key Performance Indicator" bagi setiap Bahagian dan laporan aktiviti Bahagian.

2. Pengurusan Fail

   Bahagian Pentadbiran bertindak sebagai menyusun fail-fail yang diterima daripada Bahagian Tred dan Penjaja. Sebanyak 482 fail pentadbiran telah dikemas kini.

3. Pengurusan Sumber Manusia

   Pada tahun 2018 sebanyak 36 memo tunjuk sebab telah dikeluarkan kepada kakitangan yang melanggar peraturan seperti datang lewat , tidak " thumb print " dan lain-lain kesalahan.

4. Pengurusan Logistik

   Sebanyak 12 jadual pengurusan logistik telah disediakan bagi kelancaran tugas pemandu jabatan

TARIKH	HARI	MASA	LOKASI	PEMANDU
3/6/2019	ISNIN	7.30 PAGI & 4.30 PETANG	KAUNTER KD	LAN
		12.30 TGHR & 5.30 PTG	KAUNTER HQ	ELIAS
4/6/2019	SELASA	7.30 PAGI & 4.30 PETANG	KAUNTER KD	ELIAS
		12.30 TGHR & 5.30 PTG	KAUNTER HQ	LAN
5/6/2019	RABU	CUTI HARI RAYA AIDIL FITRI		
6/6/2019	KHAMIS	CUTI HARI RAYA AIDILFITRI		
7/6/2019	JUMAAT	7.30 PAGI & 4.30 PETANG	KAUNTER KD	PEMANDU CUTI
		12.30 TGHR & 5.30 PTG	KAUNTER HQ	PEMANDU CUTI
10/6/2019	ISNIN	7.30 PAGI & 4.30 PETANG	KAUNTER KD	PEMANDU CUTI
		12.30 TGHR & 5.30 PTG	KAUNTER HQ	PEMANDU CUTI
11/6/2019	SELASA	7.30 PAGI & 4.30 PETANG	KAUNTER KD	FENDI
		12.30 TGHR & 5.30 PTG	KAUNTER HQ	FENDI
12/6/2019	RABU	7.30 PAGI & 4.30 PETANG	KAUNTER KD	FENDI
		12.30 TGHR & 5.30 PTG	KAUNTER HQ	FENDI
13/6/2019	KHAMIS	7.30 PAGI & 4.30 PETANG	KAUNTER KD	FENDI
		12.30 TGHR & 5.30 PTG	KAUNTER HQ	FENDI
14/6/2019	JUMAAT	7.30 PAGI & 4.30 PETANG	KAUNTER KD	FENDI
		12.30 TGHR & 5.30 PTG	KAUNTER HQ	ELIAS
17/6/2019	ISNIN	7.30 PAGI & 4.30 PETANG	KAUNTER KD	FENDI
		12.30 TGHR & 5.30 PTG	KAUNTER HQ	ELIAS
		8.30 MALAM	PEMERIKSAAN PERMIT KERUSI KERJA	LAN
18/6/2019	SELASA	7.30 PAGI & 4.30 PETANG	KAUNTER KD	FENDI
		12.30 TGHR & 5.30 PTG	KAUNTER HQ	LAN
		8.30 MALAM	OPERASI IKLAN	ELIAS
		8.30 MALAM	PEMERIKSAAN PERMIT KERUSI KERJA	LAN

CONTOH

5. Pengurusan Kursus, Retreat & Lawatan

   Sebanyak 4 kursus telah dilaksanakan pada tahun 2018 iaitu:

   5.1 Kursus Integriti Kakitangan Pelesenan

   5.2 Retreat jabatan ke Kuching Selatan, Sarawak dan Kota Kinabalu, Sabah

   5.3 Kursus Jom Bayar Lesen 2019 di Armada Hotel

6. Pengurusan Kewangan

   Menyediakan laporan kewangan dan hasil kutipan jabatan mengikut bulan. Memantau belanjawan jabatan.

7. Pengurusan Kualiti melibatkan ISO, APPC, Star Rating dan EKSA.

8. Hal ehwal kebajikan kakitangan

   Sepanjang tahun 2018 sebanyak 3 kali sambutan hari lahir dilaksanakan dengan menyediakan hadiah sebuah beg. Selain itu menyediakan jamuan hari raya jabatan.

9. Sebutharga jabatan

   Jabatan menguruskan 4 sebutharga setahun.

a) **Permohonan Baru Lesen Tahun 2018**

Pada tahun 2018 sebanyak 10,864 lesen baru telah diluluskan seperti berikut:

Jenis Lesen	Lesen Yang Diluluskan 2018
Tred	5677
Iklan (Papan Tanda Perniagaan)	4201
Iklan Luaran	9
Hiburan	69
Anjing	908
Jumlah	**10,864**

Rajah 3 :Bilangan Pencapaian Bahagian Penjaja Bagi Tahun 2018

b) **Pembaruan Lesen 2018**

Sehingga tahun 2018, jumlah lesen terkumpul yang diluluskan dan masih aktif ialah sebanyak 20,699 unit seperti ringkasan di jadual berikut:

Jenis Lesen	Jumlah Keseluruhan Lesen Pada Tahun 2018
Tred (Perniagaan)	12,963
Iklan (Papan Tanda Perniagaan)	3,537
Iklan Luaran	387
Hiburan	135
Anjing	3,677
Jumlah	**20,699**

Rajah 4 :Bilangan Pencapaian Bahagian Penjaja Bagi Tahun 2018

c) **Kutipan Hasil Lesen 2015 Hingga 2018**

Pada tahun 2018, jumlah keseluruhan kutipan lesen adalah sebanyak RM 29,835,397.22 juta merangkupi kesemua jenis lesen permit, sewa dan hasil-hasil lain seperti borang dan caj proses seperti berikut:



Statistik Kutipan Hasil Pelesenan Bagi Tahun 2015-2018

	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN
2015	1,515,961.85	3,557,512.00	5,240,908.00	6,232,932.00	7,109,304.00	7,954,126.00
2016	3,727,096.39	5,069,755.67	6,262,818.01	7,550,891.92	8,318,457.18	10,658,303.66
2017	2,322,938.96	3,544,622.86	5,101,668.59	7,761,656.70	8,561,621.06	9,408,871.92
2018	2,563,623.50	3,745,223.04	5,054,536.70	6,028,863.11	8,893,534.48	9,624,872.38

	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
2015	8,395,589.00	8,852,230.00	9,130,046.00	9,330,035.64	11,989,809.60	21,854,576.41
2016	12,355,655.03	13,477,718.53	14,377,335.32	16,047,153.39	20,133,700.80	28,951,178.20
2017	10,546,218.93	12,742,371.11	14,373,190.80	16,235,766.01	20,097,807.04	27,743,527.26
2018	12,793,427.33	14,217,291.78	15,536,822.13	18,289,835.23	21,858,877.24	29,835,397.22

Rajah 5 :Bilangan Pencapaian Bahagian Penjaja Bagi Tahun 2018

d) Kutipan Hasil Baru Lesen Bagi Tahun 2009 – 2018

Terdapat peningkatan hasil kutipan dari tahun ke tahun kerana terdapatnya aktiviti baru yang dikutip seperti

i) Pejabat Pengurusan
ii) Pemeriksaan bersepadu bagi aktiviti lesen berisiko
iii) Permit kerusi dan meja
iv) Penolakan cagaran bagi lesen berisiko
v) Denda lewat bagi pemegang lesen
vi) Stesen minyak
vii) Minuman keras
viii) Pemantauan hasil berdasarkan KPI

e) Laporan Pembaharuan Lesen 2018 / Kaunter Bergerak

Kesemua pemegang lesen di kawasan MBPJ perlu memperbaharui lesen pada 31 Disember setiap tahun melainkan aktiviti yang terdapat di bawah Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (MBPJ) 2013. Pihak Jabatan Pelesenan telah menghantar notis pembaharuan lesen pada 1 Oktober 2015. Mulai tahun 2011 Jabatan Pelesenan telah memperkenalkan konsep caj proses lewat memperbaharui lesen. Melalui konsep ini kesemua lesen yang tidak diperbaharui sehingga 31 Disember tahun semasa akan ditangguhkan pada 1 Januari tahun berikutnya. Bagi mengaktifkan semula akaun berkenaan caj sebanyak RM 50 akan dikenakan. Sekiranya pengaktifan dibuat selepas 1 April tahun berikutnya caj sebanyak RM 300 akan dikenakan dan sekiranya pembaharuan masih tidak dibuat sehingga 1 Julai tahun berikutnya lesen akan dibatalkan.

Bagi menggalakkan dan memudahkan orang ramai memperbaharui lesen. Beberapa inisiatif telah dijalankan antaranya ialah:

1. Pembayaran lesen secara online di url http://eps.mbpj.gov.my.
2. Membuka kaunter pembaharuan lesen pada sepanjang bulan Disember 2018 termasuk cuti umum.
3. Membuka kaunter-kaunter bergerak di kompleks membeli-belah dan dan gerai-gerai Majlis.
4. Membuka kaunter semakan sepanjang bulan November dan Disember.
5. Menepatkan kakitangan jabatan teknikal seperti Jabatan Penguatkuasaan, Kawalan Bangunan, Perancangan Pembangunan dan Kesihatan Persekitaran di kaunter semakan.

JADUAL KAUNTER BERGERAK



Hasil kutipan kaunter bergerak yang dilaksanakan pada bulan November hingga Disember 2018 adalah **RM 660,286.71**

f) **Retreat Jabatan Pelesenan**

Setiap tahun Jabatan akan mengadakan retreat bertujuan **memberi pendedahan kepada warga kerja jabatan berhubung dasar-dasar baru yang dikeluarkan oleh Majlis, Kerajaan Negeri dan Persekutuan.** Antara dasar yang perlu diambil perhatian semasa pembaharuan lesen 2019 ialah:

1. Mengekalkan dasar lesen tidak boleh diperbaharui selagi kebenaran merancang tidak diluluskan.
2. Menentukan susun atur kaunter semakan dan bayaran semasa pembaharuan lesen 2019.
3. Mengekalkan dasar pemeriksaan bersepadu terhadap lesen berisiko.
4. Mengenakan cagaran bagi aktiviti pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan.
5. Mengekalkan dasar tolak cagaran sekiranya berlaku pelanggaran syarat bagi aktiviti berisiko seperti pusat hiburan, pusat kesihatan dan pusat siber.
6. Memperkenalkan **QRcode** pada lesen dan pelekat premis.
7. Memperkenalkan "**Self Checking System**" di mana pemohon boleh menyemak status lesen dengan sendiri.
8. Memperkenalkan "**Sistem Pengesahan Pengambilan Lesen**" ketika mengambil lesen bagi mengenal pasti pelanggaran syarat tidak berniaga sendiri dan langsung.

Selain itu, mendidik warga kerja Jabatan Pelesenan supaya **mahir dalam menguruskan orang awam yang memohon lesen dan menjadi warga kerja yang cemerlang dalam membudayakan penyampaian perkhidmatan yang telus dan cekap.**

Gambar 4 : Retreat Jabatan

g) Inovasi Jabatan Pelesenan

i) ULASAN TEKNIKAL SETEMPAT

Jabatan Pelesenan sentiasa memikirkan cara bagi mempercepatkan proses kelulusan lesen-lesen perniagaan. Bermula tahun 2015 hingga sekarang jabatan masih mengekalkan konsep ulasan teknikal setempat yang diadakan pada setiap hari Selasa di Jabatan Pelesenan. Pada setiap hari Selasa, wakil-wakil Jabatan teknikal seperti Jabatan Kawalan Bangunan, Penguatkuasaan dan Perancangan Pembangunan diminta memberikan ulasan teknikal di Jabatan Pelesenan tanpa memerlukan fail berkenaan bergerak keluar dari Jabatan Pelesenan.

Gambar 5 : Ulasan Setempat Jabatan Pelesenan

ii) QR CODE

QR code ini bertujuan untuk mengadakan hubungan dua hala anatara pihak Majlis dan orang awam. QR code ini dipaparkan dipelekat premis dan juga lesen-lesen Majlis. Dengan satu imbasan menggunakan telefon pintar, maklumat mengenai status lesen akan terpapar.

Gambar 6 : QR Code Pelekat Premis

iii) SISTEM SEMAKAN SENDIRI STATUS PERMOHONAN LESEN 'SCS'

Susulan daripada bengkel yang telah diadakan di Hotel Grand Bluewave Shah Alam, Jabatan Pelesenan dengan kerjasama Unit Teknologi Maklumat MBPJ telah menambah fungsi pada sistem PJIIS Majlis sedia ada supaya membenarkan pemohon lesen menyemak sendiri status pergerakan permohonan lesen sementara dan kad akuan mereka. Semakan boleh dibuat menerusi url http://eperkhidmatan.mbpj.gov.my/elesen

Menerusi sistem ini juga sejarah pergerakan sesuatu permohonan boleh dilihat.



Gambar 7 : Paparan Status SCS

iv) SISTEM PENGESAHAN PENGAMBILAN LESEN

Sistem SPPL ini bertujuan mengenal pasti pemegang lesen datang sendiri untuk mengambil lesen. Sistem ini boleh mengesan peniaga yang tidak berniaga sendiri atau langsung.



Gambar 8 : Paparan Status SCS

v) ANUGERAH PEMEGANG LESEN BERINTEGRITI

Pada tahun 2018 sempena **Pelancaran Kempen Jom Bayar Lesen Perniagaan**, Majlis telah memberikan plak, sijil dan cenderahati kepada 25 pemegang lesen yang memenuhi kriteria ditetapkan. Antara kriteria yang ditetapkan ialah:

a) Menjelaskan bayaran lesen dalam tempoh pembaharuan dikeluarkan

b) Tidak melakukan pelanggaran syarat

c) Tempoh perniagaan melebihi 5 tahun

d) Tiada tunggakan sewa Majlis

Gambar 9 : Paparan Status SCS

JABATAN PENGURUSA SISA PEPEJA PEMBERSIH

AN
AL DAN
HAN AWAM

JABATAN
PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM

Pengurusan Sisa di Petaling Jaya

Pada tahun 1 Oktober 2014, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (JPSPPA) telah diwujudkan bagi melaksanakan perkhidmatan pembersihan bandar, aktiviti 3R dan *low carbon city* selaras dengan arahan Kerajaan Negeri Selangor. Bagi memastikan sasaran MBPJ menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar raya yang bersih dan hijau seperti yang digariskan di dalam dokumen *PJ Smart, Sustainable And Resilient 2030*, tiga (3) teras utama telah diperkenalkan iaitu:-

a) PJ BERSIH

i) Indeks kebersihan kawasan di bawah 2.5 mata

ii) Aduan di bawah 10 sehari

b) Sisa Itu Satu aset - S.I.S.A

i) Kadar kitar semula sebanyak 22%

c) Low Carbon Green City Petaling Jaya

i) Kadar penurunan karbon sebanyak 5% setahun

Sehingga bulan Julai 2018, JPSPPA telah menguruskan seramai 165 syarikat kontraktor bagi kerja-kerja pembersihan bandar di Petaling Jaya. Bermula 1 Ogos 2018, pengurusan kerja-kerja kutipan sampah domestik dan pembersihan awam di sebahagian kawasan Petaling Jaya telah diserahkan kepada syarikat KDEB Waste Management Sdn. Bhd. yang merupakan Project Management Company bagi Kerajaan Negeri Selangor untuk tempoh 7 tahun.

Walau bagaimanapun, JPSPPA masih menjalankan kerja-kerja perkhidmatan bandar di kawasan Bandar Utama, Seksyen 52, SS3, SS6, SS7, SS8, SS10, SD12 dan SD13 yang merupakan kawasan projek Gabungan Kutipan, Pembersihan dan Landskap (GPL dan KPL).

Fungsi JPSPPA Pada Masa Akan Datang

a) Pusat Inovasi 3R

b) Bank Data PSPPA & Karbon

c) Pusat Latihan Bertauliah PSPPA

d) Pusat Rujukan PSPPA & *Low Carbon*

Strategi Pengurusan Sisa Di Petaling Jaya

Strategi pengurusan sisa di Petaling Jaya adalah berasaskan 3R dan berpandukan kepada standard antarabangsa *New Urban Agenda (NUA)* bagi mencapai pembangunan bandar yang mampan. Selain itu, *Sustainable Development Goal, SGD 12* turut menjadi rujukan untuk memacu pengurusan sisa yang lestari.

PJ Lestari 2030 Ke Arah Masyarakat yang Sifar Sisa				
Strategi	Instrumen			
3R	Perundangan	Ekonomi	Sosial/Sukarela	Urus Tadbir
Kurangkan penggunaan sumber			"Be Resourceful"	Pelan bersepadu dan strategik
Kurangkan Penjanaan sisa	Dasar "Polluter pay"	Perkongsian penjimatan daripada kos servis	Program CEPA	
Kurangkan sisa di tempat penjanaan	Garis panduan Perancangan dan Reka bentuk	Insentif bonus pembangunan	Kitar semula komuniti	Pengkomposan/MRF
Pengutipan sisa yang efektif	Tindakan penguatkuasaan ketat ke atas pencemar		"Stakeholders engagement and partnership"	Pengurusan pembekal servis/kontraktor

Fungsi Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam

Bahagian Pentadbiran, Dasar dan Perancangan

a) Merancang dan merangka dasar berkenaan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.

b) Menyediakan spesifikasi dan menjadi urusetia proses perlantikan pembekal perkhidmatan.

c) Menguruskan data dan maklumat Sisa Pepejal.

d) Menyelaras kerja-kerja Pentadbiran bagi memastikan urusan kakitangan dan aktiviti jabatan dapat dilaksanakan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

e) Menyemak permohonan kebenaran merancang, pelan pembangunan, memohon CCC dan pengambilalihan kawasan bagi memastikan permohonan diproses mengikut urusan undang-undang.

f) Melaksanakan kerja-kerja pengumpulan data berkaitan jabatan baru, tuntutan penyediaan dasar, Majlis, dokumen sebutharga/tender dan penyediaan laporan jabatan.

Bahagian Operasi Kebersihan Awam

a) Merangka spesifikasi dan jadual kerja pengutipan sisa pepejal, pembersihan awam dan penyelenggaraan pokok.

b) Mengawal selia kerja-kerja dan perkhidmatan pembekal perkhidmatan.

c) Menguat kuasa tindakan salah laku awam berkaitan sisa pepejal dan kebersihan awam.

d) Mengambil tindakan penyelesaian ke atas aduan awam.

e) Penyeliaan dan penyusunan atur kerja-kerja kakitangan awam (pengawas) mengikut perancangan jabatan berkaitan pengawalan kebersihan di kawasan pentadbiran Majlis.

f) Merancang aktiviti bahagian yang melibatkan kerja-kerja pembersihan dan logistik agar operasi jabatan berjalan lancar.

g) Mengawal aktiviti iklan tanpa lesen di seluruh Petaling Jaya.

Bahagian 3R dan Teknologi Hijau

a) Menjalankan program-program 3R, *spring cleaning* semasa musim perayaan di Malaysia. (Hari Raya, Deepavali, Tahun Baru Cina dan Krismas).

b Melaksanakan program membina kapasiti termasuk CEPA (Communication Education and Public Awareness).

c) Melaksanakan kerja-kerja membaik pulih barang-barang kitar semula.

d) Menyelaras program pengurusan karbon dan 3R menerusi aplikasi teknologi hijau.

e) Melaksanakan pembangunan Projek Perintis Kitar Semula.

f) Merancang program-program pembangunan berhubung kait dengan 3R.

Bahagian Pemantauan dan Penguatkuasaan Kebersihan

a) Memantau prestasi kerja dan kualiti perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang dijalankan.

b) Mengenal pasti dan menilai aplikasi teknologi hijau, pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

c) Memberikan khidmat nasihat teknikal berkenaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

d) Pemantauan tong sampah rumah (perumahan, komersil, industri).

e) Pemantauan tong sampah binaan.

f) Pemantauan kacau ganggu (jalan kotor, punca kerosakan longkang, kebersihan lorong belakang).

g) Pemantauan restoran, bengkel, tong kitar semula (aduan kotor), *hot spot* sampah haram, *hot spot* denggi, Aduan Pembersihan (sampah, pukal, banjir).

Kebersihan awam sebagai agenda utama Bajet 2018 Negeri Selangor:

'PENEKANAN KEPADA PEMBERSIHAN AWAM DAN KUTIPAN SAMPAH DI KAWASAN'



Jumlah bayaran perkhidmatan kontraktor	RM 57.176 juta
Jumlah bayaran tipping fee tapak pelupusan	RM 8.296 juta
Jumlah sisa dilupuskan	237,526.32 tan
a) Tapak pelupusan Jeram	190,031.81 tan
b) Tapak pelupusan Kuang	31,251.67 tan
c) Tapak pelupusan Dengkil	11,697.53 tan
d) Tapak pelupusan Tanjung Dua Belas	4,545.31 tan
Jumlah kitar semula	1,681.7 tan
Jumlah kompos sisa makanan	147.5 tan

NOTIS DAN KOMPAUN 2018



Mengurangkan aduan sebanyak 10 aduan sehari

	Bilangan Aduan	Nilai Aduan
2018	504	RM 48,400.00
2017	696	RM 63,000.00

Mengurangkan bilangan *Notice To Correct* sebanyak 5% setahun

	Bilangan NTC	Nilai NTC
2018	1,572	RM 266,750.00
2017	1,968	RM 344,100.00

Kontraktor perkhidmatan pembersihan sehingga 31 Julai 2018

Bil.	Jenis Perkhidmatan	Bilangan
1	Pembersihan (Am) PW	68
2	Gabungan Pembersihan & Landskap	6
3	Pembersihan Khas Jalan Protokol	15
4	Pembersihan Khas Longkang Besar	14
5	Kutipan Sisa Pepejal	17
6	Penurunan Iklan/poster	12
7	Gabungan Kutipan, Pembersihan & Landskap	1
8	Pembersihan Kompleks Penjaja /Pasar	24
9	Perkhidmatan *Back-up*	4
10	Kutipan Sisa Binaan	4
	Jumlah keseluruhan	**165**

Kontraktor perkhidmatan pembersihan pada 1 Ogos 2018

Bil.	Jenis Perkhidmatan	Bilangan
1	Gabungan Pembersihan dan Landskap	6
2	Penurunan Iklan/poster	12
3	Gabungan Kutipan, Pembersihan dan Landskap	1
4	Pembersihan Kompleks Penjaja/Pasar	24
5	Perkhidmatan *Back-up*	7
6	Kutipan Sisa Binaan	4
	Jumlah keseluruhan	**55**

Perkhidmatan Tambahan

Bil.	Syarikat	Jenis Perkhidmatan
1	Soon Heng Resources Sdn Bhd	Domestik
2	USJ Paper Recyclers Sdn Bhd	Domestik, Kebun Dan Pukal
3	Wind Sky Waste Disposal Services Sdn Bhd	Domestik, Kebun Dan Pukal
4	Antara Waste Management Sdn Bhd	Domestik, Kebun Dan Pukal
5	Take That Enterprise	Domestik, Kebun Dan Pukal
6	Alisa Sani Marketing	Domestik, Kebun Dan Pukal
7	Lucky Star Metal Sdn Bhd	Domestik, Kebun Dan Pukal
8	Bintang Liner Resources	Domestik, Kebun Dan Pukal
9	Osc Global Green Enterprise	Domestik, Kebun Dan Pukal
10	Arul Sakthi Enterprise	Domestik, Kebun Dan Pukal
11	Dvv Surya Enterprise	Domestik, Kebun Dan Pukal
12	MBP Enterprise Enterprise	Domestik, Kebun Dan Pukal
13	Jai Sri Sharvina Construction & Resources	Pukal dan Kebun

Duta PJ Bersih

Duta PJ Bersih merupakan program inovasi kebersihan Petaling Jaya dimana 20 orang penduduk tempatan dilantik bagi membantu MBPJ menangani masalah sampah dan pembersihan awam di kawasan hotspot khususnya di kawasan perkampungan dan skim perumahan kos rendah.

Program Kutipan Sampah Pukal Percuma

Program pelupusan sisa pukal (perabot, pokok dll) sepanjang bulan Jun 2018 selama 4 hari yang melibatkan 20 kawasan kejiranan di Petaling Jaya. Program ini dibuat sebagai inisiatif selepas Program Spring Cleaning Hari Raya dan bertujuan untuk menghalang kejadian pembuangan sampah haram.

Program Transformasi Kebuk Sampah

Program menambah baik keadaan kebuk sampah yang telah rosak dan usang di kawasan perumahan flat yang sering menjadi *hot spot* sampah haram. Sebanyak 10 buah kebuk sampah telah diperbaiki.

Kursus Kemahiran Kontraktor

Merupakan kursus pengenalan pengurusan sisa pepejal bagi kontraktor yang dilantik oleh MBPJ dan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kemahiran dalam melaksanakan kerja-kerja pembersihan di Petaling Jaya.

Jumlah keseluruhan kursus = 17 kali

i) Pemilik syarikat = 4 kali

ii) Penyelia syarikat = 5 kali

iii) Pekerja syarikat= 8 kali

Sambutan Hari Habitat Sedunia 2018 Dan Majlis Pelancaran *Anti Littering Squad*

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menganjurkan sambutan *World Habitat Day* atau Hari Habitat sedunia serta melancarkan *Anti Littering Squad* pada 1 Oktober 2018 bertempat di Dataran Boulevard, Jalan Yong Shook Lin, Petaling Jaya. Sambutan Hari Habitat Sedunia adalah satu sambutan peringkat global yang dianjurkan oleh semua negara-negara ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi meningkatkan kesedaran akan kepentingan membangunkan petempatan manusia yang selesa/kondusif. Sambutan ini telah ditetapkan pada hari Isnin pertama bulan Oktober setiap tahun. Bagi tahun 2018, tema sambutan yang telah ditetapkan adalah *Municipal Solid Waste Management*. Selaras dengan tema sambutan pada tahun ini, MBPJ telah memilih untuk menonjolkan konsep kitar semula sebagai salah satu aspek pengurusan sampah serta peranan pihak swasta dalam penjagaan kebersihan persekitaran. Sempena sambutan itu, MBPJ telah mengadakan 3 aktiviti utama iaitu mewujudkan kejasama dengan *Green Movers Club* dari German-Malaysia Institute (GMI) dengan menubuhkan *Anti Littering Squad*, memperkenalkan 3R *Market* dan mengadakan lawatan teknikal ke tapak pelupusan sampah di Jeram Sanitary Landfill.

Penubuhan sukarelawan *Anti Littering Squad* terdiri daripada pelajar German-Malaysia Institute (GMI). Sukarelawan ini ditugaskan untuk mengutip sampah kecil (contoh: resit, sisa rokok,bungkusan makanan dan lain-lain) dengan pengepit serta mengedarkan risalah penjagaan kebersihan di sekitar pusat bandar Seksyen 52, Seksyen 8 dan Seksyen 14 pada jam 11.30 pagi hingga 1.30 tengahari pada hari bekerja. Setiap pasukan anti littering squad dilengkapi dengan peralatan seperti pengepit, cangkul dan risalah semasa menjalankan operasi.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Dato' Mohd Azizi bin Mohd Zain, Datuk Bandar Petaling Jaya.

Pengambilalihan Perkhidmatan Kutipan Sampah dan Pembersihan Awam oleh KDEBWM

Majlis penyerahan perkhidmatan pengurusan kutipan sampah domestik dan pembersihan awam bagi kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan majlis penyerahan lori kompaktor dan armroll KDEB Waste Management Sdn. Bhd untuk kegunaan di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya oleh Y.B. Tuan Ng Sze Han Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru pada 31 Julai 2018.

KDEBWM akan mengambilalih perkhidmatan pengurusan kutipan sampah domestik dan pembersihan awam (berperingkat) di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bermula pada 1 Ogos 2018. Pengurusan kutipan sampah domestik dan pembersiahan awam di kawasan MBPJ oleh KDEBWM menjanjikan satu pembaharuan modus operandi dengan konsep "Smart Waste Solution" di dalam operasi mereka, yang mengetengahkan penggunaan lori-lori kompaktor baru buatan jenama terkenal dari negara Jepun, dilengkapi sistem yang canggih untuk digunakan oleh semua sub-kontraktor di kawasan Petaling Jaya ini

Program Tahun 2018 – Sisa Itu Satu Aset

Program Kitar Semula

Bil	Aktiviti	Berat (Tan)
1	Projek Perintis Kitar Semula	92.87
2	Tong kitar semula MBPJ	20.16
3	Kitar semula *Community Recycle For Charity*	1,526.93
4	*DJROA Community Recycling Centre*	14.47
5	Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah	24.22
6	Pertandingan Kitar Semula Peringkat Tadika	3.05
	Jumlah keseluruhan	1,681.7

Penglibatan Penduduk = 9,238 Rumah
Bandar Utama
Seksyen 11
Seksyen 12
Seksyen 16
Seksyen 22
SS 20
Kg Sg Kayu Ara
PJS 1
SS 22A

Program *Spring Cleaning* Musim Perayaan

Program *Spring Cleaning* telah diadakan sebanyak 4 kali bagi sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Hari Deepavali dan Hari Krismas.

Pengkomposan Sisa Makanan Medan Selera Malam, Gerai Ibumee dan Pasar Pagi SS2

Bulan	Berat Sisa Makanan (Kg)
Januari	12,862.08
Februari	8,601.81
Mac	14,054.36
April	32,464.52
Mei	11,108.85
Jun	10,223.22
Julai	10,838.69
Ogos	11,968.04
September	10,357.68
Oktober	9,875.49
November	8,704.29
Disember	6,452.70
Jumlah	**147,511.73**

Pengurangan Karbon = 135.27 tan CO^2

Carbonisation Sisa Kelapa

Program ini merupakan inovasi kebersihan di punca bagi merawat sisa kelapa dimana ia di proses menjadi arang. Produk yang dihasilkan adalah produk nilai tambah kepada aktiviti pengkomposan sisa makanan. Proses pembakaran sisa kelapa menggunakan biogas yang dihasilkan daripada proses *anerobic digestion* sisa makanan.

Majlis Pelancaran Kitar Semula dan KPL Bandar Utama

Majlis Pelancaran Projek Perintis Kitar Semula Dan Kutipan, Pembersihan & Landskap (KPL) di Bandar Utama PJU 6 Petaling Jaya telah diadakan pada 27 Janurai 2018 (Sabtu) bertempat di perkarangan Dewan Serbaguna BU3, Jalan BU6/2 Petaling Jaya. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB. Puan Elizabeth Wong Keat Ping, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau Dan Hal Ehwal Pengguna Kerajaan Negeri Selangor.

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah pameran kitar semula, teknologi pembersihan oleh syarikat Karcher dan KPT Sdn. Bhd., taklimat permohonan skim rebat cukai taksiran, perasmian kenderaan *Quick Response Service (QRS)* Bandar Utama dan gerai *food truck*.

Pada majlis tersebut juga, tong kitar semula berwarba kuning telah diedarkan secara percuma kepada semua penduduk Bandar Utama sebagai langkah awal perlaksanaan projek perintis kitar semula.

Pusat 5R @ PJKita Community Library PJS 6

Pusat 5R @ PJKita Community Library telah diwujudkan sebagai salah satu komponen bagi pembangunan PJKita Community Library di PJS6. YAB. Dato' Menteri Besar Selangor, Tuan Amirudin Shari telah melawat pusat ini semasa merasmikan PJKita Community Library @ PJS 6 pada 28 Julai 2018 (Sabtu).

Pusat ini menyediakan kemudahan ruang untuk komuniti setempat menjalankan kitar semula dan aktiviti *upcycling*.

Program *5R Adventure* Bagi Tadika Di Bawah Program *Low Carbon Cities* Framework Dan Program Kitar Semula Sekolah-Sekolah Di Petaling Jaya

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah melancarkan Program 5R (*recycle, reuse, reduce, rethink & reinvent) Adventure* bagi tadika di bawah Program *Low Carbon Cities Framework* dan Program Kitar Semula Sekolah-sekolah di Petaling Jaya yang bermula pada 10 Julai hingga 30 September 2018. Program yang diadakan ini bertujuan untuk memupuk sifat kecintaan dan meneruskan amalan kitar semula di kalangan kanak-kanak dan para pelajar sekolah. Program ini juga merupakan julung kalinya dianjurkan oleh MBPJ. Sebanyak 86 buah sekolah rendah dan menengah serta 100 buah tadika akan menyertai program ini di Petaling Jaya. Sekolah dan tadika yang berjaya mengumpul hasil jualan kitar semula (per kapita) akan berpeluang menerima hadiah berupa wang tunai yang ditaja sepenuhnya oleh Syarikat Fraser & Neave Holdings Bhd (F&N). Barangan kitar semula yang akan diambil kira adalah kertas, plastik, tin aluminium, kotak dan bekas kotak minuman.

Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Kitar Semula Anjuran MBPJ, F&N Dan Tetrapak Malaysia

Majlis penyampaian hadiah bagi pertandingan kitar semula di antara sekolah di Petaling Jaya telah diadakan pada 14 November 2018 dan telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohd Azizi bin Mohd Zin, Datuk Bandar Petaling Jaya. Sebanyak 3 kategori sekolah telah dipilih iaitu kategori sekolah rendah, sekolah menengah dan pra-sekolah. Pertandingan ini merupakan sebahagian daripada program 5R yang diperkenalkan oleh MBPJ dan F&N bertujuan untuk mendidik pencinta alam muda di Petaling Jaya

Pra Perasmian PJ Eco Recycling Plaza

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menganjurkan Majlis Pelancaran Kempen Kitar Semula *Styrofoam* dan Pra Perasmian PJ Eco Recycling Plaza bertempat di SS 8/39, Petaling Jaya, Selangor pada 5 November 2018. Penganjuran majlis ini adalah selari dengan visi MBPJ ke arah *PJ Sustainable* 2030 yang bertindak sebagai alternatif menyelesaikan penjanaan sampah di Petaling Jaya yang kini telah mencecah 600 tan sampah setiap hari. Penganjuran kempen kitar semula *styrofoam* adalah bertujuan menangani masalah utama pembuangan sisa *styrofoam* di Petaling Jaya. Kempen Kitar semula *styrofoam* ini telah dirasmikan oleh Datuk Bandar Petaling Jaya, Dato' Mohd Azizi bin Mohd Zain. Beliau juga turut merasmikan PJ Eco Recycling Plaza yang dijangka siap sepenuhnya pada penggal ketiga tahun 2019.

Sehingga kini, MBPJ telah membelanjakan sebanyak RM 450 ribu bagi *facade* bangunan, tingkat bawah dan kawasan luar bangunan. Dijangka sebanyak RM 1 juta akan dibelanjakan bagi memastikan bangunan itu beroperasi sepenuhnya pada tahun depan. Selain itu, MBPJ juga turut meluluskan pembiayaan sebanyak RM 840 ribu bagi melengkapkan projek *Waste Treatment Facility* di sini. MBPJ juga turut menerima sumbangan daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor sebanyak RM 100 ribu. PJ Eco Recycling Plaza merupakan projek pertama di Malaysia yang mempamerkan sisa hasil daripada pengasingan sampah. Projek ini telah mendapat kerjasama oleh sektor korporat seperti Syarikat F&N, Tetra Pak, Spark Foundation, INTCO dan CH Green. Bangunan plaza itu akan mempunyai sudut pameran atau galeri 3R, bengkel *upcycling*, ruang aktiviti kanak-kanak dan komuniti, studio tayangan video, dan bilik kemudahan seminar.

Usaha yang dijalankan ini merupakan komitmen Majlis untuk menjadikan bandar raya Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya mampan, rendah karbon melalui amalan aktiviti 3R dan bebas pencemaran alam sekitar. Ini selaras dengan S*ustainable Development Goal (SDG)* dan *New Urban Agenda* yang menghendaki PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) beraspirasi ke arah bandar raya hijau dan berdaya saing menangani masalah setempat.

Projek Perintis LCCF Seksyen 13 Petaling Jaya

LCCF Carbon Tracking MBPJ		Total Carbon Emissions (tCO^2/yr)		Reduction Achieves	
Calculator Criteria	Element	2012 Baseline (B)	2015 Project (P)	tCO^2/yr	%
Landuse	Carbon Storage in Soil (losses)	39.41	38.29	1.13	2.86
	Carbon Sequestration by Vegetation (losses)	0.00	0.00	0.00	0.00
Landscape	Carbon Storage in Soil (losses)	-3.59	-4.72	1.13	-31.34
	Carbon Sequestration by Vegetation	0.00	0.00	0.00	0.00
	Seq. by Trees (not within Open Space)	0.00	0.00	0.00	0.00
Embodied Carbon in Construction	Building Construction	4,494.53	7,961.42	-3,466.89	-77.14
	Infrastructure Construction	0.13	0.13	0.00	0.00
Operational Carbon	Energy	0.00	0.00	0.00	0.00
	Water	1,266.44	974.00	292.44	23.09
	Waste	70.56	119.07	-48.51	-68.74
Transaport	Corridor	0.00	0.00	0.00	0.00
	Cordon	0.00	0.00	0.00	0.00
	Network	0.00	0.00	0.00	0.00
	Total Emissions	5,867.48	9,088.19	-3,220.71	-54.89

Laporan Greentech Malaysia.

Skim Rebat Cukai Taksiran Bagi Pemilik Rumah Mesra Alam Hijau MBPJ									
Tahun	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	Jumlah Keseluruhan
Jumlah Permohonan	49	71	106	152	148	123	76	619	1344
Jumlah Permohonan Rumah Bertingkat	1	12	17	24	21	14	11	34	134
Layak Menerima Rebat	49	65	97	142	135	111	76	605	1280
Tidak Layak	-	6	9	10	13	12	0	14	64
Rebat 100%	13	15	24	37	18	9	8	96	220
Jumlah Rebat Cukai (RM)	18,184.43	20,159.25	32,602.85	47,842.15	43,664.54	20,181.60	20,181.60	211,005.11	RM414,380.48

Pertandingan Sungai & Pantai Angkat Negeri Selangor 2018

MBPJ telah menyertai pertandingan Sungai & Pantai Angkat Negeri Selangor tahun 2018 dengan mencalonkan komuniti Blok 3, Desa Mentari PJS 5 Petaling Jaya yang merupakan kawasan projek W.A.T.E.R. Project bagi negeri Selangor. Sesi penilaian oleh panel hakim telah diadakan pada 22 Februari 2018 di lokasi bagi melihat perlaksanaaan program-program yang dilakukan oleh komuniti seperti pengindahan tebing sungai melalui aktiviti kebun bandar, pengumpulan air hujan, aktiviti kitar semula dan aktiviti pembersihan sungai dan pemantauan kualiti air sungai secara kerjasama dengan MBPJ dan *Global Environment Centre*. Pada tahun 2018, komuniti Blok 3 Desa Mentari telah memenangi tempat ke-2 bagi pertandingan tersebut kategori sungai.

Earth Hour Night Walk 2018

Program *Earth Hour Night Walk 2018* telah diadakan pada 24 Mac 2018 di kawasan Sunway Giza Mall, Kota Damansara. Program ini merupakan acara sambutan bagi hari *Earth Hour* yang disambut oleh seluruh dunia. Pada hari tersebut, bangunan di sekitar kawasan berkenaan diminta untuk memadamkan lampu selama 1 jam bermula 8.30 malam hingga 9.30 malam bertujuan untuk mengurangkan penggunaan bahan api untuk menjana elektrik. Program ini adalah selaras dengan program pengurangan pelepasan karbon di Petaling Jaya. Sambutan ini merupakan inisiatif WWF Malaysia untuk memupuk kesedaran masyarakat berkenaan kepentingan penjagaan alam sekitar.

Program *Earth Hour Night Walk* 2018 telah dirasmikan oleh YB. Elizabeth Wong Keat Ping, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau Dan Hal Ehwal Pengguna Kerajaan Negeri Selangor. Program ini telah disertai hampir 2,500 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat di Petaling Jaya.

Majlis Pelancaran *Spark Foundation's Water Balancing Agenda*

Majlis Pelancaran *Spark Foundation's Water Balancing Agenda* telah diadakan dengan kerjasama MBPJ, GEC dan Spark Foundation yang merupakan rakan kongsi bagi projek W.A.T.E.R di Petaling Jaya. Majlis ini bertujuan untuk melancarkan semula komitmen Spark Foundation untuk memastikan penjagaan Sungai Penchala yang merupakan tapak projek program ini. Majlis ini telah diadakan pada 21 Julai 2018 (Sabtu) bertempat di Pusat Informasi Sg. Penchala, Jalan PJS 5/3, Taman Desaria, 46150 Petaling Jaya. Majlis ini telah dirasmikan oleh Tuan Johary bin Anuar, Timbalan Datuk Bandar.

Sesi Perbincangan Dua Hala Bandar Rendah Karbon MBPJ Dan GTALCC

Program ini telah diadakan pada 19 Disember 2018 di Hotel Hilton Petaling Jaya dengan kerjasama secretariat GTALCC. Program ini bertujuan sebagai sesi perkongsian maklumat berkenaan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh MBPJ di bawah program L*ow Carbon Cities of Petaling Jaya.* Program ini telah disertai oleh SEDA Malaysia, Jabatan teknikal di MBPJ dan secretariat GTALCC. Majlis ini telah dirasmikan oleh Timbalan Datuk Bandar MBPJ.

Program Kesedaran Sepanjang Tahun 2018

7 Januari 2018 – Taklimat *home composting* bersama CETDEM

7 Januari 2018 – Taklimat dan pameran pengkomposan di SRJK (C) Puay Chai Petaling Jaya

27 Januari 2018 – Pelancaran Projek Kitar Semula dan 3R Bandar Utama

7 Januari 2018 – Taklimat Skim Rebat Cukai Taksiran bersama penduduk Bandar Utama

27 Feb 2018 – Lawatan Yangon City Development Committee ke SS2

27 Feb 2018 – Lawatan United Nations Environment Programmes (UNEP) ke SS2

25 Mac 2018 – *Food Waste Composting Programme* @ Ara Impian Resident PJU1A

31 Mac 2018 – *Home Composting Talk @ Seksyen 6 PJ*

7 April 2018 – *Kitchen Waste Home Composting Talk @ BU12*

21 April 2018 – Hari terbuka Smart PJ Waste Solution Lab SS2 sempena program Hari Organik

21 April 2018 – Hari Organik CETDEM & MBPJ

4 Mei 2018 – MBPJ Green Initiatives Talk bersama Bank Negara

25 Mei 2018 – *Booth* pameran pengkomposan program Bazar Ramadan Mampan

22 Jun 2018 – Perlaksanaan pengasingan sisa Majlis Jamuan Hari Raya MBPJ

23 Jun 2018 – Taklimat Skim Rebat Cukai Taksiran di Bandar Utama 11

30 Jun 2018 – Hari Organik di SS20

PJ Waste Summit 2018

Persidangan *Petaling Jaya Waste Summit 2018* yang telah diadakan pada 04 Disember 2018 di Dewan Banquet, Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Ia bertujuan sebagai platform untuk membantu memperkukuhkan fungsi Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam dan merancang pengurusan sisa pepejal yang lebih baik untuk Petaling Jaya selaras untuk memajukan Petaling Jaya sebagai sebuah Bandaraya Hijau Berkarbon Rendah serta memberikan penghargaan kepada kontraktor Majlis dan Duta PJ Bersih yang telah menjalankan tugas dengan cemerlang sepanjang tahun 2018.

Tema yang telah dipilih adalah *"Circular Economy"* sebagai satu sistem ekonomi yang berasaskan kepada model perniagaan berkonsepkan *"reuse", "recycle" dan "recover"* sebagai alternative menggantikan model perniagaan berkonsepkan "end-of-life". "Circular economy" bertujuan untuk mencapai pembangunan mampan yang menyokong pembentukan bersekitaran yang berkualiti, kemajuan ekonomi, dan keadilan sosial untuk faedah pada kini dan generasi akan datang.

12.	Bengkel Pemantauan dan Teknik Pelaporan Pelan Tindakan	12 Februari 2018
13.	Bengkel Kajian Dan Analisis Pencapaian Piagam Pelanggan	13 Februari 2018
14.	Perhimpunan Bulanan Hari Kualiti	20 Februari 2018

15.	Mesyuarat Pengurusan MBPJ Bil. 2/2018	21 Februari 2018
16.	Anugerah Pengurusan Pejabat & Pentadbiran Cemerlang (APPC)	Sesi Penilaian: 5 Mac 2018
17.	Mesyuarat Penyediaan Bilik Penyusuan Bayi Di Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	8 Mac 2018
18.	Mesyuarat Penyelarasan Pertanyaan-pertanyaan Dewan Sempena Mesyuarat Pertama Penggal Ke-6 Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Ke-13 Tahun 2018	9 Mac 2018
19.	Mesyuarat Penyelarasan Perhimpunan Bulanan MBPJ Bil. 3/2018	12 Mac 2018
20.	Sesi Pengukuran dan "Alteration" Baju Batik Korporat Bagi Tahun 2017/2018	Sesi 1: 19 Mac 2018 Sesi 2: 20 Mac 2018
21.	Mesyuarat Bersama Kunjungan Delegasi Dari Kedutaan Kanada	20 Mac 2018
22.	Bengkel Kesedaran MS ISO 9001:2015 Majlis Bandaraya Petaling Jaya	21 Mac 2018
23.	Perhimpunan Bulanan Hari Kualiti Bil. 3/2018	23 Mac 2018
24.	Mesyuarat Pengurusan MBPJ Bil. 3/2018	26 Mac 2018
25.	Taklimat Awal Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Tahun 2018 - Kumpulan Inovasi Dan Kreatif (KIK)	3 April 2018
26.	Bengkel Protokol Dan Etiket Sosial Untuk Pegawai	4 - 6 April 2018
27.	Bengkel Penulisan Dokumentasi KIK	18, 19 & 25 April 2018
28.	Bengkel Pemantapan Dokumentasi KIK Bersama Konsultan	14, 15, 16 & 23 Mei 2018
29.	Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Bagi Tahun 2018	Sesi Penilaian: 28 Mei 2018
30.	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)	21 Mei 2018
31.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko	21 Mei 2018
32.	Perhimpunan Bulanan Hari Kualiti	22 Mei 2018
33.	Mesyuarat Pengurusan Bil. 4/2018	23 Mei 2018
34.	Pengauditan Persijilan MS ISO 9001:2015 oleh I*ndependent European Certification (IEC)*	Sesi pengauditan: 4 - 5 Jun 2018
35.	Mesyuarat Penyelarasan Prosedur MS ISO 9001:2015	8 Jun 2018
36.	Mesyuarat Laporan Tindakan Peningkatan MS ISO 9001:2015	20 Jun 2018
37.	Mesyuarat Penyelarasan Perhimpunan Bulanan MBPJ	22 Jun 2018
38.	Perhimpunan Bulanan Hari Kualiti	29 Jun 2018
39.	Mesyuarat Pengurusan Bil. 5/2018	28 Jun 2018
40.	Bengkel Penilaian Pemeriksaan Projek Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor Tahun 2018	2 - 3 Julai 2018 & 9 Julai 2018
41.	Mesyuarat Penyelarasan Perhimpunan Bulanan MBPJ	13 Julai 2018
42.	Perhimpunan Bulanan Hari Kualiti	23 Jun 2018
43.	Mesyuarat Penyelarasan Lawatan Penandaaras Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT) Ke MBPJ	20 & 31 Julai 2018
44.	Mesyuarat Penyelarasan Lawatan Awalan Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS)	31 Julai 2018
45.	Lawatan Penandaarasan Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT) Ke Majlis Bandaraya Petaling Jaya	3 Ogos 2018
46.	Penilaian Awal Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) Tahun 2018	7 Ogos 2018

47.	Mesyuarat Penyelarasan Pakaian (Blazzer) Petugas Kaunter Majlis	8 Ogos 2018
48.	Mesyuarat Penyelarasan Selangor International Expo 2018	10 Ogos 2018
49.	Bengkel Penulisan Dokumentasi / Persembahan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) Untuk Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor	15 - 17 Ogos 2018
50.	Mesyuarat Penyelarasan Pertanyaan-Pertanyaan Dewan Sempena Mesyuarat Kedua (Pembukaan) Penggal Pertama Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas Tahun 2018	20 Ogos 2018
51.	Mesyuarat Pengurusan Bil. 6/2018	30 Ogos 2018
52.	Bengkel Penulisan Dokumentasi / Persembahan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Untuk Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor	5 & 18 September 2018
53.	Mesyuarat Penyelarasan Perhimpunan Bulanan MBPJ	5 September 2018
54.	Selangor International Business Summit 2018	6 - 9 September 2018
55.	Mesyuarat Pelarasan Bagi Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Negeri Selangor Bil 3/2018	14 September 2018
56.	Perhimpunan Bulanan Hari Kualiti	20 September 2018
57.	Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Negeri Selangor Bil 3/2018	24 September 2018
58.	Mesyuarat Pengurusan Bil. 7/2018	24 September 2018
59.	Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor (MPIPANS) Tahun 2018	25 - 27 September 2018
60.	Mesyuarat Penyelarasan Perhimpunan Bulanan MBPJ	4 Oktober 2018
61.	Bengkel Pelan Pengurusan Tindakan Risiko & Objektif MS ISO 9001 : 2015	15 - 16 Oktober 2018
62.	Lawatan Penanda Arasan Ketua Zon EKSA MBPJ Ke Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT)	18 - 19 Oktober 2018
63.	Gotong-Royong EKSA	25 - 29 Oktober 201
64.	Kursus Pelaksanaan Myportfolio: Panduan Kerja Sektor Awam	31 Oktober – 2 November 2018
65.	Kursus Pelaksanaan Myportfolio: Panduan Kerja Sektor Awam	31 Oktober – 2 November 2018
66.	Mesyuarat Penyelarasan Pertanyaan-Pertanyaan Soalan Dewan Sempena Mesyuarat Ketiga (Bajet) Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor	9 November 2018
67.	Bengkel Kajian Dan Analisis Pencapaian Piagam Pelanggan Jabatan /Bahagian/ Unit Majlis Bandaraya Petaling Jaya 2018	12 November 2018
68.	Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS)	12 - 15 November 2018
69.	Majlis Perhimpunan Bulanan MBPJ Bil. 8/2018	14 November 2018
70.	Majlis Apresiasi Inovasi Peringkat Negeri Selangor Bagi Tahun 2018	15 November 2018
71.	Retreat Unit Komunikasi Korporat	15 - 17 November 2018
72.	Bengkel Kajian Dan Analisis Pencapaian Pelan Strategik Jabatan /Bahagian/ Unit Majlis Bandaraya Petaling Jaya 2018	19 November 2018
73.	Mesyuarat Pengurusan Bil. 8/2018	26 November 2018
74.	Majlis Konvensyen Pemerkasaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	10 - 11 Disember 2018
75.	Lawatan Sambil Belajar Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Ke Bangkok	11 - 15 Disember 2018
76.	Majlis Perhimpunan dan Sarapan Pagi YAB Menteri Besar Selangor Bersama Penjawat Awam	Lawatan tapak: 21 Disember 2018

Pencapaian/Anugerah 2018

Bil.	Inovasi / Anugerah 2018
1.	Anugerah Komuniti 2017
2.	*Honour Award Government Category Green Initiatives Award Agrobox Malaysia Landscape Architecture Awards 2017*
3.	*Royal Floria Eco Friendly Garden Award 2018*
4.	*Royal Floria Garden Award 2018*
5.	*Royal Floria President's Award 2018*
6.	Naib Juara Bagi Kategori Sungai Untuk Program Sungai dan Pantai Angkat Negeri Selangor 2017
7.	Tempat Ketiga Kategori Inovasi Sosial (Penciptaan) Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam negeri Selangor (MPIPANS)
8.	Pengiktirafan Pembangunan Inklusif Kategori Pihak Berkuasa Tempatan Sempena Hari Perancang Bandar Sedunia 2018
9.	*Good 2017 OSH Performance Malaysia Society For Occupational Safety And Health*
10.	Anugerah Pihak Berkuasa Tempatan Prihatin Sempena Hari Orang Kurang Upaya Kebangsaan 2018
11.	*The Malaysia Book Of Records For Organising The Most Number Of Participants In A Mannequin Challenge*
12.	Pengiktirafan *PJ Fair 2018 International Folklore Festival* Sebagai Program Pertukaran Kebudayaan Antarabangsa *(International Cultural Exchange Programme)* Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia
13.	Pencapaian Status Mampan Program Pengukuran Bandar Mampan Malaysia Melalui Murninets 2.0
14.	Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Penyediaan Laluan Basikal (Kategori Bandaraya) Program Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau 2018 Sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia 2018
15.	Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Penyediaan Laluan Pejalan Kaki (Ketegori Bandaraya) Program Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau 2018 Sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia 2018
16.	Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kebun Kejiranan (Kategori Bandaraya) Program Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau 2018 Sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia 2018
17.	Anugerah Khas Pencapaian Terbaik Keseluruhan Program Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau 2018 Sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia 2018
18.	Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Program Pengkomposan Sisa (Kategori Bandaraya) Program Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau 2018 Sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia 2018
19.	Sijil 5 Bintang KPI HRMIS 2017
20.	Anugerah Penarafan Bintang Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi (SKPPsi) Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 2018 (5 Bintang)

Laporan Seksyen Aduan Awam 2018

Status Tindakan Aduan Mengikut Bulan (Jan – Dis 2018)

Bulan	Aduan Diterima	Telah Diambil Tindakan	Peratusan %	Sedang Diambil Tindakan	Peratusan %	Aduan Tiada Maklum Balas	Peratusan %
Jan	1,648	938	57	444	26.9	266	16.1
Feb	959	430	44.8	529	55.2	-	-
Mac	1,483	800	53.9	683	46.1	-	-
Apr	1,316	603	45.8	713	54.2	-	-
Mei	1,361	613	45	748	55	-	-
Jun	1,181	517	43.8	664	56.2	-	-
Jul	1,902	1,032	54.3	870	45.7	-	-
Ogos	1,737	1,005	57.9	732	42.1	-	-
Sept	1,074	344	32.1	730	67.9	-	-
Okt	1,231	561	45.6	670	54.4	-	-
Nov	1,154	449	38.9	705	61.1	-	-
Dis	1,333	411	30.8	922	69.2	-	-

Jenis-jenis Aduan Yang Kritikal

Bil.	Perkara	Bulanan												Jumlah
		JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	
1.	Sampah Kebun / Haram / Rumah / Papan Tanda Sampah	60	48	44	69	62	107	108	94	32	26	32	62	744
2.	Cantas / TebangPokok	125	115	236	162	159	121	185	156	122	242	63	78	1,764
3.	Longkang Tersumbat	94	73	109	99	106	104	132	126	97	84	56	98	1,178
4.	Kerosakan Longkang Kecil	21	12	23	8	16	19	22	13	21	68	42	43	308
5.	Lampu Jalan	99	97	157	136	151	155	152	164	97	147	119	141	1,615
6.	Lampu Isyarat	53	23	51	47	44	34	50	36	59	29	39	38	503
7.	Jalan Rosak	114	85	100	100	122	109	102	62	29	66	116	89	1,094

UNIT PERUND

ANGAN

UNIT
PERUNDANGAN

Unit Perundangan

1. Fungsi

a) Memberi khidmat nasihat perundangan mengenai persoalan-persoalan perundangan yang berkaitan dengan Majlis.

b) Menjamin dan memperkukuh kedudukan Majlis di dalam perjanjian pembangunan/penswastaan/perkhidmatan.

c) Menyediakan Majlis dengan undang-undang yang mencukupi selari dengan keperluan Majlis.

d) Menjaga dan melindungi kepentingan Majlis melalui representasi kes sibil di Mahkamah.

e) Meningkatkan pengetahuan kakitangan-kakitangan dan pegawai-pegawai Majlis dalam hal-hal yang berkaitan dengan undang-undang.

2. Penjelasan Aktiviti

Tugas utama unit ini ialah menguruskan segala hal-hal yang berkaitan dengan pentadbiran, di samping memastikan kakitangan di Unit ini mengamalkan satu budaya kerja yang sihat, berkualiti dan berdisipllin serta berhemah tinggi.

Selain daripada melaksanakan pentadbiran Unit, ini juga membantu dalam pengendalian tugas-tugas yang berkaitan dengan unit-unit lain khususnya Unit Pendakwaan.

2.1 UNIT PENDAKWAAN

Tugas Unit Pendakwaan adalah urusan pendaftaran kes bagi kes-kes teknikal yang dihantar oleh jabatan-jabatan teknikal untuk di bawa ke Mahkamah.

a) Peringkat pendaftaran kes

b) Peringkat saman

c) Peringkat Waran Tangkap

d) Peringkat Bicara/penghakiman

e) Kes selesai

2.1.1 Peringkat Pendaftaran Kes

a) Semak pengaduan

b) Merekod dalam buku pendaftaran Mahkamah mengikut seksyen

c) Membuka fail

d) Menyediakan 4 salinan kertas saman dan pertuduhan

e) Mendaftar kes ke Mahkamah

2.1.2 Peringkat Saman

a) Terima saman yang ditetapkan tarikh sebulan oleh Mahkamah
b) Mengasingkan saman-saman mengikut tarikh sebulan
c) Mengagihkan saman-saman kepada penyerah saman
e) Menyerahkan saman kepada OKS dan mendaftarkan akuan terima
f) Menyediakan laporan penyerahan
g) Menyemak laporan dan saman kepada pihak pendakwa untuk sebutan di Mahkamah.

2.1.3 Peringkat Waran Tangkap

a) Menerima fail kes untuk waran tangkap daripada Pegawai Pendakwa.
b) Menyenaraikan dan merekod kes waran tangkap mengikut tarikh.
c) Menghantar notis kepada OKS
d) Merekod kes notis yang diterima OKS dan notis dikembalikan.
e) Membuat carian.
f) Maklum kepada pegawai pendakwa menarik balik kes yang dikembalikan.

Statistik Kes Pendakwaan 2018

Jabatan	Jumlah	Selesai	Belum Selesai
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran	11	11	-
Jabatan Kawalan Bangunan	15	15	-
Jabatan Pelesenan	2	2	-
Jabatan Perancangan Bandar	2	2	-
Jabatan Penguatkuasa	2	2	-

2.1.4 Peringkat Bicara/Penghakiman

Bagi kes yang mana OKS tidak mengaku salah Mahkamah akan menetapkan tarikh untuk bicara. Mahkamah akan membuat penghakiman dengan keputusan berikut:

a) Sama ada mendapati OKS bersalah
b) OKS didapati tidak bersalah dan dibebaskan.

2.1.5 Peringkat Kes Selesai (fail tutup)

a) Tarikh sebutan
b) Tarikh bicara
c) Tarikh tamat kes
d) Nama Pegawai Pendakwa

e) Nama Peguambela (jika ada)
f) Sabitan kes
g) Denda yang dikenakan
h) Tandatangan Ketua Jabatan pada keputusan Mahkamah
i) Kertas pertuduhan dihantar kepada jabatan berkenaan.

2.2 UNIT PENTADBIRAN.

a) Membantu mengendalikan dan menguruskan tugas penguatkuasaan.
b) Menyediakan laporan-laporan jabatan untuk mesyuarat Majlis.
c) Pengendalian urusan disiplin kakitangan.
d) Menguruskan pusat rujukan perundangan.
e) Pengumpulan dan penyediaan indeks Dasar Majlis, Pekeliling dan lain-lain yang berkaitan dengannya.

2.3 UNIT NASIHAT

Pemberian nasihat perundangan kepada Majlis mengenai apa-apa perkara perundangan yang dirujuk kepada unit bagi melindungi kepentingan Majlis.

Bagi menjamin kepentingan ini, unit akan memastikan segala pendapat yang diberikan adalah bernas, mengikut peruntukan undang-undang berkesan dan lengkap serta mengikut keperluan Majlis. Unit juga akan memastikan segala tindakan Majlis adalah berlandaskan kepada peruntukan undang-undang.

Di bawah unit ini khidmat nasihat mengenai persoalan-persoalan perundangan yang berkaitan dengan Majlis disampaikan dengan cara seperti berikut:

a) Proses menyemak dan mengkaji ulasan-ulasan yang berkaitan.
b) Memberi nasihat kepada Majlis berdasarkan kepada peruntukan undang-undang sedia ada.

Nasihat yang diberikan adalah merangkumi semua aspek termasuk dari segi tatatertib, disiplin serta yang mempunyai hubungan Kerajaan Negeri dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Antara nasihat yang diberi adalah seperti berikut:

a) Nasihat mengenai prosedur-prosedur penukaran zon sesuatu kawasan, penukaran syarat gunatanah dan sebagainya.
b) Nasihat mengenai tindakan-tindakan dan prosedur-prosedur yang betul dari segi undang-undang dalam hal-hal menyita peralatan dan harta alih penduduk yang gagal membayar cukai pintu dan meroboh/ mengalih gerai-gerai peniaga haram.
c) Pembatalan kontrak dengan kontraktor dan sebagainya.

2.4 UNIT KONTRAK

Tugas utama unit adalah menguruskan dalam penyediaan perjanjian Majlis bagi:

a) Penswastaan Pembangunan Majlis
b) Penswastaan Perkhidmatan Majlis

Dalam penyediaan perjanjian Majlis, Unit Kontrak yang diketuai oleh Penasihat Undang-undang akan mendraf, meneliti dan mengadakan perbincangan dengan jabatan-jabatan yang terlibat, pihak pemaju atau pihak kontraktor yang dilantik. Penelitian dengan cermat dalam penyediaan perjanjian Majlis adalah perlu bagi memastikan kepentingan Majlis dilindungi. Untuk mencapai objektif ini, penyempurnaan dokumentasi perjanjian Majlis perlu dibuat dengan lebih profesional dan cepat.

2.4.1 Perjanjian Penswastaan Pembangunan.

Perjanjian penswastaan yang diuruskan oleh pihak unit kebanyakan adalah merupakan projek-projek penswastaan 'Joint Venture' antara Majlis dengan pihak pemaju.

Bagi menyediakan Perjanjian Penswastaan Pembangunan Majlis, jabatan akan memastikan dan meneliti perjanjian tersebut bagi menjamin kepentingan Majlis dilindungi.

Sebelum sesuatu dokumen perjanjian ditandatangani oleh pihak Majlis, dokumen tersebut mestilah lengkap dan pihak Majlis perlu mempunyai satu salinan bagi setiap dokumen yang telah ditandatangani untuk rujukan Majlis.

2.5 UNIT GUBALAN

Senarai Undang-undang Kecil, Perintah-perintah dan kaedah-kaedah yang digunapakai oleh Majlis.

Bil	Tarikh Dan No. Warta	Kandungan
1.	3/3/1960 No. 131	Petaling Jaya (Christian) Rules, 1960
2.	20/4/1971 Enakmen No. 3 - 1971	Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau 1971
		Control Of Cattle Enactment 1971
	6/7/1972 Sl. P.U. 9	Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau (Enakmen Sel. No. 3 Tahun 1971)
		Control Of Cattle Enactment (Selangor Enactment No. 3 Of 1971)
3.	29/11/1973 Si.P.U.16	Kaedah-Kaedah (Tanah Perkuburan Hindu) Petaling Jaya, 1973
		Petaling Jaya (Hinducemetery) Rules, 1973
4.	21/5/1992 Sel.P.U. 38	Undang-Undang Kecil Peruntukan Mengenai Lesen Bersesama (Majlis Perbandaran Petaling Jaya) 1992
		Provision Of Joint Licence (Municipal Council Of Petaling Jaya) By-Laws 1992
		Road Traffic (Provision Of Parking Places) Petaling Jaya Order 1992
5.	14/9/1995 Sel.P.U. 23	Kaedah-Kaedah Pekerja (Kelakuan Dan Tatatertib) Majlis Perbandaran Petaling Jaya 1995

Bil	Tarikh Dan No. Warta	Kandungan
6.	11/11/1999 Sel.P.U. 48	Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran (Majlis Perbandaran Petaling Jaya)1999
		Anti-Litter (Petaling Jaya Municipal Council) By-Laws 1999
7.	23/12/1999 Sel.P.U. 55	Undang-Undang Kecil Perpustakaan Awam (Majlis Perbandaran Petaling Jaya) 1999
		Public Library (Petaling Jaya Municipal Council) By-Laws 1999
8.	30/12/2005 Sel.P.U. 51	Undang-Undang Kecil Tanah Perkuburan Islam (Majlis Perbandaran Petaling Jaya)2005
		Muslim cemetery (Petaling Jaya Municipal Council) By-Laws 2005
9.	30/12/2005 Sel.P.U. 52	Undang-Undang Kecil Tandas Awam (Majlis Perbandaran Petaling Jaya) 2005
		Public Lavatories (Petaling Jaya Municipal Council) By-Laws 2005
10.	30/12/ 2005 Sel.P.U. 53	Undang-Undang Kecil Vandalisme (Majlis Perbandaran Petaling Jaya)2005
		Vandalism (Petaling Jaya Municipal Council) By-Laws 2005
11.	30/12/2005 Sel.P.U. 54	Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Perbandaran Petaling Jaya) Kerajaan Tempatan 2005
		Local Government (Compounding Of Offences) (Petaling Jaya Municipal Council) By-Laws 2005
	15/08/2013 Sel. P.U. 114	Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2013
		Local Government (Compounding Of Offences) (Petaling Jaya City Council) (Amendment) By-Laws 2013
12.	30/12/2005 Sel.P.U. 55	Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Perbandaran Petaling Jaya) 2005
		Parks (Petaling Jaya Municipal Council) By-Laws 2005
13.	30/12/2005 Sel. P.U. 50	Undang-Undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendiriran (Majlis Perbandaran Petaling Jaya) 2005
		Licensing Of Private Car Parks (Petaling Jaya Municipal Council) By-Laws 2005

Bil	Tarikh Dan No. Warta	Kandungan
14.	5/7/2007 Sel. P.U. 25	Undang-Undang Kecil (Pengkompaunan Kesalahan) (Majlis Bandaraya Petaling Jaya), Jalan, Parit Dan Bangunan 2007
		Street, Drainage And Building (Compunding Of Offences) (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2007
	15/08/2013 Sel. P.U. 126	Undang-Undang Kecil (Pengkompaunan Kesalahan) (Majlis Bandaraya Petaling Jaya), Jalan, Parit Dan Bangunan (Pindaan) 2013
		Street, Drainage And Building (Compunding Of Offences) (Petaling Jaya City Council) (Amendment) By-Laws 2013
15.	19/7/2007 Sel.P.U. 56	Perintah Tetap (Mesyuarat) (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007
		Standing Orders (Meeting) (Petaling Jaya City Council) 2007
16.	19/7/2007 Sel.P.U. 57	Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Majlis Bandaraya Petaling Jaya 2007
		Road Transport (Provision Of Parking Places) Petaling Jaya City Council Order 2007
	29/04/2010 Sel.P.U. 9	Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Majlis Bandaraya Petaling Jaya (Pindaan) 2010
		Road Transport (Provision Of Parking Places) Petaling Jaya City Council (Amendment) Order 2010
	08/10/2012 Sel. P.U. 100	Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Majlis Bandaraya Petaling Jaya (Pindaan) 2012
		Road Transport (Provision Of Parking Places) Petaling Jaya City Council (Amendment) Order 2012
	21/03/2013 Sel. P.U. 27	Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Majlis Bandaraya Petaling Jaya (Pindaan) 2013
		Road Transport (Provision Of Parking Places) Petaling Jaya City Council (Amendment) Order 2013
	05/06/2014 Sel.P.U. 9	Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Majlis Bandaraya Petaling Jaya (Pindaan) 2014
		Road Transport (Provision Of Parking Places) Petaling Jaya City Council (Amendment) Order 2014
	19/06/2014 Sel.P.U. 13	Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Majlis Bandaraya Petaling Jaya (Pindaan) No. 2 2014
		Road Transport (Provision Of Parking Places) Petaling Jaya City Council (Amendment) Order No. 22014

Bil	Tarikh Dan No. Warta	Kandungan
17.	19/7/2007 Sel.P.U. 58	Undang-Undang Kecil Pusat Siber Dan Kafe Siber (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007
		Cyber Centre And Cyber Café (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2007
18.	19/7/2007 Sel.P.U. 59	Undang-Undang Kecil Krematorium (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007
		Crematorium (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2007
19.	19/7/2007 Sel.P.U. 62	Undang-Undang Kecil Pasar (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007
		Markets (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2007
20.	19/7/2007 Sel.P.U. 63	Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing Dan Rumah Pembiakan Anjing (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007
		Licensing Of Dogs And Kennel Establishments (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2007
21.	19/7/2007 Sel.P.U. 65	Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007
		Advertisement (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2007
22.	19/7/2007 Sel.P.U. 66	Undang-Undang Kecil Iklan Pilihanraya (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007
		Election Advertisement (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2007
23.	19/7/2007 Sel.P.U. 67	Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007
		Hawkers (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2007
24.	19/7/2007 Sel.P.U. 68	Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007
		Licensing Of Food Establishments (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2007
25.	19/7/2007 Sel.P.U. 69	Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan Dan Pelupusan Sampah-Sarap (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007
		Refuse Collection, Removal And Disposal (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2007

Bil	Tarikh Dan No. Warta	Kandungan
26.	19/7/2007 Sel.P.U. 70	Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007
		Earthworks (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2007
27.	19/7/2007 Sel.P.U. 71	Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007
		Licensing Of Trades, Businesses And Industries (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2007
28.	19/7/2007 Sel.P.U. 72	Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007
		Food Handlers (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2007
29.	01/08/2013 Sel.P.U. 69	Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan Dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2013
		Beauty And Health Care Centre (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2013
30.	01/08/2013 Sel.P.U. 70	Undang-Undang Kecil Kolam Renang (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2013
		Swimming Pool (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2013
31.	01/08/2013 Sel.P.U. 71	Undang-Undang Kecil Hotel (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2013
		Hotels (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2013
32.	01/08/2013 Sel.P.U. 72	Undang-Undang Kecil Pusat Sukan Persendirian (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2013
		Private Sports Centre (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2013
33.	19/12/2013 Sel. P.U. 153	Undang-Undang Kecil Penternakan Burung Walit Dan Perusahaan Sarang Burung Walit (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2013
		Rearing Of Swiftlet And Manufacturing Of Swiftlet's Nest (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2013
	18/1/1996 Enakmen No.7 Tahun 1995	Enakmen Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan 1995
		Entertainment And Places Of Entertainment Enactment 1995

Bil	Tarikh Dan No. Warta	Kandungan
34.	18/1/1996 Enakmen No.7 Tahun 1995	Enakmen Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan 1995
		Entertainment And Places Of Entertainment Enactment 1995
	12/9/1996 Sel. P.U. 37	Peraturan-Peraturan Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan (Selangor) 1996
	28/5/1998 Enakmen No.1 Tahun 1998	Enakmen Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan (Pindaan) 1998
		Entertainment And Places Of Entertainment (Amendment) Enactment 1998
	30/8/2001 Enakmen No.6 Tahun 2001	Enakmen Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan (Pindaan) 2001
		Entertainment And Places Of Entertainment (Amendment) Enactment 2001
	12/9/1996 Sel. P.U. 37	Peraturan-Peraturan Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan (Selangor) 1996
35.	29/08/1996 Sel. P.U. 34	Undang-Undang Kecil Kerja Di Jalan 1996
		Street Works By-Laws 1996
	14/08/2014 Sel. P.U. 30	Undang-Undang Kecil Kerja Di Jalan (Pindaan) 2014
		Street Works By-Laws (Amendment) 2014

2.6 UNIT SIBIL

Unit ini menguruskan proses tuntutan dan pembelaan Majlis di samping sentiasa mengawasi dan meneliti kes-kes yang dibawa oleh panel peguam yang dilantik oleh Majlis. Walaupun ianya dikendalikan oleh panel peguam Majlis tetapi segala tindakah perlulah mendapat nasihat dan pandangan dari Unit Perundangan terlebih dahulu.

Pihak unit akan memilih dan melantik panel peguam bagi mengendalikan kes Majlis berpandukan keberkesanan, keupayaan dan kemahiran di bidang berkenaan.

Setiap kes sibil akan diteliti dan diberi keutamaan agar tindakan berkesan dapat diambil bagi melindungi kepentingan Majlis.

Jenis-jenis tuntutan di bawah kes sibil Majlis dan statistik kes bagi tahun 2018

Bil	Jenis Tuntutan	Jumlah
1.	Tuntutan Gantirugi	1
2.	Perintah Deklarasi	1
3.	Tindakan Perundangan	1

UNIT AUDIT DAN INT

ALAM EGRITI

UNIT

AUDIT DALAM DAN INTEGRITI

Unit Audit Dalam dan Integriti

Unit Audit Dalam (UAD) Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah ditubuhkan pada tahun 1991 selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Bilangan 2 Tahun 1979 dan dikemaskinikan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004.

UAD bertanggungjawab terus kepada Datuk Bandar. Kedudukan ini menjadikan peranan UAD adalah penting untuk membantu pihak pengurusan dalam menilai segala program, aktiviti Majlis dilaksanakan mengikut dasar, peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan dan diurus secara cekap dan teratur.

Tugas dan tanggungjawab UAD semakin mencabar apabila MBPJ meluluskan penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat (JKAPK) pada 31 Julai 2008 dan UAD merupakan Urusetia kepada mesyuarat ini. Jawatankuasa ini akan menilai dan membincangkan laporan audit, tindakan susulan dan usaha penambahbaikan oleh Jabatan/Bahagian yang diaudit.

Pada tahun 2015 juga, Majlis telah bersetuju untuk menubuhkan Unit Integriti selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 bertujuan untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh seterusnya meningkatkan patriotisme. Secara tidak langsung dapat membendung salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika. Unit Integriti juga bertanggungjawab sebagai Urusetia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU).

Unit Integriti telah diletakkan bersama UAD dan seterusnya dikenali sebagai Unit Audit Dalam dan Integriti (UADI). UADI bertanggungjawab terus kepada Datuk Bandar dan merupakan sebahagian daripada komponen kawalan dalaman Majlis.

VISI	MISI	MOTO
Meningkatkan Kesedaran Mengenai Kepentingan Integriti dan Akauntabiliti Di Dalam Pengurusan MBPJ	Melaksanakan Pengauditan Setiap Pengurusan Program dan Aktiviti MBPJ Serta Mengeluarkan Laporan Audit Secara Bebas dan Adil	Integriti dan Akauntabiliti Asas Urus Tadbir Yang Baik

Fungsi Utama Unit Audit Dalam Dan Integriti

Seksyen Audit Dalam

Bahagian Audit Kewangan

a) Menjalankan Pengauditan
   i) Audit Akauntabiliti (A/I)
   ii) Pemeriksaan Mengejut
   iii) Pengurusan Kewangan
b) Menyediakan laporan dan pemerhatian audit
c) Membuat tindakan Audit Susulan

Bahagian Audit Prestasi/ICT/Audit Khas

a) Menjalankan Pengauditan
   i) Audit Prestasi
   ii) Audit ICT
   iii Audit Penampilan
   iv) Audit ISO/EKSA
   v) Audit/Siasatan Khas (Arahan Datuk Bandar/JKAPK)
b) Menyediakan laporan dan pemerhatian audit
c) Membuat tindakan Audit Susulan

Bahagian Audit Projek

a) Menjalankan pengauditan untuk prokej-projek tertentu
b) Menyediakan laporan dan pemerhatian audit
c) Membuat tidakan Audit Susulan

Pentadbiran

a) Mengendalikan segala aspek pengurusan pentadbiran pejabat seperti:
   i) Penyediaan Bajet Tahunan
   ii) Menguruskan Proses Perolehan dan Pembayaran
   iii) Mengurus Aset Dan Inventori Jabatan
b) Pengurusan hal ehwal kakitangan berhubung perjawatan, pentadbiran dan perkhidmatan seperti:
   i) Mengurus cuti kakitangan
   ii) Mengurus Kursus/Seminar/Bengkel

Seksyen Integriti

Pentadbiran

a) Tadbir Urus
   i) Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan
b) Pengukuhan Integriti
   i) Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksaan integriti dalam organisasi.
c) Pengurusan Aduan
   i) Menerima dan mengambil semua tindakan ke atas semua aaduan/maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.

d) Pengesanan dan Pengesahan

i) Mengesan dan mengesahkan aduan salahlaku jenayah dan pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil.

ii) Melaporkan salahlaku jenayah kepada agensi penguatkuaan yang bertanggungjawab.

e) Pematuhan

i) Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.

Aktiviti Pengauditan

Sepanjang tahun 2018, UADI telah melaksanakan aktiviti pengauditan mengikut Rancangan Audit seperti yang ditetapkan. Antara aktiviti pengauditan yang telah dilaksanakan adalah seperti di bawah:

Bil.	Aktiviti Pengauditan	Bilangan Yang Diaudit
1.	Pengauditan Pengurusan Kewangan	2
2.	Pengauditan Prestasi	1
3.	Pengauditan Projek	2
4.	Penampilan Audit	2
5.	Pemeriksaan Mengejut	2
6.	Audit Kualiti Dalaman	3
7.	Pengauditan / Kajian Khas	6
8.	Pengauditan Susulan	5
	Jumlah	23



Senarai tajuk pengauditan yang dijalankan pada tahun 2018 adalah seperti berikut:

Bil.	Tajuk Aktiviti Pengauditan	Bil. Laporan Dikeluarkan	Jenis Pengauditan
1.	Laporan Pengauditan Pengurusan Kewangan Di Jabatan Dan Unit, Majlis Bandaraya Petaling Jaya Bagi Tahun 2018.	1	Pengurusan Kewangan
2.	Laporan Pengauditan Pengurusan Kutipan Wang Tunai Di Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada 2018.	1	
3.	Laporan Pengauditan Pengurusan Rumah Rehat MBPJ	1	Audit Prestasi/ICT
4.	Laporan Pengauditan Pemantauan Projek Penyelenggaraan Jejantas Pejalan Kaki.	1	Audit Projek
5.	Laporan Pengauditan Pemantauan Projek ASTAKA.	1	
6.	Laporan Pemeriksaan Pengurusan Tuntutan Kerja Lebih Masa Dan E-Kedatangan.	1	Penampilan Audit
7.	Laporan Pemeriksaan Wang Cagaran.	1	
8.	Laporan Pemeriksaan Mengejut Ke Atas Panjar Wang Runcit, Kutipan Tunai, Bilik Kebal, Mesin Franking, Kad Touch N Go Dan Pemeriksaan Minyak Diesel Di Jabatan/ Bahagian/ Unit.	2	Pemeriksaan Mengejut
9.	Audit Kualiti Dalaman MS ISO	1	Audit Kualiti Dalaman
10.	Audit Dalaman EKSA	1	
11.	Audit ISMS	1	
12.	Laporan Siasatan Di Bawah Arahan Perbendaharaan (AP 59) Majlis Bandaraya Petaling Jaya Bagi Tahun 2018	6	Pengauditan/Kajian Khas
13.	Laporan Audit Susulan Pemantauan Projek Pembangunan PJ City Innovation & Services Center.	1	Audit Susulan
14.	Laporan Audit Susulan Pengurusan Menaik Taraf Kawasan Lapang.	1	
15.	Laporan Audit Susulan Perolehan Bekalan Ubat-ubatan.	1	
16.	Laporan Audit Susulan Siasatan Terhadap Permohonan Tindakan Campur Tangan Dan Disiplin Terhadap Syarikat GTS Contractor Sdn Bhd Kerana Gagal Menyempurnakan Kerja-kerja Senarai Kecacatan Jalan Harapan Bawah Majlis Bandaraya Petaling Jaya	1	
17.	Laporan Audit Susulan Pemasangan Dan Pemantauan Alat Pengesan Kenderaan GPS	1	

Pencapaian dan Penambahbaikan Yang Telah Dibuat Hasil dari Syor Unit Audit Dalam dan Integriti

Bil	Tajuk Pengauditan	Pencapaian/ Penambaikan Yang Telah Dibuat
1.	Pengauditan Elaun Lebih Masa	Majlis telah menambah baik pekeliling Majlis Bil. 1 Tahun 2004 – Tuntutan Elaun Kerja Lebih Masa.
2.	Pengauditan Projek-projek Yang Dijalankan Di Jabatan Kejuruteraan	Pihak Audit telah memastikan pihak kontraktor telah membuat tindakan pembaikan ke atas kecacatan projek yang dikenal pasti bagi Projek ASTAKA dan di Projek Jalan Harapan. Penubuhan Jawatankuasa *"Taskforce"* bagi menyelaras hal-hal berkaitan Jejantas di bawah seliaan Majlis.
3.	Pengendalian Wang Cagaran	Pengemaskian data Wang Cagaran dan pelancaran Sistem E-Cagaran selaras dengan Akta Wang Tidak Dituntut. Mengadakan Program Tuntutan Wang Cagaran yang diadakan pada 9 – 10 Oktober 2019.
4.	Pengauditan Komplek Kolam Renang Kelana Jaya	Menambah baik kadar kemasukan bayaran masuk ke Kompleks Kolam Renang, Kelana Jaya. Menambah baik syarat-syarat yang dikenakan kepada Kelab Renang *(Private Coaching)* serta caj bayaran kepada semua ahli kelab renang.
5.	Pemeriksaan Kutipan Wang Tunai	Menambah baik pengurusan Kutipan Wang Tunai di Majlis dengan menguatkuasakan penyimpanan Kutipan Wang Tunai di peti *"Night Safe"*.

Ahli Mesyuarat Jawankuasa Audit dan Pengurusan Korporat (JKAPK) 2018-2020

PENGERUSI

Encik Thayalan A/L Krishnasamy

AHLI MESYUARAT

Encik Anwar Bin Nekhan

AHLI MESYUARAT

Encik Terence Tan Teck Seng

AHLI MESYUARAT

Cik Quratulain Atiqah Binti Norzahirul Anuar

AHLI MESYUARAT

Puan Nurainie Haziqah Binti Shafi'i

Antara bidang tugas dan fungsi Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat (JKAPK) adalah:

- Mengkaji keberkesanan dan kemampuan piawaian sistem kawalan dalaman Majlis.
- Menilai laporan audit untuk mencadangkan penambahbaikan dan tindakan susulan pihak pengurusan.
- Melaporkan kepada Pihak Pengurusan mengenai kakitangan atau pihak-pihak berkaitan yang didapati melakukan penyelewengan untuk tindakan selanjutnya oleh pihak pengurusan.

Sepanjang tahun 2018 sebanyak 5 kali Mesyuarat JKAPK telah dijalankan. Kekerapan Mesyuarat JKAPK adalah seperti berikut:

Bil.	Bilangan Mesyuarat	Tarikh Mesyuarat
1.	Bilangan 1/2018 (Penggal 2016/2017)	18 Januari 2018
2.	Bilangan 2/2018 (Penggal 2016/2017)	15 Februari 2018
3.	Bilangan 3/2018 (Penggal 2016/2017)	19 April 2018
4.	Bilangan 1/2018 (Penggal 2018/2020)	24 Ogos 2018
5.	Bilangan 2/2018 (Penggal 2018/2020)	18 Oktober 2018

Aktiviti / Program Integriti dan Pengurusan Aduan Integriti

Antara aktiviti Unit Integriti yang telah dilaksanakan pada tahun 2018 mengikut Rancangan Tahunan adalah seperti di bawah:

Bil.	Aktiviti	Dimensi
1.	Pengesanan & Pengesahan Aduan	19
2.	Poster Jom Hebah Integriti	6
3.	Program Kesedaran Integriti	6
4.	Mesyuarat JITU	1
	Jumlah	**32**

Pecahan Pelaksanaan Aktiviti



Seiring dengan penubuhan Unit Integriti, beberapa aktiviti/program kesedaran integriti telah dijalankan sepanjang tahun 2018. Selain itu, Unit Integriti juga telah menerima sejumlah 19 aduan berkaitan salah laku serta pelanggaran tatakelakuan kakitangan Majlis dan seterusnya menyediakan laporan pengesanan dan pengesahan terhadap aduan-aduan tersebut.

Antara aktiviti pengukuhan Unit Integriti tahun 2018 adalah:-

1. Poster Hebahan "Jom Hebah Integriti"

1. Seminar Tatacara Perolehan Kerajaan Bersama Jabatan Audit Negara dan SPRM

2. Program 'Tea Talk' Bersukan Cegah Rasuah Dan Tingkatkan Integriti MBPJ Bersama SPRM Selangor
   Tarikh : 27&28 November 2018
   Lokasi : Hotel Sheraton, Petaling Jaya

1. Program Bengkel Kesedaran Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN)
   Tarikh : 10 – 11 April 2018
   Lokasi : Hotel Sheraton, Petaling Jaya

2. Program Ihya Ramadhan "Rasulullah SAW Model Kepimpinan Berintegriti"
   Tarikh : 23 Mei 2018
   Lokasi : Dewan Auditorium, MBPJ

Mesyuarat JITU

Bil.	Tarikh	Perkara Dibincang
1.	Mac 2018	• Cadangan Penubuhan Pasukan Audit Nilai Di Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ). • Pembentangan Laporan Dashboard Jabatan Audit Negara (JAN). • Penerimaan Sumbangan Pihak Luar Kepada Kelab/ Jabatan Majlis. • Isu Kehilangan Kenderaan Majlis. • Pembentangan Laporan Penilaian Keberkesanan Program Tahun 2017. • Isu Pertindihan Latihan/ Kursus.

Pada 8 Jun 2018, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) Siri 70 Bil. 1 Tahun 2018 telah bersetuju supaya Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) di pinda kepada Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR). Selari dengan pemakluman tersebut, pihak Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah (GIACC) telah memaklumkan melalui surat dan mengesahkan Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan/Agensi Negeri TIDAK PERLU melaksanakan Mesyuarat JITU di peringkat berkenaan.

UNIT PUSAT SETEMPA

AT (OSC)

UNIT
PUSAT SETEMPAT (OSC)

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 Mac 2007 telah bersetuju supaya penubuhan Pusat Setempat (OSC) di PBT adalah merupakan salah satu daripada inisiatif yang telah diputuskan di dalam Persidangan Mempertingkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan yang dilancarkan oleh Y.A.B Perdana Menteri pada 13 April 2007. Unit Pusat Setempat (OSC) Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah ditubuhkan pada 12 Jun 2007.

Dengan penubuhan Unit Pusat Setempat ini, norma masa memproses permohonan dapat dipendekkan. Selain itu, kes-kes pertindihan ulasan teknikal semasa memproses permohonan kebenaran merancang, permohonan pelan bangunan, permohonan pelan kejuruteraan, permohonan pelan landskap serta permohonan untuk mendapatkan kelulusan pembangunan tanah dapat dielakkan.

Visi

"OSC MBPJ PENERAJU GERBANG PEMBANGUNAN"

Misi

"MESRA, EFISIEN DAN BERINTEGRITI"

Matlamat

Matlamat Pusat Setempat ini adalah untuk mengurangkan karenah birokrasi di dalam prosedur dan proses cadangan pemajuan sekali gus meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Objektif

i. Menyelaras dan memudah cara proses kelulusan permohonan pembangunan tanah, Permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan, Pelan Kerja Tanah, Pelan Jalan Dan Perparitan dan pelan-pelan lain berkaitan cadangan pemajuan;

ii. Memendekkan norma masa dan mempercepatkan proses permohonan cadangan pemajuan di dalam tempoh piagam yang telah ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu;

   a. 57 hari bagi permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Landskap, Pelan Kerja Tanah, Pelan Jalan dan Perparitan dan Pelan Lampu Jalan.

   b. 37 hari bagi permohonan Pelan Bangunan.

   c. 69 hari bagi permohonan Permit Sementara Bangunan dan Permit Pembinaan Kecil.

iii. Menyeragamkan prosedur dan proses cadangan pemajuan dengan mengambil kira peruntukan-peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 (KTN 56), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan lain-lain akta yang berkaitan.

Fungsi dan Peranan

i. Menerima dan menyemak permohonan pelan pemajuan secara serentak dan berasingan.

ii. Mengedar permohonan cadangan pemajuan kepada Jabatan Teknikal Dalaman dan Agensi Tenikal Luaran melalui sistem OSC Online untuk diproses seterusnya memberikan ulasan/sokongan terhadap permohonan.

iii. Memantau bagi memastikan Jabatan-Jabatan Teknikal terlibat mengemukakan ulasan/sokongan bagi setiap permohonan yang diedarkan.

iv. Memastikan semua permohonan yang dikemukakan di Pusat Setempat (OSC) dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat berdasarkan tempoh piagam yang telah ditetapkan.

v. Menjadi urusetia mesyuarat dan memastikan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat diadakan sekurang-kurangnya dua (2) kali sebulan.

vi. Menyelaras dan menyediakan Laporan Pemantauan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat kepada ahli jawatankuasa tetap.

vii. Memaklumkan kepada perunding, pemaju, pemilik tanah serta jabatan dan agensi teknikal yang terlibat berkaitan keputusan mesyuarat bagi setiap permohonan yang dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat.

Ahli Jawatankuasa Pusat Setempat

1. Pengerusi: YBhg. Datuk Bandar.
2. Timbalan Pengerusi: Timbalan Datuk Bandar.
3. Empat (4) orang Ahli Majlis.
4. Setiausaha: Pengarah Unit Pusat Setempat.
5. Pengarah Jabatan PLANMalaysia @ Selangor (JPBD).
6. Pengarah Pejabat Daerah / Tanah Petaling (PTD).
7. Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS).
8. Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Selangor (JMG).
9. Pengarah Jabatan Kerja Raya Daerah Petaling (JKR).
10. Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (JPS).
11. Pengarah Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM).
12. Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).
13. Pengarah Pengurusan Air Selangor.
14. Pengarah Indah Water Konsortium Berhad (IWK).
15. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).
16. Pengarah Tenaga Nasional Berhad (TNB).
17. Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).
18. Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ.
19. Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan MBPJ.
20. Pengarah Jabatan Landskap MBPJ.
21. Pengarah Jabatan Kejuruteraan MBPJ.
22. Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran MBPJ.
23. Pengarah Jabatan Penguatkuasaan MBPJ.
24. Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MBPJ.
25. Pengarah Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta MBPJ.
26. Pengarah Jabatan Perbendaharaan MBPJ.
27. Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan MBPJ.
28. Pengarah Jabatan Perlesenan MBPJ.
29. Pengarah Unit Perundangan MBPJ.
30. Pengarah Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) MBPJ.
31. Pengarah Unit Teknologi Maklumat (IT) MBPJ.
32. Pengarah Unit Komunikasi Korporat MBPJ.

Mesyuarat Jawatankuasa

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat

Dalam tahun 2018, Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat telah bersidang sebanyak 21 kali. Unit Pusat Setempat juga telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 16 Tahun 2018 di luar Majlis yang bertempat di Dewan Permata, tingkat B2, Hotel Puteri Pacific, Johor Bharu, Johor Darul Takzim, pada 27 September 2018.

Tujuan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) diadakan bagi memberi keputusan pelan-pelan pembangunan yang dikemukakan kepada Majlis dan membincangkan isu-isu berkaitan pelan pembangunan (Rujuk Jadual 1).

Bil.	Tarikh Mesyuarat	Kertas Kerja Mesyuarat Mengikut Kategori Permohonan							Jumlah
		Kebenaran Merancang	Pelan Landskap	Pelan Kerja Tanah	Pelan Jalan Perparitan	Pelan Bangunan	Pelan Lampu Jalan	Pelan Lampu Isyarat	
1.	9.1.2018	9	2	0	2	4	4	1	22
2.	19.1.2018	6	3	1	3	1	1	0	15
3.	9.2.2018	2	3	2	2	3	3	1	16
4.	19.2.2018	1	0	1	3	2	1	0	8
5.	7.3.2018	2	0	5	1	1	0	0	9
6	20.3.2018	6	2	3	8	2	2	1	24
7.	6.4.2018	4	2	1	8	5	2	1	23
8.	16.4.2018	9	3	3	2	1	0	0	18
9.	21.5.2018	8	0	1	3	2	2	1	17
10.	31.5.2018	11	3	1	5	2	1	0	23
11.	11.6.2018	12	3	5	3	1	0	0	24
12.	28.6.2018	4	1	0	0	2	0	0	7
13.	3.8.2018	13	4	8	10	3	0	2	40
14.	16.8.2018	9	5	2	0	2	2	1	21
15.	12.9.2018	9	3	8	14	2	0	1	37
16.	27.9.2018	7	3	4	7	1	2	0	24
17.	22.10.2018	6	0	5	7	1	0	0	19
18.	12.11.2018								
19.	21.11.2018								
20.									
21.									
Jumlah		**118**	**37**	**50**	**78**	**35**	**20**	**9**	**347**

Jadual 1: Jumlah Kertas Kerja Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat bagi Tahun 2018

Pencapaian Pemantauan Kelulusan Pelan Pembangunan

Stastistik Jumlah Permohonan

Merujuk kepada rajah 1, jumlah permohonan bagi tahun 2018 meningkat sedikit berbanding dengan jumlah permohonan yang diterima pada tahun 2017 iaitu sebanyak 1,334 permohonan. Faktor peningkatan jumlah permohonan ini adalah disebabkan oleh peningkatan Permohonan Pelan Bangunan di bawah kategori B2 (Permit Pembinaan Kecil) dan B3 (Permit Sementara Bangunan).



Rajah 1 : Statistik jumlah permohonan yang diterima dari tahun 2010 sehingga 16 Oktober 2018

Sebanyak 1,203 permohonan meliputi Permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Kejuruteraan, Pelan Bangunan, Pelan Landskap dan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) telah diterima oleh Unit Pusat Setempat dari 1 Januari 2018 hingga 16 Oktober 2018 (Rujuk Rajah 2, Rajah 3 dan Jadual 2).



Rajah 2: Permohonan Setiap Bulan Bermula 1 Januari Hingga 16 Oktober 2018



Rajah 3 : Jumlah Permohonan Mengikut Jenis Permohonan Sepanjang Tahun 2017

Jenis Permohonan	Bilangan Permohonan												Jumlah Kecil
	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	
i. Permohonan Secara Berasingan													
ii. Kebenaran Merancang (KM)	2	4	6	7	11	6	5	7	6	3	-	-	57
iii. Pelan Landskap (PL)	-	-	-	-	-	1	-	-	-	1	-	-	2
iv. Pelan Kerja Tanah (KT)	2	6	4	3	4	3	6	6	5	2	-	-	41
v. Pelan Jalan dan Perparitan (J&P)	6	3	11	6	3	1	7	10	8	2	-	-	57
vi. Pelan Lampu Jalan (LJ)	2	2	2	3	1	-	1	-	1	-	-	-	12
vii. Pelan Lampu Isyarat (LI)	-	-	2	1	-	-	3	1	-	-	-	-	7
viii. Pelan Bangunan (PB)	5	2	7	5	2	3	7	4	3	5	-	-	43
ix. Pelan Telco (T)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
x. Permit Pembinaan Kecil (B2)	55	41	71	81	69	60	78	56	54	33	-	-	598
xi. Permit Sementara Bangunan (B3)	35	55	28	24	8	16	10	18	11	3	-	-	208
xii. Sijil Perakuan Siap & Pematuhan (CCC)	13	13	10	4	17	4	12	11	10	2	-	-	96
Jumlah Kecil	120	126	141	134	115	94	129	113	98	51	-	-	1121
Permohonan Secara Serentak													
i. Kebenaran Merancang + Pelan Lanskap (*KM+PL) Perihal Tanah (Pecah Sempadan & Ubah Syarat)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
ii. Kebenaran Merancang + Pelan Landskap (*KM+PL) Perihal Tanah (Penyerahan Balik & Pemberimilikan Semula)	-	-	-	-	1	-	-	-	1	-	-	-	6
iii. Kebenaran Merancang + Pelan Landskap (*KM+PL)**	1	4	4	2	3	6	2	4	2	-	-	-	56
iv. Pelan Kerja Tanah + Pelan Jalan & Perparitan (*KT+J&P)	-	-	1	-	-	1	2	3	-	-	-	-	14
v. Pelan Lampu Jalan + Pelan Jalan & Perparitan (*LJ+J&P)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
vi. Pelan Kerja Tanah + Pelan Jalan & Perparitan + Pelan Bangunan (*KT + JP + PB) *GLOMAC, FDM	-	-	1	-	-	-	-	1	-	-	-	-	6
vii. Pelan Lampu Jalan + Pelan Lampu Isyarat (*LJ+LI)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah Kecil (Bilangan Permohonan x *Jumlah Permohonan Secara Serentak)													**82**
												Jumlah Keseluruhan	**1,203**

***Kebenaran Merancang & Pelan Landskap diterima serentak secara pentadbiran di MBPJ.*

Jadual 2 : Jumlah Permohonan Keseluruhan Terperinci Dari 1 Januari Hingga 31 Disember 2018

Status Permohonan Pelan Pembangunan Mulai 1 Januari 2018 Sehingga 31 Disember 2018

Daripada 1,203 permohonan yang diterima, hanya terdapat 1,107 permohonan pelan pembangunan seperti permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Kejuruteraan, Pelan Bangunan dan Pelan Landskap. Bagaimanapun 5 permohonan yang telah ditarik balik oleh pemohon menjadikan jumlah bersih ialah 1102. Manakala 96 permohonan lagi merupakan Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) yang diterima daripada pemohon untuk direkodkan terima oleh OSC dari 1 Januari 2018 Sehingga 16 Oktober 2018 (Rujuk Jadual 3).

Jadual 3: Bilangan Permohonan Pelan Pembangunan Yang Telah Dibawa Ke Mesyuarat Jawatankuasa OSC

Bil.	Status Permohonan	Dalam Tempoh	Lebih Tempoh	Jumlah	Peratus (%)
1.	Permohonan Diberi Keputusan				
	Keputusan : Lulus	1027	9	1036	93.6%
	Keputusan : Tolak	1	-	1	0.1%
2.	Permohonan Dalam Proses				
	Keputusan : Tangguh	-	-	-	-
	Proses	65	-	65	5.9%
3.	Untuk Perbincangan J/K OSC Bil. 5 Tahun 2018 (Penggal 2018/2020)			-	-
4.	Permohonan Ditarik Balik			5	0.5%
			Jumlah Keseluruhan	**1,107**	**100%**

Jadual 4 Status Permohonan Pelan Pembangunan Diberi Keputusan Mematuhi Tempoh Proses Piagam Mengikut Jenis Bagi Permohonan Tahun 2018

Bil.	Status Permohonan	Telah Diberi Keputusan		Dalam Proses		Permohonan Selesai	Jumlah Permohonan Diterima Oleh OSC	Tarik Balik	Jumlah Permohonan Diterima Oleh OSC (Bersih)
		Patuh Piagam	Tidak Patuh Piagam	Dalam Tempoh Proses	Lebih Tempoh Proses				
1	JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN (57 hari) Permohonan Kebenaran Merancang	84	2	2	-	86	88	1	87
2	JABATAN KEJURUTERAAN (57 hari)								
	Pelan Kerja Tanah	48	-	2	-	48	50	-	50
	Pelan Jalan & Perparitan	64	-	2	-	64	66	1	65
	Pelan Lampu Jalan	12	-	-	-	12	12	-	12
	Pelan Lampu Isyarat	7	-	-	-	7	7	-	7
	Jumlah	**131**	**-**	**4**	**-**	**131**	**135**	**1**	**134**
3	JABATAN KAWALAN BANGUNAN								
	Pelan Bangunan (B1 - 37 hari)	38	1	6	-	39	45	2	43
	Pelan Telco (69 hari)	-	-	-	-	-	-	-	-
	Permit Pembinaan Kecil (B2)	558	-	40	-	558	598	-	598
	Permit Sementara Bangunan (B3)	190	6	12	-	196	208	1	207
	Jumlah	786	7	58	-	793	851	3	848
4	JABATAN LANDSKAP DAN KEHIJAUAN BANDAR (57 hari) Pelan Landskap	32	-	1	-	32	33	-	33
	Jumlah Keseluruhan	**1,033**	**9**	**65**	**-**	**1,042**	**1,107**	**5**	**1,102**

Kebenaran Merancang

Permohonan Kebenaran Merancang Yang Diterima Dari 1 Januari 2018 Sehingga 16 Oktober 2018. Unit OSC telah menerima 88 Permohonan Kebenaran Merancang dari 1 Januari 2018 Sehingga 16 Okt. 2018, 1 permohonan telah ditarikbalik oleh pemohon menjadikan jumlah bersih ialah 87. Daripada jumlah tersebut, 85 permohonan telah diberi keputusan oleh Jawatankuasa OSC dan 2 permohonan masih dalam proses. (Rujuk Jadual 5: Status Permohonan Kebenaran Merancang dan Jadual 6: Status Permohonan Kebenaran Merancang mengikut bulan).

Jadual 5: Status Permohonan Kebenaran Merancang Yang Telah Dibawa Ke Mesyuarat Jawatankuasa OSC

Bil.	Status Permohonan	Dalam Tempoh	Lebih Tempoh	Jumlah	Peratus (%)
1.	Permohonan Diberi Keputusan				
	Keputusan : Lulus	82	2	84	95.4%
	Keputusan : Tolak	1	-	1	1.2%
2.	Permohonan Dalam Proses				
	Keputusan : Tangguh	-	-	-	-
	Proses	2	-	2	2.3%
3.	Untuk Perbincangan J/K OSC Bil. 5 Tahun 2018 (Penggal 2018/2020)			-	-
4.	Permohonan Ditarik Balik			1	1.1%
			Jumlah Keseluruhan	**88**	**100%**

Jadual 6 : Status Permohonan Kebenaran Merancang Yang Diterima Dari 1 Januari 2018 Sehingga 16 Oktober 2018

Bulan	Bilangan Permohonan	Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC				Dalam Proses				Untuk Perbincangan J/K OSC	Ditarik Balik / Batal	Jumlah Bersih
		Lulus		Tolak		Tangguh		Dalam Tempoh	Luar Tempoh			
		DT	LT	DT	LT	DT	LT					
Januari	4	4	-	-	-	-	-	-	-	-	-	4
Februari	8	6	1	-	-	-	-	-	-	-	1	7
Mac	10	9	1	-	-	-	-	-	-	-	-	10
April	9	9	-	-	-	-	-	-	-	-	-	9
Mei	15	15	-	-	-	-	-	-	-	-	-	15
Jun	12	11	-	1	-	-	-	-	-	-	-	12
Julai	7	7	-	-	-	-	-	-	-	-	-	7
Ogos	11	11	-	-	-	-	-	-	-	-	-	11
September	9	9	-	-	-	-	-	-	-	-	-	9
Oktober	3	1	-	-	-	-	-	2	-	-	-	3
November	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Disember	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah	88	82	2	1	-	-	-	2	-	-	1	87
Peratus (%)	100%	93.1%	2.3%	1.2%	-	-	-	2.3%	-	-	1.1%	
		84 (95.4%)		1 (1.2%)		-						

DT = Dalam Tempoh

LT = Luar Tempoh

Sumber: Unit Pusat Setempat (OSC) 1 Januari 2018 – 16 Okt. 2018.

Pelan-Pelan Kejuruteraan

Sebanyak 135 Permohonan Kelulusan Pelan Kejuruteraan yang diterima dari 1 Januari 2018 Hingga 16 Oktober 2018. Permohonan-permohonan tersebut meliputi Permohonan Kelulusan Pelan Jalan & Perparitan, Permohonan Pelan Kerja Tanah, Pelan Lampu Jalan Dan Pelan Lampu Isyarat. 1 permohonan telah ditarik balik oleh pemohon menjadikan jumlah bersih ialah 134. Daripada jumlah tersebut 130 permohonan telah diberi keputusan oleh Jawatankuasa OSC dan 4 permohonan lagi masih diproses. (Rujuk Jadual 7 : Status Permohonan Pelan Kejuruteraan dan Jadual 8: Status Permohonan Pelan Kejuruteraan mengikut bulan).

Jadual 7: Status Permohonan Pelan Kejuruteraan Yang Telah Dibawa Ke Mesyuarat Jawatankuasa OSC

Bil.	Status Permohonan	Dalam Tempoh	Lebih Tempoh	Jumlah	Peratus (%)
1.	Permohonan Diberi Keputusan				
	Keputusan : Lulus	130	-	130	96.3%
	Keputusan : Tolak	-	-	-	-
2.	Permohonan Dalam Proses				
	Keputusan : Tangguh	-	-	-	-
	Proses	4	-	4	3%
3.	Untuk Perbincangan J/K OSC Bil. 5 Tahun 2018 (Penggal 2018/2020)			-	-
4.	Permohonan Ditarik Balik			1	0.7%
			Jumlah Keseluruhan	**135**	**100%**

Jadual 8: Status Permohonan Pelan Kejuruteraan Yang Diterima Dari 1 Januari 2018 Sehingga 16 Oktober 2018

Bulan	Bilangan Permohonan	Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC				Dalam Proses				Untuk Perbincangan J/K OSC	Ditarik Balik / Batal	Jumlah Bersih
		Lulus		Tolak		Tangguh		Dalam Tempoh	Luar Tempoh			
		DT	LT	DT	LT	DT	LT					
Januari	10	10	-	-	-	-	-	-	-	-	-	10
Februari	11	11	-	-	-	-	-	-	-	-	-	11
Mac	23	23	-	-	-	-	-	-	-	-	-	23
April	13	12	-	-	-	-	-	-	-	-	1	12
Mei	8	8	-	-	-	-	-	-	-	-	-	8
Jun	6	6	-	-	-	-	-	-	-	-	-	6
Julai	21	21	-	-	-	-	-	-	-	-	-	21
Ogos	25	25	-	-	-	-	-	-	-	-	-	25
September	14	14	-	-	-	-	-	-	-	-	-	14
Oktober	4	-	-	-	-	-	-	4	-	-	-	4
November	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Disember	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah	**135**	**130**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**4**	**-**	**-**	**1**	**134**
Peratus (%)	100%	96.3%	-	-	-	-	-	3%	-	-	0.7%	
		130 (96.3%)		-		-						

DT = Dalam Tempoh

LT = Luar Tempoh

Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan Dan Pelan Telco

Sebanyak 851 Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan yang diterima dari bulan 1 Januari 2018 Hingga 16 Okt. 2018. 3 permohonan telah ditarik balik oleh pemohon menjadikan jumlah bersih ialah 848. Daripada jumlah tersebut, 790 permohonan telah diberi keputusan dan 58 permohonan masih dalam proses. (Rujuk Jadual 9: Status Permohonan Pelan Bangunan dan Jadual 10: Status Permohonan Pelan Bangunan mengikut bulan).

Jadual 9 : Status Permohonan Pelan Bangunan Dan Pelan Telco Yang Telah Dibawa Ke Mesyuarat Jawatankuasa OSC

Bil.	Status Permohonan	Dalam Tempoh	Lebih Tempoh	Jumlah	Peratus (%)
1.	Permohonan Diberi Keputusan				
	Keputusan : Lulus	884	24	908	93.5%
	Keputusan : Tolak	-	1	1	0.1%
2.	Permohonan Dalam Proses				
	Keputusan : Tangguh	-	-	-	-
	Proses	36	2	38	3.9%
3.	Untuk Perbincangan J/K OSC Bil. 1/2018			4	0.4%
4.	Permohonan Ditarik Balik			20	2.1%
			Jumlah Keseluruhan	**971**	**100%**

Jadual 10: Status Permohonan Pelan Bangunan Dan Pelan Telco Yang Diterima Dari 1 Januari 2018 Sehingga 16 Oktober 2018

Bulan	Bilangan Permohonan	Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC				Dalam Proses				Untuk Perbincangan J/K OSC	Ditarik Balik / Batal	Jumlah Bersih
		Lulus		Tolak		Tangguh		Dalam Tempoh	Luar Tempoh			
		DT	LT	DT	LT	DT	LT					
Januari	95	91	4	-	-	-	-	-	-	-	-	95
Februari	98	97	1	-	-	-	-	-	-	-	-	98
Mac	107	106	1	-	-	-	-	-	-	-	-	107
April	110	109	-	-	-	-	-	-	-	-	1	109
Mei	79	78	1	-	-	-	-	-	-	-	-	79
Jun	79	79	-	-	-	-	-	-	-	-	-	79
Julai	95	94	-	-	-	-	-	-	-	-	1	94
Ogos	79	74	-	-	-	-	-	4	-	-	1	78
September	68	55	-	-	-	-	-	13	-	-	-	68
Oktober	41	-	-	-	-	-	-	41	-	-	-	41
November	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Disember	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah	**851**	**783**	**7**	**-**	**-**	**-**	**-**	**58**	**-**	**-**	**3**	**848**
Peratus (%)	100%	92%	0.8%	-	-	-	-	6.8%	-	-	0.4%	
		790 (92.8%)		-		-						

DT = Dalam Tempoh
LT = Luar Tempoh

Permohonan Kelulusan Pelan Landskap

Sebanyak 33 Permohonan Kelulusan Pelan Landskap yang diterima dari 1 Januari 2018 Hingga 16 Oktober 2018. TIADA permohonan telah ditarik balik oleh pemohon menjadikan jumlah bersih ialah 33. Daripada jumlah tersebut, 32 permohonan telah diberi keputusan oleh Mesyuarat Jawatankuasa OSC dan 1 permohonan lagi masih diproses. (Rujuk Jadual 11: Status Permohonan Pelan Landskap dan Jadual 12: Status Permohonan Pelan Landskap mengikut bulan).

Jadual 11: Status Permohonan Pelan Landskap Yang Telah Dibawa Ke Mesyuarat Jawatankuasa OSC

Bil.	Status Permohonan	Dalam Tempoh	Lebih Tempoh	Jumlah	Peratus (%)
1.	Permohonan Diberi Keputusan				
	Keputusan : Lulus	32	-	32	97%
	Keputusan : Tolak	-	-	-	-
2.	Permohonan Dalam Proses				
	Keputusan : Tangguh	-	-	-	-
	Proses	1	-	1	3%
3.	Untuk Perbincangan J/K OSC Bil. 5 Tahun 2018 (Penggal 2018/2020)			-	-
4.	Permohonan Ditarik Balik			-	-
			Jumlah Keseluruhan	**33**	**100%**

Jadual 12 : Status Permohonan Kelulusan Pelan Landskap Yang Diterima Dari 1 Januari 2018 Sehingga 16 Oktober 2018

Bulan	Bilangan Permohonan	Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC				Dalam Proses				Untuk Perbincangan J/K OSC	Ditarik Balik / Batal	Jumlah Bersih
		Lulus		Tolak		Tangguh		Dalam Tempoh	Luar Tempoh			
		DT	LT	DT	LT	DT	LT					
Januari	2	2	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2
Februari	4	4	-	-	-	-	-	-	-	-	-	4
Mac	4	4	-	-	-	-	-	-	-	-	-	4
April	2	2	-	-	-	-	-	-	-	-		2
Mei	4	4	-	-	-	-	-	-	-	-	-	4
Jun	7	7	-	-	-	-	-	-	-	-	-	7
Julai	2	2	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2
Ogos	4	4	-	-	-	-	-	-	-	-	-	4
September	3	3	-	-	-	-	-	-	-	-	-	3
Oktober	1	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	1
November	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Disember	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah	33	32	-	-	-	-	-	1	-	-	-	33
Peratus (%)	100%	97%	-	-	-	-	-	3%	-	-	-	
		32 (97%)		-		-						

DT = Dalam Tempoh
LT = Luar Tempoh

Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) Yang Diterima Dari 1 Januari 2018 Hingga 16 Okt. 2018. Sebanyak 96 permohonan Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) yang diterima dari 1 Januari 2018 Hingga 16 Okt. 2018. (Rujuk Jadual 13 dan Rajah 4).

Jadual 13 : Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) Yang Diterima Dari 1 Januari 2018 Sehingga 16 Oktober 2018

Bulan	Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) Yang Telah Di Daftar Di OSC
Januari	13
Februari	13
Mac	10
April	4
Mei	17
Jun	4
Julai	12
Ogos	11
September	10
Oktober	2
November	-
Disember	-
Jumlah	96



Rajah 4 : Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) Tahun 2018

Status Permohonan Pelan Pembangunan Berdasarkan Portal OSC
1 Januari 2018 Sehingga 16 Oktober 2018.



TAHUN 2018		
JENIS PERMOHONAN		**BIL. MOHON**
Permohonan Serentak	Merangkumi permohonan: a) Perihal Tanah + Kebenaran Merancang	4
	b) Pelan Kerja Tanah + Pelan Jalan & Perparitan	-
	c) Pelan Kerja Tanah + Pelan Jalan & Perparitan + Pelan Bangunan	6
	d) Pelan Jalan & Perparitan + Pelan Bangunan	-
	Jumlah	**10**
Kebenaran Merancang	Merangkumi permohonan: a) Kebenaran merancang	84
	b) Pelan Landskap	33
	Jumlah	**117**
Pelan Kejuruteraan	Merangkumi permohonan: a) Pelan Kerja Tanah	48
	b) Pelan Jalan dan Perparitan	64
	c) Pelan Lampu Jalan	12
	d) Pelan Lampu Isyarat	7
	Jumlah	**131**
Pelan Bangunan	Merangkumi Permohonan: a) Pelan Bangunan (B1)	43
	b) Permit Pembinaan Kecil (B2)	598
	c) Permit Sementara Bangunan (B3)	208
	d) Telco	-
	Jumlah	**849**
	Jumlah Keseluruhan	**1107**

Jadual 14 : Status Permohonan Pelan Pembangunan Berdasarkan Portal OSC dari 1 Januari 2018 Sehingga 16 Oktober 2018

Permohonan Mengikut Proses OSC 3.0



Rajah 5 : Jumlah Permohonan Mengikut Proses OSC 3.0 bermula pada Tahun 2015 sehingga Tahun 2018

Analisis Permohonan Pelan Pembangunan

Daripada 1203 permohonan yang diterima, 1107 permohonan pelan pembangunan merangkumi permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Kejuruteraan, Pelan Bangunan dan Pelan Landskap. Bagaimanapun 5 permohonan yang telah ditarikbalik oleh pemohon menjadikan jumlah bersih permohonan ialah 1102. Manakala 96 permohonan lagi merupakan Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) yang diterima daripada pemohon untuk direkodkan terima oleh OSC dari 1 Januari 2018 Sehingga 16 Oktober 2018.



Rajah 6: Statistik pencapaian permohonan yang diselesaikan di dalam tempoh piagam dari tahun 2013 – 31 Disember 2018

Jumlah Permohonan Yang Telah Diberi Keputusan Lulus, Tolak dan Tangguh

Keputusan Jawatankuasa OSC			Dalam Proses	
Lulus	Tolak	Tangguh	Tidak Lewat	Telah Lewat
1036	1	-	65	-
94%	0.1%	-	5.9%	-
1037 (94.1%)			65 (5.9%)	
		Jumlah Keseluruhan		1102 (100%)

Jadual 15 : Bilangan Permohonan Pelan Pembangunan Yang Telah Diberikan Keputusan



Rajah 7: Pecahan Peratusan Status Permohonan Pelan Pembangunan.

Pelaksanaan Pengemukaan Proses 3: Notifikasi Borang B Dan Proses 6: Perakuan Siap & Pematuhan CCC Secara OSC Online

Majlis Bandaraya Petaling Jaya khasnya Unit Pusat Setempat telah melaksanakan OSC Online secara *full cycle* bagi Proses 2 di mana permohonan pelan pemajuan dikemukakan secara *online* dan surat pemakluman keputusan mesyuarat juga telah dikeluarkan secara *online* kepada PSP (Profesional Submiting Person) dan pemilik perojek bermula Januari 2017. Transformasi seterusnya ialah pelaksanaan pengemukaan permohonan Proses 3: Notifikasi Mula Kerja (Borang B) dan Proses 6: Perakuan Siap & Pematuhan C.C.C (Certificate of Completion & Compliance secara *Online* bermula Julai 2018.

Program Unit Pusat Setempat

Kursus Pemurnian OSC Jabatan / Agensi Selangor, Anjuran Pusat Latihan Awam Selangor (PLAS), Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Kursus ini telah diadakan di Pusat Latihan Awam Selangor, Morib pada 7 - 9 Ogos 2018. Didalam kursus ini pegawai dari Unit OSC MBPJ telah dijemput bagi memberikan taklimat berkenaan Model Baru OSC 3.0 dan Perlaksanaan OSC Online.

Objektif kursus ini adalah bagi memperkenalkan fungsi baru OSC Selaras dengan pemakaian prosedur OSC 3.0 dan memperkenalkan penambahan skop kerja baru di OSC.

Bengkel Semakan Senarai Semak Permohonan Pelan Pembangunan

Bengkel Semakan Senarai Semak Permohonan Pelan Pembangunan ini telah dijalankan di The Puteri Pacific Hotel, Johor Bahru pada 26 - 28 September 2018. Bengkel ini diadakan bersama Jabatan Teknikal Dalaman dan Agensi Teknikal Luaran yang memproses permohonan pelan pembangunan.

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk menyemak semula dan mengemaskini Borang Senarai Semak Proses 1 hingga Proses 6 bagi memastikan borang senarai semak yang komprehensif untuk rujukan PSP/SP dan agensi berkaitan.

Sesi Perkongsian Ilmu

Lawatan Kerja Oleh Jabatan Bomba Dan Penyelamat Selangor.

Lawatan kerja yang telah diadakan pada 1 Februari 2018 (Khamis) adalah bertujuan bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan permohonan Pelan Bomba.

Lawatan Sambil Belajar Daripada Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

Pada 5 Februari 2018 (Isnin) Unit Pusat Setempat Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menerima kunjungan daripada Unit OSC dan Jabatan Teknikal Majlis Bandaraya Iskandar Puteri. Kunjungan ini bertujuan untuk berkongsi maklumat mengenai OSC Online dan Proses OSC 3.0.

Lawatan Kerja Ke Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

Lawatan kerja ini telah diadakan pada 2 April 2018 (Isnin). Tujuan lawatan kerja ini adalah bagi berkongsi maklumat berkenaan Proses OSC 3.0 dan OSC Online serta membincangkan berkenaan keperluan teknikal serta dokumen sokongan yang diperlukan bagi memproses permohonan pelan pembangunan.

Lawatan Sambil Belajar Daripada Majlis Daerah Hulu Selangor

Pada 12 Julai 2018 (Khamis) Unit Pusat Setempat Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menerima kunjungan daripada Unit OSC Majlis Daerah Hulu Selangor. Kunjungan ini bertujuan untuk berkongsi maklumat mengenai OSC Online dan Proses OSC 3.0.

UNIT
PESURUH
BANGUNA

HJAYA
AN (COB)

UNIT
PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)

Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB)

Pesuruhjaya Bangunan mengambil peranan dengan berkuatkuasanya Akta Pengurusan Strata (Akta 757). Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Bangunan bagi kawasan MBPJ pada Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-57 yang telah diadakan pada 23 Mac 2007. Pada peringkat awal, Urusetia Pesuruhjaya Bangunan telah diwujudkan bagi membantu Datuk Bandar MBPJ menjalankan fungsi dan tugas sebagai Pesuruhjaya Bangunan. Pada 1 Ogos 2008, Unit Pesuruhjaya Bangunan telah menggantikan Urusetia Pesuruhjaya Bangunan dengan wujudnya struktur baru.

Peranan COB

1) Memastikan setiap bangunan berstrata mempunyai pengurusan bangunan.
2) Menguatkuasakan peruntukkan undang-undang Akta Pengurusan Strata (Akta 757).
3) Menyelesaikan pertelingkahan yang wujud mengenai Akaun Penyenggaraan Bangunan dan Akaun Kumpulan Wang Penyenggaraan Bangunan.
4) Memastikan proses peralihan pihak pengurusan bangunan berjalan dengan baik.
5) Mengawalselia kesempurnaan penyenggaraan dan pengurusan bangunan dan harta bersama yang dilaksanakan oleh pemaju, Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan juga Perbadanan Pengurusan (MC).
6) Memberi khidmat nasihat dan menjawab aduan-aduan yang diterima.

Statistik Kawasan Pemajuan Berstrata 2018

Bil	Kategori	Kos Rendah	Kos Sederhana Rendah	Kos Sederhana Tinggi	Kos Tinggi	Jumlah Keseluruhan
JUMLAH SKIM MENGIKUT KATEGORI		184	43	124	489	840
JUMLAH PETAK MENGIKUT KATEGORI		37,648	9,616	23,609	75,996	146,869

Jumlah Penubuhan Pengurusan

1	JMB	86	12	24	131	253
2	MC	32	19	16	249	316
3	BELUM TUBUH	73	5	87	31	196
4	DIKECUALIKAN (< 3 PETAK)	0	0	0	74	74
5	LAIN-LAIN	1	0	0	0	1
	JUMLAH	**192**	**36**	**127**	**485**	**840**
6	LANTIK EJEN	17	0	1	143	161
7	< 10 PETAK	0	0	0	245	245

Program dan Aktiviti Unit COB

Berikut merupakan aktiviti Unit COB sepanjang tahun 2018:-

Bil	Program / Aktiviti	Tarikh	Tempat
1	Operasi Bersepadu Bersama KPKT Dengan COB Berkaitan Aduan Penyelewengan Wang Pampasan DASH oleh Pengerusi JMB di Pejabat Pengurusan Badan Pengurusan Bersama Pangsapuri Dedap 1-5.	24 Januari 2018	Pejabat Pengurusan Pangsapuri Dedap 1-5, Kota Damansara
2	Kursus Induksi Format Kurikulum Pengurusan Bangunan Berstrata "Fokus" Siri 1/2018 Kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB) Dan Perbadanan Pengurusan (MC).	13-15 April 2018	Cheringin Hills, Convention & Spa Resort, Janda Baik, Pahang.
3	Kursus Induksi Format Kurikulum Pengurusan Bangunan Berstrata "Fokus" Siri 2/2018 Kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB) Dan Perbadanan Pengurusan (MC).	19 – 21 Oktober 2018	Hotel Seri Malaysia, Bagan Lalang, Sepang, Selangor.
4	Seminar Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) Bagi Badan Pengurusan Bersama (JMB) Dan Perbadanan Pengurusan (MC) Siri 1/2018	28 Oktober 2018	Dewan Banquet, MBPJ
5	Majlis Apresiasi JMB/MC . Penilaian Kualiti Pengurusan Dan Penyenggaraan Bangunan Berstrata Di Kawasan Pentadbiran MBPJ.	30 November 2018	Dewan Banquet, MBPJ.

Statistik Aduan

Bil	Jenis Aduan	2018	
		Terima	Selesai
1	**Mesyuarat dan Pemilihan** (semua aduan berkaitan mesyuarat yang melibatkan Badan termasuk berkaitan proses penubuhan Badan)	361	361
2	**Pentadbiran dan Pengurusan** (semua aduan berkaitan pentadbiran dan pengurusan Pemaju/Badan/Ejen termasuk tanggungjawab, kerjasama dan pertikaian)	263	263
3	**Penyenggaraan dan Kerosakan** (semua aduan berkaitan penyenggaraan dan kerosakan bangunan dan harta bersama)	504	504
4	**Isu Kewangan** (semua aduan berkaitan kewangan termasuk caj penyenggaraan, akaun penyenggaraan bangunan,kumpulan wang penyenggaraan bangunan dan kumpulan wang penjelas)	435	435
5	**Khidmat Nasihat** (semua khidmat nasihat dan pandangan yang diberi kepada pengadu)	799	799
6	**Penguatkuasaan COB** (semua aduan berkaitan penguatkuasaan COB dan Akta)	1	1
7	**Lain-lain** (aduan cukai tanah, *house rule*, ketirisan air di unit kediaman dan binaan haram di kawasan hakmilik bersama)	1,269	1,269
	Jumlah	**3,632**	**3,632**

PENYATA KEWAN

GAN

PENYATA
KEWANGAN

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2018 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 47.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan pawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Para Ahli Majlis Majlis Bandaraya Petaling Jaya bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diterimakan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Bandaraya Petaling Jaya untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkenaan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang mengandungi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk memberi pengaruh kepada keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Perling Jaya, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada *fraud* adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana *fraud* mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, keterpinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Bandaraya Perling Jaya.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunapakai kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Bandaraya Perling Jaya sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Perling Jaya atau jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Perling Jaya memberi gambaran yang saksama.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Bandaraya Perling Jaya telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
[illegible] OKTOBER 2019

KENYATAAN OLEH DATUK BANDAR DAN AHLI MAJLIS

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Kami, Dato' Mohd Sayuthi Bin Bakar, Datuk Bandar dan Ahmad Akhir Bin Pawan Chik, Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2018, Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018, Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 yang berikut ini beserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada 31 Disember 2018 serta hasil kendaliannya dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

.....

DATO' MOHD SAYUTHI BIN BAKAR

Datuk Bandar,

Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Tarikh : 29 APR 2019

.....

AHMAD AKHIR BIN PAWAN CHIK

Ahli Majlis,

Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Tarikh : 29 APR 2019

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Saya, NIK NAZLI BINTI NIK ABDULLAH K.P. NO. 651129-03-5108 pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya, dengan ikhlasnya mengakui bahawa, Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2018, Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018, Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 yang berikutnya ini beserta dengan nota-nota, mengikut sebaik-baiknya pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercaya bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh
Penama di atas NIK NAZLI BINTI NIK ABDULLAH
Di Petaling Jaya.
Pada .....29 APR 2019

Dihadapan saya :

.....

29 APR 2019

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2018

	NOTA	2018 (RM)	2017 (RM)
ASET			
Aset Semasa			
Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima	3	69,734,613	74,062,364
Urusniaga Pertukaran Belum Terima	4	8,958,209	10,143,039
Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit dan Terakru	5	8,695,831	6,544,018
Simpanan Tetap	6	411,168,617	460,982,877
Wang Dalam Bank dan Di Tangan	7	63,309,648	61,782,589
Jumlah Aset Semasa		**561,866,918**	**613,514,887**
Aset Bukan Semasa			
Hartanah, Loji dan Peralatan	8	93,867,787	93,262,442
Kerja Dalam Kemajuan	9	39,032,405	6,302,381
Aset Tak Ketara	10	1,797,043	2
Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit dan Terakru	5	192,535	235,554
Jumlah Aset Bukan Semasa		**134,889,770**	**99,800,379**
Jumlah Aset		**696,756,688**	**713,315,266**
LIABILITI			
Liabiliti Semasa			
Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbelanjaan Terakru	11	286,419,175	253,374,277
Geran Tertunda	12	-	15,088,952
Wang Amanah (Kurang 1 Tahun)	13	6,595,430	878,492
Akaun Amanah	14	140,609,130	154,998,238
Peruntukan Manfaat Kakitangan	15	9,760,941	-
Jumlah Liabiliti Semasa		**443,384,676**	**424,339,959**
Jumlah Aset Bersih		**253,372,012**	**288,975,307**
ASET BERSIH			
Kumpulan Wang Majlis		251,872,012	287,475,307
Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan		1,500,000	1,500,000
Jumlah Aset Bersih		**253,372,012**	**288,975,307**

Nota-nota di mukasurat 6 hingga 47 merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini.

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	NOTA	2018 (RM)	2017 (RM)
HASIL			
Urusniaga Bukan Pertukaran	16.1	296,559,948	292,301,324
Urusniaga Pertukaran	16.2	66,901,600	62,417,471
Pelbagai Hasil	16.3	2,428,399	18,250,197
JUMLAH HASIL		365,889,947	372,968,992
PERBELANJAAN			
Perbelanjaan Mengurus			
Emolumen	16.4	105,562,978	103,642,878
Perkhidmatan dan Bekalan	16.5	184,250,987	165,333,379
Aset	16.6	-	79,180
Pemberian dan Kenaan Tetap	16.7	255,908	430,436
Perbelanjaan Lain	16.8	27,660,901	29,689,451
JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS		317,730,774	299,175,322
Perbelanjaan Pembangunan			
Perkhidmatan dan Bekalan	16.9	78,043,680	76,930,662
Aset	16.10	33,936,830	36,061,032
Pembenan dan Kenaan Tetap	16.11	1,374,376	1,109,818
JUMLAH PERBELANJAAN PEMBANGUNAN		113,354,886	114,101,512
JUMLAH PERBELANJAAN		431,085,660	413,276,834
KURANGAN BAGI TAHUN		(65,195,713)	(40,307,842)

Nota-nota di muka surat 6 hingga 47 merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	NOTA	KUMPULAN WANG MAJLIS	KUMPULAN WANG PINJAMAN KAKITANGAN	JUMLAH ASET BERSIH
		RM	RM	RM
Baki pada 01 Januari 2017		327,783,149	1,500,000	329,283,149
Tambahan / (Kurangan) Kumpulan Wang		-	-	-
(Kurangan) tahun semasa		(40,307,842)	-	(40,307,842)
Pada 31 Disember 2017		287,475,307	1,500,000	288,975,307
Baki pada 01 Januari 2018		287,475,307	1,500,000	288,975,307
Pelarasan tahun lalu - seperti dinyatakan semula	17	29,592,418	-	29,592,418
(Kurangan) tahun semasa		(65,195,713)	-	(65,195,713)
Pada 31 Disember 2018		**251,872,012**	**1,500,000**	**253,372,012**

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	2018 (RM) RM	2017 (RM) RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI :		
Lebihan/ (Kurangan) Pendapatan	(65,195,713)	(40,307,842)
Pergerakan bukan tunai :		
Susutnilai Dan Pelunasan	17,547,585	16,899,587
Hapuskira Hartanah, Loji Dan Peralatan	70,930	-
Pelarasan Aset Dan Susutnilai	29,592,416	-
Peruntukan Hutang Ragu	31,367	(11,171,265)
Penurunan/ (Peningkatan) Belum Terima	3,372,420	(8,330,438)
Peningkatan Belum Bayar	33,044,898	22,087,658
Peningkatan Wang Amanah (Kurang 1Ttahun)	5,716,938	221,097
Penurunan Geran Tertunda	(15,088,952)	(16,303)
(Penurunan) Kumpulan Akaun Amanah	(14,389,108)	(12,253,655)
Peningkatan Peruntukan Manfaat Kakitangan	9,760,941	-
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi	**4,463,722**	**(32,871,161)**
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian Hartanah, Loji Dan Peralatan	(18,223,858)	(35,966,481)
Penambahan Aset Tak Ketara	(1,797,041)	-
Peningkatan Kerja Dalam Kemajuan	(32,730,024)	(425,043)
Aliran Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan	**(52,750,923)**	**(36,391,524)**
(Penurunan) Bersih Dalam Tunai Dan Kesetaraan Tunai	(48,287,201)	(69,262,685)
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Bawa Hadapan	522,765,466	592,028,151
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 31 DISEMBER	**474,478,265**	**522,765,466**
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tempoh terdiri daripada :		
Wang Dalam Bank Dan Di Tangan	63,309,648	61,782,589
Simpanan Tetap	411,168,617	460,982,877
WANG TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK	**474,478,265**	**522,765,466**

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	JUMLAH BAJET ASAL RM	JUMLAH BAJET AKHIR RM	JUMLAH SEBENAR RM	^VARIAN BAJET RM
PENERIMAAN				
Urusniaga Bukan Pertukaran	313,143,680	313,143,680	303,639,441	9,504,239
Urusniaga Pertukaran	79,673,740	79,673,740	66,601,472	13,072,268
Pelbagai Hasil	27,847,050	27,847,050	2,428,399	25,418,651
Jumlah Penerimaan	420,664,470	420,664,470	372,669,312	47,995,158
PEMBAYARAN				
Perbelanjaan Mengurus				
Emolumen	116,163,930	117,247,550	105,562,977	11,684,573
Perkhidmatan dan Bekalan	190,706,210	206,409,070	185,323,757	21,085,313
Aset	6,447,500	6,393,840	5,645,988	747,852
Pemberian dan Kenaan Tetap	1,512,740	324,680	255,908	68,772
Perbelanjaan Lain	32,923,680	17,378,920	9,200,798	8,178,122
Jumlah Perbelanjaan Mengurus	347,754,060	347,754,060	305,989,428	41,764,632
Perbelanjaan Pembangunan				
Perkhidmatan dan Bekalan	93,131,880	88,558,390	80,017,912	8,540,478
Aset	46,820,030	51,481,730	50,636,183	845,547
Pemberian dan Kenaan Tetap	1,550,500	1,462,290	1,374,376	87,914
Jumlah Perbelanjaan Pembangunan	141,502,410	141,502,410	132,028,471	9,473,939
Jumlah Pembayaran	489,256,470	489,256,470	438,017,899	51,238,571
PENERIMAAN BERSIH	(68,592,000)	(68,592,000)	(65,348,587)	(3,243,413)

^ Merujuk kepada varian di antara Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

1. MAKLUMAT AM

1.1 Kegiatan Utama Majlis

Kegiatan Utama Majlis adalah untuk menyediakan perkhidmatan perbandaran, mengawal pembangunan tanah dan bangunan, memberikan perkhidmatan pembersihan, menjaga dan mengawal kesihatan awam, membina dan menyelenggara kemudahan rekreasi, jalan awam serta parit/ saliran.

Mengutip/ mengenakan hasil dan terimaan ditetapkan oleh akta dan undang-undang kecil yang berkuatkuasa.

1.2 Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan Majlis.

1.3 Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 telah dibentangkan dan diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan pada 22 April 2019 dan disahkan di dalam Mesyuarat Majlis pada 29 April 2019.

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

2.1.1 Penyata Kewangan Majlis disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

2.1.2 Penyata Kewangan ini adalah merupakan Penyata Kewangan peralihan kedua yang disediakan menggunakan MPSAS kerana Majlis telah memilih pengecualian berhubung dengan pengiktirafan aset dan liabiliti seperti yang dinyatakan pada nota 2.20.2 kepada Penyata Kewangan.

2.1.3 Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ia hendaklah didedahkan dalam Nota 2.20 kepada Penyata Kewangan.

2.2 Pengiktirafan Pendapatan

2.2.1 Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Urusniaga bukan pertukaran akan diktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urusniaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) *Cukai Taksiran*
Cukai Taksiran adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis. Cukai Taksiran diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil cukai taksiran dikeluarkan iaitu pada setiap 1 Januari dan 1 Julai.

(ii) *Sumbangan Membantu Kadar*
Sumbangan Membantu Kadar adalah hasil cukai tidak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di kawasan Majlis. Sumbangan Membantu Kadar diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil dikeluarkan iaitu pada setiap awal tahun.

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

(iii) *Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit*

Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Ianya termasuk lesen perniagaan, permit sementara, lesen anjing, iklan dan lain-lain.

(iv) *Denda dan Hukuman*

Denda dan hukuman merupakan bayaran denda, sitaan dan hukuman-hukuman lain yang dikenakan kerana melanggar undang-undang atau kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berkaitan dengan spesifikasi atau masa termasuk denda cukai taksiran, waran, kos guaman, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.

Hasil bagi denda dan hukuman yang lain-lain diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda dan hukuman.

(v) *Geran Kerajaan*

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambil kira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

2.2.2 Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Hasil daripada urusniaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) *Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan*

Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, pelan perancangan, pelan infrastruktur, pelan bangunan, senggaraan gerai dan pasar, potong rumput dan lain-lain perkhidmatan.

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

(ii) *Perolehan dari Jualan Barang-Barang*
Perolehan dari Jualan Barang-Barang merupakan terimaan daripada jualan borang sebut harga dan tender serta jualan harta benda fizikal (tidak termasuk pelaburan) dan lain-lain.

(iii) *Sewaan*
Hasil sewa dikenakan ke atas premis-premis Majlis mengikut syarat perjanjian penyewaan. Hasil sewaan bagi tujuan sosial (sewaan Rumah PPR) diiktiraf sebagai asas tunai.

(iv) *Faedah dan Perolehan dari Pelaburan*
Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambilkira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

(v) Lain-lain terimaan adalah terimaan selain daripada nota 2.2.2 (i) hingga (iv) di atas. Ianya diiktiraf selepas perkhidmatan diberikan.

2.3 Hartanah, Loji dan Peralatan

2.3.1 Hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM2,000.00 setiap satu.

2.3.2 Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai dan rosotnilai terkumpul (jika ada). Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.3.3 Jika berlaku sesuatu aset diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

2.3.4 Nilai dibawah item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.4 Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan

2.4.1 Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat berguna aset-aset berkenaan. Susutnilai tanah pula dikira mengikut tempoh pajakan.

2.4.2 Kadar susutnilai tahunan hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

Bil	Kategori Hartanah, Loji dan Peralatan	Kadar Susutnilai (%)	Tempoh Usia Guna
i	Tanah	- Tanah milikan bebas tidak disusutnilaikan - Tanah pajakan disusutnilai berdasarkan tempoh pajakan	- -
ii	Bangunan	5% setahun	20 tahun
iii	Kenderaan dan Jentera Berat	20% setahun	5 tahun
iv	Kelengkapan Pejabat	20% setahun	5 tahun
v	Peralatan ICT	33.33% setahun	3 tahun
vi	Jentera Ringan dan Mesin	33.33% setahun	3 tahun
vii	Lain-lain kelengkapan alat-alat/ buku	33.33% setahun	3 tahun

2.4.3 Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

2.5 Hartanah Pelaburan

2.5.1 Hartanah Pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut menghasilkan sewa.

2.5.2 Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperoleh melalui urusniaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusniaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

2.5.3 Susulan kepada pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul (jika ada).

2.5.4 Susutnilai hartanah pelaburan dikira menggunakan asas garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut. Hartanah pelaburan berkaitan tanah pegangan bebas tidak disusutkan nilai, tetapi tanah pajakan dilunaskan mengikut tempoh pajakan. Caj susutnilai akan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.5.5 Untung atau rugi akibat pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf pada amaun bersih dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.6 Aset Tak Ketara

2.6.1 Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

2.6.2 Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

2.6.3 Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosotnilai jika terdapat sebarang petunjuk.

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

2.6.4 Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 3 hingga 10 tahun.

2.6.5 Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

2.6.6 Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.7 Kerja Dalam Kemajuan

Kerja Dalam Kemajuan adalah bagi kerja-kerja pembinaan hartanah, loji dan peralatan serta perisian komputer dalam pelaksanaan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos bagi pembinaan hartanah, loji dan peralatan akan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan mengikut tarikh Sijil Perakuan Siap (Certificate of Practical Completion) dikeluarkan atau tarikh siap kerja dan dilunaskan. Bagi kos perisian komputer pula ia akan dipermodalkan apabila perisian tersebut sedia untuk digunakan dan dilunaskan.

2.8 Aset Kewangan

2.8.1 Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.8.2 Pada pengiktirafan awal, aset kewangan yang diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan.

2.8.3 Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

2.8.4 Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvesyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

2.8.5 Majlis hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

(i) *Pinjaman dan Belum Terima*
Pinjaman dan Belum Terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan atau ditolak rosotnilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambilkira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

(ii) *Pelaburan Dipegang Hingga Matang*
Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila Majlis mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang sehingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan atau ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kaedah faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

RosotNilai Aset Kewangan
Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosotnilai. Bukti objektif termasuk:

(i) Kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
(ii) Pembayaran tertunggak;
(iii) Kemungkinan bahawa peminjam akan muflis;
(iv) Data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai;
(v) Selepas sekurang-kurangnya 10 kali notis E dikeluarkan; atau
(vi) Selepas penggulungan dan pembubaran syarikat serta pengambilalihan tanah.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam Majlis yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosotnilai.

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

Kerugian rosotnilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosotnilai menurun, kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Majlis telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.9 Peruntukan dan Liabiliti

2.9.1 Peruntukan diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila Majlis menjangkakan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam Penyata Prestasi Kewangan daripada sebarang pembayaran balik.

2.10 Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

2.10.1 Liabiliti Luar Jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf tetapi didedahkan dalam Penyata Kewangan. Obligasi yang muncul dari peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan Majlis keseluruhan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

2.10.2 Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh Majlis. Majlis tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam Penyata Kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

2.11 Liabiliti Kewangan

2.11.1 Liabiliti Kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.11.2 Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

2.11.3 Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.

2.11.4 Majlis mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

(i) *Pinjaman dan Belum Bayar*
Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosotnilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

(ii) *Penyahiktirafan Liabiliti kewangan*
Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

2.12 Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan Dan Lain-Lain

